

**INTENSIFYING
DEVELOPMENT
FOSTERING
TRANSFORMATION**

**MEMPERGIATKAN PEMBANGUNAN
MENDORONG TRANSFORMASI**

2015
ANNUAL REPORT
LAPORAN TAHUNAN



As an experienced Corporation entrusted to promote the growth and development of the Malaysian SME community, we are currently embarking on a 5-Year Strategic Plan that would effectively nurture the budding seeds of transformation in upgrading the Corporation into one that is more proactive and financially sustainable in the field of SMEs. The implementation of our new core values – “THiNK”; which comprises of Teamwork (T), Hardworking (H), Integrity (I), Nurturing (N) and lastly, Knowledgeable (K), is to inculcate a higher standard of quality performance amongst the staff.

The process of diamond crafting which is exemplified in this cover; relates to the Corporation’s mandate in developing SMEs via the provision of various financial products and services. Through our provisions, these SMEs are given the chance to ‘sparkle and shine’ in making their way through the path of entrepreneurship.


Credit Guarantee Corporation. Intensifying Development to Foster Transformation.



Sebagai sebuah Syarikat berpengalaman yang diamanahkan untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan komuniti PKS di Malaysia, kami memulakan Pelan Strategik 5 Tahun yang secara efektif akan menyemai benih transformasi dalam menaik taraf organisasi untuk menjadi sebuah organisasi yang proaktif, relevan dan mampan dalam bidang PKS. Pelaksanaan nilai-nilai baru kami - “THiNK”; yang terdiri daripada - Kerjasama (T), Tekun (H), Berwibawa (I), Mendidik (N) dan Berpengetahuan (K), adalah untuk memupuk kualiti prestasi yang lebih tinggi di kalangan kakitangan.

Proses pembentukan berlian yang digambarkan di muka depan; berkaitan dengan mandat CGC dalam pembangunan PKS melalui penyediaan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan. Melalui peruntukan kami, PKS diberikan peluang untuk 'bersinar dengan cemerlang' dalam memulakan perjalanan keusahawanan mereka.

Credit Guarantee Corporation. Mempergiatkan Pembangunan untuk Mendorong Transformasi.



Diamonds come in diverse shapes, sizes and colours. By having a diverse workforce, the first value defines how we work together as a team; both internally (colleagues & management) and externally (clients) in establishing and preserving long-term relationships with our stakeholders.

Berlian boleh didapati dalam pelbagai bentuk, saiz dan warna. Dengan mempunyai tenaga kerja yang pelbagai, nilai pertama mentakrifkan bagaimana kami bekerjasama sebagai satu pasukan; dari dalam (rakan sekerja dan pihak pengurusan) dan dari luar (pelanggan) dalam mewujudkan dan memelihara hubungan jangka panjang dengan pihak berkepentingan.



Through a certain degree of intense pressure employed by the hands of experts in crystallising the precise symmetry and rough edges of the gem, diamonds are formed from mere rubble. In applying this concept in the intense business environment of today, being hardworking helps in reflecting our commitment and determination in shaping a promising future for the SMEs.


Melalui tahap tekanan tertentu yang digunakan oleh pakar dalam membentuk simetri tepat dan bahagian tepi permata yang kasar, berlian terbentuk dari serpihan batu. Dengan menggunakan konsep ini dalam persekitaran perniagaan yang sengit pada masa kini, ketekunan membantu mencerminkan komitmen dan kesungguhan kami dalam membentuk masa depan yang cerah bagi PKS.



Diamonds that are of the highest quality face no impurities and clarity is reflected clearly on the gem since it is the defining factor in determining its grade. Hence, in possessing the clarity of reaching our visionary goals, the third value defines how our business is conducted and hones in on the principles and behaviours practiced in maintaining an ethical approach.

Berlian yang berkualiti tinggi tidak mempunyai kecacatan namun kejernihan jelas terpancar pada permata kerana ia adalah faktor yang menentukan grednya. Oleh itu, dalam memiliki kejelasan untuk mencapai matlamat kami, nilai ketiga mentakrifkan bagaimana perniagaan kami dijalankan dan memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip dan tingkah laku yang diamalkan dalam mengekalkan pendekatan beretika.






In order to illuminate the sparkle and brilliance of a diamond, thorough polishing is required as a means of ensuring that the facets are smooth and reflective while being handled with utmost caution. In our case, the similarities can be seen when we extend the helping hand to SMEs in need, by polishing their ventures via the provision of various financial schemes and advisory services.

Untuk menyerlahkan kilauan berlian, ia digilap dengan rapi untuk memastikan permukaannya licin dan memancar sambil mengendalikannya dengan berhati-hati. Persamaan boleh dilihat apabila kami menghulurkan bantuan kepada PKS yang memerlukan, dengan menyempurnakan usaha mereka melalui penyediaan pelbagai skim kewangan dan khidmat nasihat.



A large, stylized letter 'K' is positioned on the left side of the page, rendered in a dark blue color against a dark navy blue background. The 'K' is composed of several geometric shapes, including a vertical bar and two diagonal bars that meet at a central point. The overall design is modern and minimalist.

Upon the creation of the diamond piece, checking is done to ensure that it has met targeted specifications and this is usually carried out under the scrutiny of knowledgeable gem experts. Similarly, we at the Corporation shall continue sharing our expertise in ensuring the success of our chain of clients.

Setelah berlian dihasilkan, pemeriksaan dilakukan untuk memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan dan ini biasanya dilakukan di bawah pengawasan pakar permata. Begitu juga di CGC, kami akan terus berkongsi kepakaran dalam memastikan kejayaan rangkaian pelanggan.



CONTENTS

KANDUNGAN



MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

MESEJ DARIPADA PENGERUSI

14



MESSAGE FROM THE PRESIDENT / CHIEF EXECUTIVE OFFICER

MESEJ DARIPADA
PRESIDEN /
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

26

ABOUT US MENGENAI KAMI

- 2 Corporate Vision & Mission
Visi & Misi Korporat
- 4 CGC At A Glance
CGC Sepintas Lalu
- 6 2015 Achievements & Accomplishments
Kejayaan & Pencapaian 2015
- 8 Organisation Structure
Struktur Organisasi
- 10 Corporate Information
Maklumat Korporat

LEADERSHIP PERSPECTIVES & PROFILES PERSPEKTIF KEPIMPINAN & PROFIL

- 14 Message From The Chairman
Mesej Daripada Pengerusi
- 26 Message From The President/
Chief Executive Officer
*Mesej Daripada Presiden/
Ketua Pegawai Eksekutif*
- 40 Board Of Directors
Lembaga Pengarah
- 42 Directors' Profile
Profil Pengarah
- 50 Management Team
Ahli Pengurusan
- 52 Management Team Profile
Profil Ahli Pengurusan

PERFORMANCE HIGHLIGHTS SOROTAN PRESTASI

- 70 Summary Of 5-Year Financial
Highlights
*Ringkasan Sorotan Kewangan
5 Tahun*
- 74 Management Discussion &
Analysis
*Perbincangan Pengurusan
& Analisis*
- 90 CGC 5-Year Strategic Plan
(2016 - 2020)
*Pelan Strategik 5 Tahun
(2016 - 2020)*

OUR COMMITMENT TO RESPONSIBLE PRACTICES KOMITMEN KAMI TERHADAP AMALAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

- 104 Statement On Corporate
Governance
Penyata Tadbir Urus Korporat
- 124 Statement Of Risk
Management & Internal
Control
*Penyata Pengurusan Risiko &
Kawalan Dalaman*
- 136 Our Outreach Programme
Reaching to Enrich
*Program Jangkauan Kami
"Reaching to Enrich"*
- 142 Corporate Social
Responsibility
*Tanggungjawab Sosial
Korporat*

43rd Annual General Meeting

Mesyuarat Agung Tahunan ke-43

Date / Tarikh :
Wednesday, 1 June 2016
Rabu, 1 Jun 2016

Time / Masa :
12.00 noon
12.00 tengahari

Venue / Tempat :
Maple Room, One World Hotel
3933 First Avenue
Bandar Utama City Centre
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

OPERATIONAL OVERVIEW TINJAUAN OPERASI

- 150 Guarantees / Financing Schemes
Skim Jaminan / Pembiayaan
- 152 Operational Review
Tinjauan Operasi
- 154 Operational Highlights
Sorotan Operasi
- 156 Human Capital Development
Pembangunan Modal Insan
- 161 Corporate Events
Acara Korporat
- 168 CGC in the News
CGC dalam Liputan Akhbar

FINANCIAL STATEMENTS

- 172 Directors' Report
- 175 Statements Of Financial Position
- 177 Statements Of Comprehensive Income
- 179 Statements Of Changes In Equity
- 181 Statements Of Cash Flows
- 183 Notes To The Financial Statements
- 283 Statement By Directors
- 283 Statutory Declaration
- 284 Independent Auditors' Report

PENYATA KEWANGAN

- 288 *Laporan Pengarah*
- 291 *Penyata Kedudukan Kewangan*
- 293 *Penyata Pendapatan Komprehensif*
- 295 *Penyata Perubahan Ekuiti*
- 297 *Penyata Aliran Tunai*
- 299 *Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan*
- 399 *Penyata Lembaga Pengarah*
- 399 *Perakuan Berkanun*
- 400 *Laporan Juruaudit Bebas*

ADDITIONAL CORPORATE INFORMATION

MAKLUMAT KORPORAT TAMBAHAN

- 404 Board Charter
Piagam Lembaga Pengarah
- 418 Compliance Charter
Piagam Pematuhan
- 422 Branch Network
Jaringan Cawangan
- 425 Notice Of Annual General Meeting
Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- Form Of Proxy
Borang Proksi

CORPORATE VISION

VISI KORPORAT

To be an effective financial institution dedicated to promoting the growth and development of competitive and dynamic small and medium enterprises.

Untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang berdaya saing dan dinamik.

CORPORATE MISSION

MISI KORPORAT

To enhance the viability of small and medium enterprises through the provision of products and services at competitive terms and, with the highest degree of professionalism, efficiency and effectiveness.

Membantu perusahaan kecil dan sederhana dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang kompetitif dengan tahap profesionalisme, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.

CGC AT A GLANCE

CGC SEPINTAS LALU

.....

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) was established on 5 July 1972 with the sole objective of assisting small and medium-size enterprises (SMEs) with potentially viable businesses but which lack collateral and track records to obtain financing from financial institutions. CGC has been bridging the gap between financial institutions and SMEs by providing guarantees on financing facilities applied for by SMEs and direct financing for certain segments. CGC has guaranteed over 437,000 financing to SMEs valued over RM59 billion since its establishment.

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) telah ditubuhkan pada 5 Julai 1972 dengan matlamat untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang memiliki perniagaan berdaya maju tetapi tidak mempunyai cagaran dan rekod prestasi untuk mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan. CGC merapatkan jurang di antara institusi kewangan dan PKS dengan menyediakan perlindungan jaminan kepada kemudahan pembiayaan yang dipohon oleh PKS dan pembiayaan langsung bagi segmen tertentu. CGC telah menjamin kira-kira 437,000 pinjaman bernilai lebih RM59 bilion sejak ia ditubuhkan.

.....

CGC has evolved with the times to stay relevant. It has transformed itself from a traditional guarantee provider into a financially sustainable institution that provides a wide range of products and services for greater SME outreach. It has forged strategic alliances with leading financial institutions, to offer financing on a Portfolio Guarantee (PG) basis to enable SMEs to have relatively quicker access to guarantee / financing needed for their businesses. CGC has also ventured into Wholesale Guarantee (WG) to offer financing for unsecured businesses. In addition to that, CGC has also launched the BizMula-i and BizWanita-i direct financing facilities to support start-ups and businesses owned /managed by women entrepreneurs respectively.

CGC's support for SMEs is not only confined to the provision of guarantees and financing facilities, but also credit information and credit rating services through its subsidiary, Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd. Through the Bureau, CGC assists SMEs in building credit histories and track records as a means to enhance their credibility and bankability to secure financing on their own merit and at reasonable cost.

CGC shall remain focused on its mandated role in assisting potentially viable SMEs with access to financing. This is in line with CGC's vision to be an effective financial institution that is dedicated towards promoting the growth and development of competitive and dynamic Small and Medium Enterprises with the tagline '**Powering Malaysian SMEs**'.



CGC telah berubah seiring dengan masa untuk terus kekal relevan. Ia telah menjalani perubahan daripada pemberi jaminan tradisional kepada sebuah institusi kewangan yang mampan, menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan untuk meluaskan jangkauan PKS. Ia telah menjalinkan pakatan strategik dengan institusi-institusi kewangan terkemuka yang menawarkan pembiayaan secara Jaminan Portfolio (PG) yang mampu mempercepatkan pemprosesan dan kelulusan bagi membolehkan PKS mendapatkan akses kepada pembiayaan yang diperlukan untuk perniagaan mereka. CGC juga telah melaksanakan Jaminan Borong (WG) untuk menawarkan pembiayaan kepada perniagaan tidak bercagar, satu usaha yang pertama di negara ini. Selain dari itu, CGC juga telah melancarkan BizMula-i dan BizWanita-i, skim pembiayaan langsung untuk membantu perniagaan baru dan perniagaan yang dimiliki oleh usahawan wanita.

Sokongan CGC kepada PKS tidak hanya terhad kepada penyediaan jaminan pinjaman dan kemudahan pembiayaan, malah juga ke atas maklumat kredit dan penarafan perkhidmatan kredit melalui anak syarikatnya, Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd. Melalui Biro ini, CGC membantu PKS membina rekod kredit bagi meningkatkan kredibiliti dan keupayaan mereka untuk memperoleh pembiayaan berdasarkan prestasi mereka sendiri dengan kos yang munasabah.

*CGC akan terus memberi tumpuan kepada peranannya dalam membantu PKS yang berdaya maju dengan akses kepada pembiayaan. Ini adalah sejajar dengan visi CGC untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang berdaya saing dan dinamik, selaras dengan slogan CGC '**Memperkasakan PKS Malaysia**'.*

2015 ACHIEVEMENTS & ACCOMPLISHMENTS

KEJAYAAN & PENCAPAIAN 2015

Key Outreach Initiatives

In line with the Corporation's vision to be an effective financial institution dedicated to promoting the growth and development of competitive and dynamic SMEs and also to establish itself as a household name for SMEs, it aggressively pursued its SME outreach agenda by forging strategic alliances with leading financial institutions. In April 2015, the Corporation signed a portfolio guarantee agreement with AmBank Berhad worth RM300 million. In August 2015, the Corporation launched its Mandarin and Tamil websites, making CGC the first Financial Institution in Malaysia to have a website in four (4) main languages. The Corporation also signed a Memorandum of Understanding (MoU) with Banco Central de Timor-Leste and the Business Development Fund of Rwanda to assist in the implementation of credit guarantee institutions in both countries.

Outreach Achieved

The Corporation achieved a notable guarantee / financing approvals growth rate of 20.3% in terms of the number of guarantee / financing approved and 5.7% in value in 2015 as compared to 2014. The increase was attributed to aggressive marketing of the Corporation's guarantee schemes with strategic bank partners. CGC approved a total of RM1.7 billion worth of PGs with six (6) financial institutions (FIs) which accounted for 50% of guarantee / financing approvals. Both PG and WG made-up 63% of CGC business valued at RM2.1 billion with 5,072 accounts approved. In total, the Corporation approved 8,225 guarantee / financing worth RM3.4 billion.

Given a good response in the Start-Up business segment, the Corporation launched the BizWanita-i direct financing facility in October 2015 with a fund size of RM30 million. It was well received by the market and within five (5) months of its launch, 90 applications valued at RM10.5 million were approved. In 2015, the Corporation approved a total of 190 guarantee / financing valued at RM172.4 million under TPUB-i and 2,385 guarantee / financing under

Inisiatif Jangkauan Utama

Selaras dengan visi CGC untuk menjadi institusi kewangan yang dikhususkan untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing dan dinamik, dan juga menjadi pilihan utama bagi PKS, CGC dengan agresif meneruskan agenda jangkauan PKS melalui pakatan strategik dengan bank-bank tempatan dan luar negara yang terkemuka. Pada bulan April 2015, CGC menandatangani perjanjian jaminan portfolio dengan AmBank Berhad bernilai RM300 juta. Pada bulan Ogos 2015, CGC melancarkan laman web bahasa Mandarin dan Tamil, menjadikan ia sebagai Institusi Kewangan pertama di Malaysia yang mempunyai laman web dengan empat (4) bahasa utama. CGC juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Banco Central de Timor-Leste dan Business Development Fund of Rwanda untuk membantu dalam pelaksanaan institusi jaminan kredit di negara masing-masing tersebut.

Jangkauan Dicapai

CGC mencapai kadar pertumbuhan jaminan / pembiayaan kelulusan yang ketara sebanyak 20.3% dari segi jumlah jaminan / pembiayaan yang diluluskan dan 5.7% dari segi nilai pada tahun 2015 berbanding 2014. Peningkatan ini adalah hasil daripada pemasaran agresif skim jaminan dengan rakan strategik bank. CGC telah meluluskan sebanyak RM1.7 bilion PG dengan enam (6) institusi kewangan yang menyumbang 50% daripada jumlah kelulusan jaminan / pembiayaan. Secara keseluruhan, PG dan WG membentuk 63% daripada perniagaan CGC bernilai RM2.1 bilion dengan 5,072 akaun diluluskan. Bagi tahun 2015, CGC telah meluluskan sejumlah 8,225 pembiayaan bernilai RM3.4 bilion.

Memandangkan sambutan yang baik dalam segmen perniagaan baru, CGC melancarkan skim pembiayaan langsung BizWanita-i pada bulan Oktober 2015 dengan saiz dana sebanyak RM30 juta. Skim ini juga mendapat sambutan baik oleh pasaran dan dalam tempoh lima (5) bulan selepas pelancarannya, 90 permohonan bernilai RM10.5 juta telah diluluskan. Pada tahun 2015, CGC



all schemes valued at RM980.3 million for Bumiputera SMEs. Under the Green Technology Financing Schemes (GTFS), a total of 55 applications valued at RM449.7 million were approved.

Recognition for Product Innovation

The Corporation's Wholesale Guarantee scheme was recognised and awarded the 'Outstanding Development Project 2015' under the SME Development category for innovation by ADFIAP, the Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific. The Corporation was also accorded The Karlsruhe Sustainable Finance Award 2015 for Best Innovation in Financial Services award in recognition of its success in direct financing for start-up businesses – the BizMula-i. These international recognitions are testimony to the Corporation's ability to develop and deliver innovative financing solutions that are able to have a great impact on SME development in the country.

CGC was awarded a special 'Plaque of Merit' under the SME Development category by ADFIAP for its BizWanita-i direct financing product which was specifically designed for businesses owned by women entrepreneurs. CGC was also awarded a special award for Best Website by ADFIAP at its 39th Annual Meeting on 2 May 2016 which was held in Samoa.

Employer of Choice Awards 2015

CGC has been accorded the Silver Award under the Employer of Choice category at the Malaysia HR Awards 2015. The Malaysia HR Award is a national event organised by the Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM) since 1999. The awards are strongly supported by the human resource community, and the Honourable Minister of Human Resource as a patron. CGC's participation in the event as a contender for the first time led to its success in winning the Silver Award under the Employer of Choice category.

telah meluluskan sebanyak 190 jaminan / pembiayaan bernilai RM172.4 juta di bawah TPUB-i dan 2,385 jaminan / pembiayaan di bawah semua skim bernilai RM980.3 juta untuk PKS Bumiputera. Di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), 55 permohonan bernilai RM449.7 juta telah diluluskan.

Pengiktirafan Inovasi Produk

Skim Jaminan Borong CGC diiktiraf dan dianugerahkan 'Projek Pembangunan Cemerlang 2015' di bawah kategori Pembangunan PKS untuk inovasi oleh ADFIAP, Persatuan Institusi Pembiayaan Pembangunan di Asia dan Pasifik. CGC juga menerima Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe 2015 untuk Inovasi Terbaik dalam Perkhidmatan Kewangan sebagai mengiktiraf kejayaan CGC dalam pembiayaan langsung untuk perniagaan baru – BizMula-i. Pengiktirafan antarabangsa membuktikan keupayaan CGC untuk membangunkan dan menyampaikan penyelesaian pembiayaan inovatif yang boleh membawa kesan yang besar kepada pembangunan PKS di negara ini.


CGC telah dianugerahkan 'Plaque of Merit' di bawah kategori Pembangunan PKS oleh ADFIAP untuk produk pembiayaan langsung BizWanita-i yang direka khas untuk perniagaan yang dimiliki oleh usahawan wanita. CGC juga telah menerima anugerah khas Laman Web Terbaik oleh ADFIAP pada Mesyuarat Tahunan ke-39 pada 2 Mei 2016 yang diadakan di Samoa.


Anugerah Majikan Pilihan 2015

CGC telah diberikan Anugerah Perak di bawah kategori Majikan Pilihan di Anugerah HR Malaysia 2015. Anugerah HR Malaysia adalah satu acara kebangsaan yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia (MIHRM) sejak tahun 1999. Anugerah ini disokong kuat oleh komuniti sumber manusia dengan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebagai penaung. CGC telah mengambil bahagian dalam acara ini sebagai pesaing buat kali pertama dan ini telah membawa kepada kejayaan memenangi Anugerah Perak di bawah kategori Majikan Pilihan.

ORGANISATION STRUCTURE

STRUKTUR ORGANISASI





CORPORATE INFORMATION MAKLUMAT KORPORAT

BOARD OF DIRECTORS *LEMBAGA PENGARAH*

Non-Executive Chairman
Pengerusi Bukan Eksekutif
Y.Bhg. Dato' Agil Natt

Non-Executive Directors/
Pengarah Bukan Eksekutif

Y.Bhg. Datuk David Chua Kok Tee

Y.Bhg. Dato' Hj. Syed Moheeb Syed Kamarulzaman

Y.Bhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad
(resigned on 01/01/2016)

Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli

Encik Teoh Kok Lin

Encik Suresh Menon

Encik Ong Eng Bin

Puan Nadzirah Abd. Rashid
(appointed on 22/10/2015)

President/Chief Executive Officer
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
Encik Mohd Zamree Mohd Ishak

REGISTERED OFFICE
PEJABAT BERDAFTAR

Level 14, Bangunan CGC
Kelana Business Centre
No.97, Jalan SS 7/2
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

**BUSINESS AND
CORRESPONDENCE ADDRESS**
*ALAMAT PERNIAGAAN DAN SURAT
MENYURAT*

Level 8, Bangunan CGC
Kelana Business Centre
No.97, Jalan SS 7/2
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

COMPANY SECRETARY
SETIAUSAHA SYARIKAT

Daeng Hafez Arafat Zuhud
LS0007002

AUDITOR
JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
(AF 1146)
Chartered Accountants
Akauntan Bertauliah



LEADERSHIP PERSPECTIVES & PROFILES

PERSPEKTIF KEPIMPINAN DAN PROFIL

14

Message From The Chairman
Mesej Daripada Pengerusi

26

Message From The President/ Chief Executive Officer
Mesej Daripada Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif

40

Board Of Directors
Lembaga Pengarah

42

Directors' Profile
Profil Pengarah

50

Management Team
Ahli Pengurusan

52

Management Team Profile
Profil Ahli Pengurusan

MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

MESEJ DARIPADA PENGERUSI

DEAR SHAREHOLDERS,

On behalf of the Board of Directors, it is with great pleasure that I present to you the Annual Report of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (Corporation) for the financial year ended 31 December 2015.

I am pleased to report that the Corporation weathered the challenges of an increasingly competitive market environment to make strong advances on the small and medium enterprise (SME) outreach front. The year saw the Corporation's team delivering another year of commendable growth as our people worked hard to intensify SME development and foster transformation within our organisation. To expand our SME outreach, the Corporation continued to leverage on financial institutions as the main channel for SMEs to avail themselves of our guarantees. At the same time, we forged alliances with non-financial institutions to accord SMEs access to financing. To meet the needs of a broader spectrum of target audiences and improve turnaround time, we introduced a range of schemes as well as tapped innovative products. As a result, 8,225 guarantees /financing valued at RM3.4 billion were approved in 2015.

PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Saya berbesar hati melaporkan bahawa CGC berjaya mengharungi cabaran persekitaran pasaran yang semakin kompetitif untuk maju ke hadapan dengan yakin dari segi jangkauan dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Tahun ini menyaksikan pasukan CGC sekali lagi mencapai kemajuan membanggakan ketika kami bekerja keras untuk meningkatkan pembangunan PKS dan menggalakkan transformasi dalam organisasi kami. Untuk memperluaskan jangkauan PKS, CGC terus menggunakan institusi kewangan sebagai saluran utama bagi PKS untuk memanfaatkan jaminan kami. Pada masa yang sama, kami bekerjasama dengan institusi bukan kewangan untuk memberikan akses kewangan kepada PKS. Bagi memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasaran dan memperbaiki tempoh pemprosesan, kami memperkenalkan pelbagai skim serta produk inovatif. Hasilnya, 8,225 jaminan/pembiayaan bernilai RM3.4 bilion telah diluluskan pada tahun 2015.





Our concerted efforts led us to turning in our sixth consecutive year of profitability with the Corporation registering a net profit of RM140.0 million for the year under review (2014: RM143.8 million). As at 31 December 2015, the Corporation's shareholders' funds stood at RM2.9 billion in comparison to RM2.8 billion as at end 2014.

OUR SEVEN KEY FOCUS AREAS

We also made solid progress by way of strengthening the seven (7) key focus areas that we identified in 2015. I am pleased to report that our efforts to bolster these areas have begun to bear fruit.

Maximise SME outreach

Our success in approving guarantees/ financing valued at RM3.4 billion comes on the back of an effective product and segment growth strategy. The former strategy serves as a high-growth strategy for the Portfolio Guarantee (PG) and Wholesale Guarantee (WG) schemes to increase outreach. Through aggressive marketing, the PG and WG schemes made up 63% of the guarantees/ financing approvals or RM2.1 billion in 2015. On top of this, we leveraged on government-backed schemes such as Green Technology Financing Scheme (GTFS) and Intellectual Property Financing Scheme (IPFS) to finance businesses that are involved in green technology and intellectual property.

As part of our efforts to maximise SME outreach amongst the Bumiputera entrepreneur segment and build a bigger Bumiputera base, we promoted our Bumiputera-centric product-the Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) financing facility and also signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the National Malay Chamber of Commerce. In a tie-up with Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) for contract financing under the TPUB-i scheme, the Corporation was the preferred financier for MRT Corp's G1 to G4 Bumiputera contractors for its MRT Line 1 Project.

Usaha bersepadu kami telah membawa kepada keuntungan bagi enam tahun berturut-turut dengan CGC mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM140 juta bagi tahun 2015 (2014: RM143.8 juta). Pada 31 Disember 2015, dana pemegang saham CGC dicatatkan pada RM2.9 bilion berbanding RM2.8 bilion pada akhir 2014.

TUJUH BIDANG TUMPUAN UTAMA KAMI

Kami juga telah mencapai kemajuan dalam mengukuhkan tujuh (7) bidang tumpuan utama yang kami kenal pasti pada tahun 2015. Saya dengan sukacita melaporkan bahawa usaha kami untuk mengukuhkan bidang-bidang ini telah mula membuah hasil.

Memaksimumkan jangkauan PKS

Kejayaan kami dalam meluluskan jaminan/pembiayaan bernilai RM3.4 bilion adalah hasil daripada strategi pertumbuhan produk dan strategi pertumbuhan segmen yang efektif. Strategi yang pertama berfungsi sebagai strategi pertumbuhan tinggi untuk skim Jaminan Portfolio (PG) dan skim Jaminan Borong (WG) untuk meningkatkan jangkauan. Melalui pemasaran yang agresif, skim PG dan WG terdiri daripada 63% jumlah kelulusan jaminan/pembiayaan atau RM2.1 bilion pada tahun 2015. Selain dari itu, kami juga memanfaatkan skim sokongan kerajaan seperti Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dan Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) untuk membiayai perniagaan yang terlibat dalam teknologi hijau dan harta intelek.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memaksimumkan jangkauan PKS di kalangan usahawan Bumiputera dan membina asas bagi pertumbuhan Bumiputera yang lebih kukuh, kami menggalakkan produk Bumiputera kami, iaitu kemudahan pembiayaan Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) dan juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Dalam kerjasama dengan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) untuk kontrak pembiayaan di bawah skim TPUB-i, CGC menjadi pembiaya pilihan bagi kontraktor Bumiputera gred G1 hingga G4 MRT Corp untuk Projek MRT Laluan 1.

Investment as an integral component of our business model

In 2015, we continued to implement a low risk investment and capital preservation strategy to strengthen our reserves. Despite challenging economic conditions, investment income totalled RM145.7 million which comprised 45% of total income. This was achieved based on prudent asset allocation with the appropriate risk adjusted returns in view of the investment objective of capital preservation.

Improving operational efficiency and effectiveness

For the year in review, the Corporation targeted a higher Turnaround Time (TAT) charter of 90% in comparison to a TAT of 80% in 2014. The year's efficiency and effectiveness indicators all showed that by leveraging on improvements in processing and documentation processes, we surpassed the TAT targets set. We also embarked on key initiatives to enhance operational efficiency and effectiveness. This included the completion of business automation initiatives to improve service delivery for the PG scheme in September 2015. Seventeen key initiatives were identified under the Business Process Reengineering initiative to be executed over the next three years.

Increase organisation capacity and capabilities

To increase the Corporation's capacity and capabilities, we rolled out several initiatives in 2015. These included the implementation of a Succession Planning Framework to ensure business continuity and the availability of a talent pool of leaders ready to fill vacant key positions; the continued upskilling of a competent and knowledgeable workforce via a notable increase to the training budget; enhancements to the performance-based rewards mechanism through salary adjustment and benefits review exercises; and the establishment of a Graduate Trainee Programme to ensure a marketable workforce.

Pelaburan sebagai satu komponen penting dalam model perniagaan kami

Pada tahun 2015, kami telah meneruskan pelaksanaan strategi pelaburan berisiko rendah dan perlindungan modal yang berterusan untuk mengukuhkan rizab kami. Walaupun keadaan ekonomi mencabar, pendapatan pelaburan yang diperolehi berjumlah RM145.7 juta adalah terdiri daripada 45% daripada jumlah pendapatan. Ini dicapai berdasarkan peruntukan aset yang bijak dengan pulangan berasaskan tahap risiko yang berpatutan dengan mempertimbangkan objektif pelaburan dalam perlindungan modal.

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi

Bagi tahun dalam kajian, CGC mensasarkan piagam Tempoh Pemprosesan (TAT) yang lebih tinggi sebanyak 90% berbanding TAT sebanyak 80% pada tahun 2014. Penunjuk kecekapan dan keberkesanan tahun ini memperlihatkan bahawa dengan memanfaatkan penambahbaikan dalam pemprosesan dan dokumentasi, kami berjaya melebihi sasaran TAT yang ditetapkan. Kami juga melaksanakan inisiatif utama untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi. Ini termasuk menyiapkan inisiatif automasi perniagaan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan bagi skim PG pada September 2015. Tujuh belas inisiatif utama telah dikenal pasti di bawah inisiatif Penstrukturan Semula Proses Perniagaan yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi

Untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan CGC, kami telah melancarkan beberapa inisiatif pada tahun 2015. Ini termasuk pelaksanaan Rangka Kerja Perancangan Penggantian untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan adanya kumpulan pemimpin berbakat yang bersedia untuk mengisi jawatan penting yang kosong; meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan melalui penambahan ketara kepada bajet latihan; penambahbaikan mekanisme ganjaran berasaskan prestasi melalui pelarasan gaji dan kajian semula faedah; dan pelaksanaan Program Pelatih Siswazah untuk memastikan tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan.

Improve governance and internal control

In 2015, the Corporation continued to embed a risk culture within the organisation. In the area of credit risk, we made good progress in the way of risk profiling of SMEs. At the same time we migrated from credit evaluation/assessment to risk profiling for shared-risk schemes. We enhanced in-house risk awareness training for the headquarters and branches as well as published the Risk Management e-Bulletins for all staff.

We continued to conduct audits to assess and provide reasonable assurance of the Corporation's governance, risk and internal controls, our operational efficiency, the new business model, as well as brand awareness and organisation capacity and capability. We also strengthened the Compliance Unit to ensure adequate support of business needs.

Pursue an agenda of financial sustainability

We remained committed to ensuring the Corporation's sustainable growth by continuously enhancing and leveraging on our core activities; namely the provision of guarantees and direct lending. For the past four years since 2012, the Corporation has continued to register a healthy financial position with profitability well above the RM100 million mark. We also continued to remain vigilant in asset quality management which included early care monitoring and stringent credit supervision, to better manage our provisioning level.

Improve brand agenda

Back in 2014, we changed our tagline from "Helping Your Business Grow" to "Powering Malaysian SMEs" in line with the strategy of creating top-of-mind recollection of the Corporation as THE guarantee institution to grow businesses with. A brand awareness survey was conducted in 2014 and more recently in 2015 to evaluate the Corporation's brand awareness in the market. Results have shown an improvement in brand awareness to 53.1% from 44.3% in 2014.

Memperbaiki tadbir urus dan kawalan dalaman

Pada tahun 2015, CGC terus membudayakan pengurusan risiko di dalam organisasi. Dalam bidang risiko kredit, kami telah membuat kemajuan yang baik dalam memprofilkan risiko PKS. Pada masa yang sama, kami beralih daripada penilaian kredit kepada memprofilkan risiko untuk skim perkongsian-risiko. Kami meningkatkan latihan kesedaran risiko untuk ibu pejabat dan cawangan, serta menerbitkan e-Buletin Pengurusan Risiko untuk semua kakitangan.

Kami telah menjalankan pengauditan secara berterusan untuk menilai dan memberi jaminan kepada tadbir urus yang munasabah, kawalan risiko dan dalaman, kecekapan operasi kami, model perniagaan baru, dan juga kesedaran jenama serta kapasiti dan keupayaan organisasi. Kami juga telah mengukuhkan Unit Pematuhan bagi memastikan sokongan yang mencukupi untuk keperluan perniagaan.

Meneruskan agenda kemampunan kewangan

Kami juga komited untuk memastikan pertumbuhan CGC yang mampan dengan meningkatkan dan memanfaatkan aktiviti teras kami iaitu penyediaan jaminan dan pinjaman langsung. Sejak empat tahun yang lalu, mulai 2012, CGC terus mencatat kedudukan kewangan yang kukuh dengan keuntungan melebihi paras RM100 juta. Kami juga terus proaktif dalam pengawalan pengurusan kualiti aset termasuk pemantauan penjagaan awal dan pengawasan kredit yang ketat untuk menguruskan tahap peruntukan kami dengan lebih baik.

Mempertingkatkan Agenda Jenama

Pada tahun 2014, kami mengubah slogan kami daripada "Membantu Perniagaan Anda Berkembang" kepada "Memperkasakan PKS Malaysia" selaras dengan strategi untuk menjadikan CGC terkemuka sebagai institusi jaminan untuk mengembangkan perniagaan. Kajian kesedaran jenama telah dijalankan pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 untuk menilai kesedaran jenama CGC dalam pasaran. Keputusan menunjukkan peningkatan dalam kesedaran jenama kepada 53.1% daripada 44.3% pada tahun 2014.

We continue to actively promote the Corporation as a household brand through active participation in SME-related events as well as event sponsorships by intensifying media coverage activities and embarking on corporate advertising campaigns across a variety of print, electronic and digital platforms. We continue to perform our social mandate internationally by hosting study visits from international delegates and collaborating with financial institutions to promote the transfer of knowledge and the sharing of experience. We also remain an active member of both the Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP) and the Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC).

In 2015, we continued with our community engagement programmes through the sponsorship of SME Corp's TUBE 2.0 programme via the nationwide Business Plan Challenge. A range of CSR programmes were carried out nationwide catering to a wide cross section of the communities. These included food programme for the homeless in the city of Kuala Lumpur as well as contributions to the Ranau District Natural Disaster Fund; National Cancer Society of Malaysia (NCSM) 'Relay for Life' event; Bengkel Seri Sarawak - a home for the disabled in Kuching; and the Yayasan Kebajikan Suria Orphanage in Tuaran, Sabah. We also supported festive CSR programmes organised in conjunction with major festivals and the Back-to-School programme with the children of the Orang Asli Community in Batang Kali, Selangor. In the same spirit of helping the community, we also launched a distinct and exclusive Graduate Trainee Programme or GTP, an initiative to upskill unemployed graduates from an SME background with on-the-job training to enable them to secure jobs in the future.

A CHALLENGING YEAR FOR SMES

In 2015, global growth moderated to 2.4% (2014: 2.6%) amidst heightened international financial market volatility due to the sharp drop in global commodity prices, policy shifts in the major economies and insufficient growth in the advanced economies to offset the lower growth in emerging economies.

Kami terus giat mempromosikan CGC sebagai jenama pilihan melalui penyertaan aktif dalam aktiviti berkaitan PKS serta penajaan acara dengan mempergiatkan aktiviti liputan media dan melaksanakan kempen pengiklanan korporat menerusi pelbagai media cetak, elektronik dan platform digital. Kami terus melaksanakan mandat sosial kami di peringkat antarabangsa dengan menganjurkan lawatan sambil belajar daripada delegasi antarabangsa dan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menggalakkan pemindahan pengetahuan dan perkongsian pengalaman. Kami juga kekal sebagai ahli aktif Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP) dan Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC).

Pada 2015, kami meneruskan program penglibatan komuniti melalui penajaan program SME Corp TUBE 2.0 melalui Cabaran Pelan Perniagaan di seluruh negara. Pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah dijalankan di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelbagai golongan masyarakat. Ini termasuk program makanan untuk golongan yang tiada tempat tinggal di bandar raya Kuala Lumpur dan juga sumbangan kepada Tabung Bencana Alam Daerah Ranau; acara 'Relay for Life' Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM); Bengkel Seri Sarawak – rumah untuk golongan kurang upaya di Kuching; dan Rumah Anak Yatim Yayasan Kebajikan Suria di Tuaran, Sabah. Kami juga menyokong program CSR yang dianjurkan sempena sambutan perayaan utama dan program Kembali-ke-Sekolah bersama kanak-kanak Orang Asli di Batang Kali, Selangor. Dalam usaha yang sama untuk membantu masyarakat, kami juga melancarkan Program Latihan Graduan atau GTP, satu inisiatif untuk meningkatkan kemahiran siswazah menganggur dari latar belakang PKS dengan latihan sambil bekerja untuk membolehkan mereka memperoleh pekerjaan di masa hadapan.

TAHUN YANG MENCABAR BAGI PKS

Pada tahun 2015, pertumbuhan global menurun kepada 2.4% (2014: 2.6%) dalam keadaan turun naik pasaran kewangan antarabangsa yang memuncak akibat kejatuhan mendadak harga komoditi global, perubahan dasar dalam ekonomi utama dan pertumbuhan yang tidak mencukupi di negara-negara maju untuk mengimbangi pertumbuhan yang lebih rendah dalam ekonomi baru muncul.



The Malaysian economy registered a lower growth of 5.0% (2014: 6.0%) on the back of continued expansion in domestic demand. Malaysia's headline inflation declined to 2.1% in 2015 (2014: 3.2%) due to the impact of lower global energy and commodity prices that outpaced the weaker ringgit, Goods and Services Tax (GST) implementation and several upward price adjustments.

Against this backdrop, Malaysia's SMEs had to contend with a higher cost of doing business and a lower magnitude of sales. The depreciation of the Ringgit, the implementation of GST, a higher electricity tariff, a weaker consumer spending environment and higher overhead costs due to the increase in the minimum wage, all impacted the performance of SMEs in general.

The year in review also saw the ASEAN Economic Community (AEC) and the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) come into being. Their impact continues to be monitored by many sectors, particularly the financial sector. The AEC introduced a single, unified market and production base with a population of over 600 million people and a combined gross domestic product of over USD2.5 trillion. It is expected to create a platform to further advance financial integration over the next decade while enhancing financial inclusion and safeguarding the financial stability of the ASEAN region.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 5.0% (2014: 6.0%) berikutan peningkatan yang berterusan dalam permintaan domestik. Kadar inflasi di Malaysia telah menurun kepada 2.1% pada tahun 2015 (2014: 3.2%) disebabkan oleh kesan harga tenaga dan komoditi global yang terus rendah yang mengatasi ringgit yang lemah, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kenaikan harga.

Berdasarkan situasi ini, PKS di negara ini terpaksa berdepan dengan kos yang lebih tinggi untuk menjalankan perniagaan dan magnitud jualan yang lebih rendah. Kejatuhan nilai Ringgit, pelaksanaan GST, tarif elektrik yang lebih tinggi, persekitaran perbelanjaan pengguna yang lemah dan kos operasi yang lebih tinggi disebabkan oleh kenaikan gaji minimum, kesemuanya mempengaruhi prestasi PKS secara umum.

Tahun 2015 juga menyaksikan kemunculan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Kesannya terus dipantau oleh pelbagai sektor, terutamanya sektor kewangan. AEC memperkenalkan pasaran tunggal dan asas pengeluaran dengan penduduk lebih 600 juta dan keluaran dalam negara kasar lebih dari USD2.5 trilion. Ia dijangka akan mewujudkan satu platform untuk memajukan lagi integrasi kewangan dalam dekad akan datang di samping meningkatkan rangkuman kewangan dan melindungi kestabilan kewangan di rantau ASEAN. Sementara itu, TPPA akan membuka akses kepada pasaran 800 juta

Meanwhile, the TPPA will open up access to a market of 800 million people comprising 40% of the world's gross domestic product (GDP) and a third of global trade.

These developments bring with them opportunities in that SMEs are now able to access larger markets and an abundance of resources. At the same time, Malaysian SMEs will face more challenges such as intensified competition from foreign SMEs as well as the need to conform to higher standards and requirements with regard to labour relations, environmental practices, corporate governance and intellectual property rights.

FINANCIAL INCLUSION

Taking all these developments into account, the Corporation continues to set its sights on strengthening its core mandate of providing guarantees so that SMEs can avail themselves of adequate financing. In line with our developmental role of enabling SMEs to access financing, 2015 saw us continuing to work with financial institutions which served as the main channel by which we provided products and services to the SME segment. As a consequence of these efforts, the Corporation approved a total of 8,225 guarantees/financing valued at RM3.4 billion, thereby exceeding the year's target of RM3.0 billion.

In 2015, we continued to develop various guarantee and direct financing schemes to cover a wider cross-section of the SME sector which included start-ups, women entrepreneurs, green technology businesses and intellectual property, among other segments. Our developmental efforts also extended to introducing innovative products designed to improve turnaround time on the processing of applications and disbursement of guarantees/financing. We initiated new portfolio guarantee and wholesale guarantee tranches, the Special Relief Facility / Special Relief Facility-i and the Special Assistance Scheme-i, among other facilities.

Recognising the need to be a catalyst for new growth areas especially the riskier segments where banks are reluctant to provide financing, we launched the BizMula-i direct financing product for start-up businesses back in May 2014. The success of BizMula-i led to the launch of BizWanita-i, another direct financing product which caters to businesses owned or managed by women entrepreneurs in the country.

penduduk yang mewakili 40% daripada keluaran dalam negara kasar dunia (KDNK) dan satu pertiga daripada perdagangan global.

Perkembangan ini membawa peluang di mana PKS kini boleh mengakses pasaran yang lebih besar dan sumber yang banyak. Pada masa yang sama, PKS di Malaysia akan terus menghadapi lebih banyak cabaran seperti persaingan sengit daripada PKS luar negara serta keperluan untuk mematuhi piawaian dan keperluan yang lebih tinggi dengan mengambil kira hubungan buruh, amalan alam sekitar, tadbir urus korporat dan hak harta intelek.

RANGKUMAN KEWANGAN

Mengambil kira semua perkembangan ini, CGC terus menetapkan sasaran kepada pengukuhan mandat terasnya iaitu menyediakan jaminan supaya PKS boleh memanfaatkan pembiayaan yang mencukupi. Selaras dengan peranan pembangunan kami untuk membolehkan PKS mempunyai akses kepada pembiayaan, 2015 menyaksikan kami terus bekerjasama dengan institusi kewangan yang berfungsi sebagai saluran utama di mana kami menyediakan produk dan perkhidmatan kepada segmen PKS. Berkat hasil usaha ini, CGC telah meluluskan sebanyak 8,225 jaminan/ pembiayaan bernilai RM3.4 bilion, dan melebihi sasaran tahunan iaitu RM3.0 bilion.

Pada tahun 2015, kami terus membangunkan pelbagai skim jaminan dan pembiayaan langsung untuk menampung sektor PKS yang luas antara segmen, termasuk perniagaan baru, usahawan wanita, perniagaan teknologi hijau dan harta intelek. Usaha pembangunan kami juga diperluaskan kepada memperkenalkan produk inovatif yang direka untuk meningkatkan masa pemprosesan permohonan dan pembayaran pembiayaan. Kami melaksanakan jaminan portfolio dan jaminan borong baru, antaranya Kemudahan Bantuan Khas / Kemudahan Bantuan Khas-i, dan Skim Bantuan Khas-i.

Menyedari keperluan untuk menjadi pemangkin kepada bidang pertumbuhan baru terutamanya segmen yang lebih berisiko di mana bank-bank sukar untuk menyediakan pembiayaan, kami melancarkan skim pembiayaan langsung BizMula-i untuk perniagaan baru pada bulan Mei 2014. Kejayaan BizMula-i membawa kepada pelancaran BizWanita-i, produk pembiayaan langsung yang memenuhi keperluan perniagaan yang dimiliki atau diuruskan oleh usahawan wanita di negara ini.

AWARDS AND ACCOLADES

I am delighted to report that the Corporation continues to create value for our stakeholders through the host of awards and accolades that we receive.

As a testament to the good progress made on the WG-i front, the year saw us securing the ADFIAP Development Award 2015. This is the second ADFIAP award to be accorded to the Corporation following our receipt of the ADFIAP Development Award 2012 for our PG scheme under the SME development category. Each year, the ADFIAP award recognises and honours member institutions that have undertaken and/or assisted in projects that have created a development impact in their respective countries. We are both elated and humbled that we rank among the many effective development financial institutions out there.

The Corporation also garnered a special "Plaque of Merit" under the SME development category by ADFIAP for our BizWanita-i direct financing product. In recognition of the achievement that the BizMula-i scheme has made, it was hailed as the Best Innovation in Financial Services at the Global Sustainable Finance Conference held in June 2015 in Karlsruhe, Germany. The Karlsruhe sustainable finance awards event recognises outstanding success in financial products and services.

The Corporation was also accorded the Silver Award under the Employer of Choice category at the Malaysia HR Awards 2015. Introduced in 1999, the Malaysia HR Awards is a national event organised by the Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM). The awards are strongly supported by the HR community with the Minister of Human Resource as the patron.

ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa CGC terus menghasilkan nilai untuk pemegang saham kami melalui pelbagai anugerah dan penghargaan yang kami terima.

Sebagai bukti kepada kemajuan yang dicapai dalam WG-i, tahun ini menyaksikan CGC memperolehi Anugerah Pembangunan ADFIAP 2015. Ini adalah anugerah ADFIAP yang kedua bagi CGC selepas menerima Anugerah Pembangunan ADFIAP 2012 untuk skim PG di bawah kategori pembangunan PKS. Setiap tahun, anugerah ADFIAP mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada ahli-ahli yang telah melaksanakan dan / atau membantu dalam projek yang memberikan kesan pembangunan di negara masing-masing. Kami teruja dan berbesar hati dibariskan di antara institusi-institusi kewangan pembangunan yang efektif.

CGC juga meraih 'Plaque of Merit' di bawah kategori pembangunan PKS oleh ADFIAP untuk produk pembiayaan langsung BizWanita-i. Sebagai mengiktiraf kejayaan skim BizMula-i, ia diiktiraf sebagai Inovasi Terbaik dalam Perkhidmatan Kewangan di Persidangan Kelestarian Kewangan Global yang diadakan pada bulan Jun 2015 di Karlsruhe, Jerman. Majlis anugerah kelestarian kewangan Karlsruhe mengiktiraf kejayaan yang cemerlang dalam produk dan perkhidmatan kewangan.

CGC juga menerima Anugerah Perak di bawah kategori Majikan Pilihan di Anugerah Kecemerlangan HR Malaysia 2015. Diperkenalkan pada tahun 1999, Anugerah Kecemerlangan HR Malaysia adalah satu acara kebangsaan yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia (MIHRM). Anugerah ini disokong kuat oleh komuniti HR dan Menteri Sumber Manusia sebagai penaung.

MOVING FORWARD – INTENSIFYING DEVELOPMENT, FOSTERING TRANSFORMATION

According to the World Bank, the global economy is expected to improve at a modest pace and register some 2.9% growth in 2016. The growth outlook, however, remains vulnerable to considerable downside risks arising from policy developments in major economies, high uncertainties surrounding the direction of global commodity prices and abrupt financial market adjustments. Growth in the advanced economies is expected to proceed at a gradual and uneven pace.

On the domestic front, while domestic demand will remain the main driver of growth for the Malaysian economy, the nation's prospects may be influenced by external developments. The Malaysian economy is expected to grow between 4% and 4.5% in 2016 with headline inflation projected to be higher at 2.5-3.5%. Meanwhile, the unemployment rate may increase slightly but is expected to remain low at around 3.3 to 3.5%.

5-YEAR STRATEGIC PLAN

To ensure the Corporation's long-term business sustainability, we have embarked on our 5-Year Strategic Plan that includes, amongst others, a Business Process Reengineering focus and an IT Blueprint. The strategies which are undergoing careful execution in stages have the overarching theme of "Transforming CGC, Powering SMEs". The plan will see the Corporation gearing itself up to create a stronger brand presence among the general public and SME community while enhancing its People, Processes and Technology.

Through the 5-Year Strategic Plan, we will continue to create value for SMEs by venturing into new SME segments. We will set our sights on growing our core business of providing guarantees by strengthening the PG and WG portfolios whilst ensuring the organic growth of our other products.

MAJU KE HADAPAN – MEMPERGIATKAN PEMBANGUNAN, MENDORONG TRANSFORMASI

Menurut World Bank, ekonomi global dijangka akan bertambah baik pada kadar yang sederhana dan mencatat pertumbuhan 2.9% pada tahun 2016. Prospek pertumbuhan, bagaimanapun, masih terdedah kepada risiko besar yang timbul daripada perkembangan dasar dalam ekonomi utama, ketidaktentuan yang tinggi di sekeliling arah harga komoditi global dan pelarasan yang mendadak bagi pasaran kewangan. Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka berterusan secara beransur-ansur dan tidak sekata.

Di peringkat domestik, walaupun permintaan domestik akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, prospek negara mungkin dipengaruhi oleh perkembangan luaran. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4% dan 4.5% pada tahun 2016 dengan kadar inflasi keseluruhan dijangka menjadi lebih tinggi pada 2.5-3.5%. Sementara itu, kadar pengangguran mungkin meningkat tetapi dijangka kekal rendah sekitar 3.3 hingga 3.5%.

PELAN STRATEGIK 5 TAHUN

Bagi memastikan kemampuan perniagaan jangka panjang CGC, kami telah melaksanakan Pelan Strategik 5 Tahun yang merangkumi Penstrukturan Semula Proses Perniagaan dan Pelan Pembangunan IT. Strategi ini yang dilaksanakan dengan berhati-hati secara berperingkat mempunyai tema menyeluruh iaitu "Mentransformasikan CGC, Memperkasakan PKS". Pelan ini akan melihat CGC bersiap sedia untuk mewujudkan jenama yang lebih kukuh di kalangan orang awam dan komuniti PKS di samping mempertingkatkan kemahiran Kakitangan, Proses dan Teknologi.

Melalui Pelan Strategik 5 Tahun, kami akan terus menghasilkan nilai untuk PKS dengan menceburi segmen PKS baru. Kami akan menetapkan matlamat untuk mengembangkan perniagaan teras kami iaitu menyediakan jaminan dengan mengukuhkan portfolio PG dan WG di samping memastikan pertumbuhan organik produk kami yang lain.

ACKNOWLEDGEMENTS

The good success we achieved in 2015 is owing to many parties. On behalf of the Board, I wish to convey my heartfelt thanks to our valued customers, strategic partners in the industry and our shareholders for their unwavering support. We certainly look forward to their continued patronage. I also wish to express my deep appreciation to my fellow colleagues on the Board and all the employees of the Corporation for their dedication, worthy efforts and commitment to excellence which have brought us thus far.

There were some changes at the Board-level in 2015. A member of the Board, namely YBhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad retired on 1 January 2016 after having served for two years. On behalf of the Board, I wish to convey our sincere gratitude to YBhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad for his invaluable contributions to the Corporation. In line with our efforts to enhance the composition of the Board and to ensure gender diversity, we welcome on board Puan Nadzirah Abd Rashid who joined us on 22 October 2015. She brings to the table over 25 years of professional experience in the securities market and banking industry. We certainly look forward to her contributions.

Last but not least, I would also like to express my deep gratitude to Bank Negara Malaysia, all the financial institutions in Malaysia, SME Corporation Malaysia, the Ministry of Finance, the Ministry of International Trade and Industry, the many agencies, business and trade chambers as well as other stakeholders for their continued cooperation, trust and confidence in the Corporation. I trust all our stakeholders will continue to lend us their support as we work harder to strengthen the Corporation's role in SME development.

DATO' AGIL NATT

Chairman

PENGHARGAAN

Kejayaan yang kami capai pada tahun 2015 adalah kerana sokongan daripada banyak pihak. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan, rakan kongsi strategik dalam industri dan pemegang saham kami atas sokongan padu mereka. Kami mengharapkan naungan mereka yang berterusan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan sejawat saya dalam Lembaga Pengarah dan semua kakitangan CGC atas dedikasi, usaha dan komitmen mereka dalam mencapai kecemerlangan sehingga kini.

Terdapat beberapa perubahan di peringkat Lembaga Pengarah pada tahun 2015. Seorang ahli Lembaga Pengarah, iaitu YBhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad telah bersara pada 1 Januari 2016 selepas berkhidmat selama dua tahun. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad atas sumbangan beliau yang tidak ternilai kepada CGC. Selaras dengan usaha kami untuk meningkatkan komposisi Lembaga Pengarah dan memastikan kepelbagaian jantina, kami mengalu-alukan Puan Nadzirah Abd Rashid yang menyertai kami pada 22 Oktober 2015. Beliau membawa bersama lebih 25 tahun pengalaman profesional dalam pasaran sekuriti dan industri perbankan. Kami mengalu-alukan sumbangan beliau.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Bank Negara Malaysia, semua institusi kewangan di Malaysia, SME Corporation Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, agensi-agensi, dewan perniagaan dan perdagangan serta pihak berkepentingan lain atas kerjasama mereka yang berterusan, kepercayaan dan keyakinan ke atas CGC. Saya percaya semua pihak berkepentingan akan terus memberikan sokongan sejajar dengan usaha kami untuk mengukuhkan lagi peranan CGC dalam pembangunan PKS.

DATO' AGIL NATT

Pengerusi



MESSAGE FROM THE PRESIDENT / CHIEF EXECUTIVE OFFICER

MESEJ DARIPADA
PRESIDEN /
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

DEAR SHAREHOLDERS,

The year 2015 was one where the Corporation made admirable strides forward in both the financial and operational fronts. The strategies that were executed over the past few years have proven fruitful and have strengthened our position as a leading proponent of SME development in Malaysia. I applaud my dedicated colleagues for their worthy efforts in achieving a good performance in 2015 and extend my thanks to the Board of Directors for their continued wise counsel in guiding us on a steady course. As the Corporation moves forward in achieving even greater heights on the SME development front, we do so as a stronger entity.

PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

Tahun 2015 adalah tahun di mana CGC mencapai kemajuan yang memberangsangkan di peringkat kewangan dan operasi. Strategi-strategi yang dilaksanakan semenjak beberapa tahun yang lalu ternyata membuahkan hasil dan membolehkan CGC untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai penyokong utama pembangunan PKS di Malaysia. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan sejawat saya yang berdedikasi di atas usaha mereka dalam mencapai prestasi yang baik bagi tahun 2015 dan saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah di atas nasihat dan sokongan mereka yang berterusan serta membimbing kami ke arah kecemerlangan. CGC akan terus mara ke hadapan untuk mencapai tahap yang lebih tinggi di dalam pembangunan PKS dan terus menjadi entiti yang lebih mantap.





GROWTH AMIDST A CHALLENGING MARKETPLACE

It was a challenging year all around, following the global commodity and currency swings, financial market turbulence and shifting capital flows. Despite these challenging conditions, Malaysia's economy, which was supported by the continued expansion of domestic demand, recorded a growth of 5% in 2015 as compared to 6% in the preceding year.

The Malaysian SME sector registered better overall growth of between 5% and 5.5%. The growth trajectory of SMEs for the period of 2015-2020, is projected to be in the region of 8% per annum.

I am also pleased to report that the Corporation managed to deliver on its mandate on intensifying SME development and turned into solid growth in the year 2015.

PERTUMBUHAN DI DALAM PASARAN MENCABAR

Sepanjang tahun 2015 adalah tahun yang begitu mencabar berikutan kadar turun naik harga komoditi global dan pertukaran matawang serta pergolakan pasaran kewangan dan peralihan aliran modal. Namun demikian, ekonomi Malaysia yang disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang berterusan, menyaksikan pertumbuhan sebanyak 5% pada tahun 2015 berbanding 6% pada tahun 2014.

Sektor PKS Malaysia mencatatkan pertumbuhan keseluruhan yang lebih baik di antara 5% dan 5.5%. Unjuran pertumbuhan PKS bagi tahun 2015-2020 dijangka berada di dalam lingkungan 8% setahun.

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa CGC telah dapat menunaikan mandatnya untuk mempergiatkan pembangunan PKS serta memberikan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2015.

**SNAPSHOT OF 2015 KPI PERFORMANCE
RINGKASAN PRESTASI KPI 2015**

| | KPIs <i>Indeks Prestasi Utama</i> | Target <i>Sasaran</i> | Actual <i>Capaian</i> | Target Attainment <i>Sasaran Capaian</i> |
|---|--|--|--|---|
| SME Outreach <i>Jangkauan PKS</i> | 1. Value of Guarantees / Financing <i>Nilai Jaminan/Pembiayaan</i> | RM3.0 Billion <i>Bilion</i> | RM3.4 Billion <i>Bilion</i> | 113% |
| | 2. No. of Guarantees / Financing <i>Bilangan Jaminan/Pembiayaan</i> | 7,855 | 8,225 | 105% |
| | 3. Value of Bumiputera Guarantees / Financing <i>Nilai Jaminan/Pembiayaan Bumiputera</i> | RM900 Million <i>Juta</i> | RM980.3 Million <i>Juta</i> | 109% |
| | 4. No. of Bumiputera Guarantees / Financing <i>Bilangan Jaminan/Pembiayaan Bumiputera</i> | 2,750 | 2,385 | 87% |
| Efficiency Charter <i>Piagam Kecekapan</i> | Shared Risk Main Scheme <i>Skim Utama Perkongsian Risiko</i> | Charter / Piagam | | |
| | 5. Processing of PG <i>Pemprosesan PG</i> | 90% within 3 days <i>dalam 3 hari</i> | 96% within 3 days <i>dalam 3 hari</i> | 107% |
| | 6. Claim Payment <i>Pembayaran Tuntutan</i> | 90% within 10 days <i>dalam 10 hari</i> | 99% within 10 days <i>dalam 10 hari</i> | 110% |

In 2015, the Corporation exceeded its targeted KPIs with the exception of the number of guarantees/financing to Bumiputera SMEs, where the achievement rate was 87%. In terms of the value of guarantees/financing to Bumiputera SMEs, the Corporation achieved 109% of its target, that was mainly attributable to the larger ticket size that was approved for the year. To improve the outreach of the Bumiputera SME segment, the Corporation strengthened its Bumiputera Development Department; as well as, intensified efforts in building the pipeline as a means of providing micro and contract financing, through strategic alliances with Development Finance Institutions (DFIs) and contract awarders.

In terms of meeting its charter, the Corporation is pleased to announce that it has exceeded its charter and will continue to strive to further enhance its services.

The details of our performance in both guarantees and financing schemes are spelt out in our Operational Overview section.

SME OUTREACH

In 2015, our commitment towards promoting the growth and development of competitive and dynamic SMEs, was underscored by the noteworthy growth in the number and value of guarantees/financing approved which rose by 120% and 106% respectively. The Corporation attained a new record of approving 8,225 guarantees/financing, valued at RM3.4 billion (2014: 6,839 guarantees/financing approved, involving RM3.2 billion).

The strong performance came primarily from aggressive marketing initiatives, particularly for our Portfolio Guarantee (PG) and Wholesale Guarantee (WG) products; through which, RM2.1 billion was guaranteed in 2015. Today, both the PG and WG schemes makes up 63% of the Corporation's guarantee approvals and continue to drive forth the growth of our business.

The PG scheme on the other hand; allows banks to select customers based on a pre-determined criteria and processes the guarantee applications on a portfolio basis. This then allows both the Corporation and banks that we work with to expedite approval and disbursement of financing to SMEs. For 2015, the Corporation approved a total of RM1.7 billion worth of PGs via its collaboration with Ambank (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Maybank Islamic Berhad, Public Bank Berhad and Standard Chartered Saadiq Berhad, which accounted for 50% of the guarantee approvals.

Pada tahun 2015, CGC telah melebihi sasaran Indeks Prestasi Utama kecuali bilangan jaminan/pembiayaan PKS Bumiputera di mana kadar pencapaian adalah 87%. Dari segi nilai jaminan/pembiayaan kepada PKS Bumiputera, CGC mencapai 109% daripada sasaran dan ianya diperolehi dari jumlah pembiayaan lebih besar yang diluluskan pada tahun berikut. Untuk meningkatkan lagi jangkauan kepada segmen PKS Bumiputera, CGC telah memantapkan lagi struktur Jabatan Pembangunan Bumiputera dan juga mempergiatkan usaha menyediakan pembiayaan mikro dan kontrak melalui pakatan strategik dengan institusi pembangunan kewangan (DFI) dan pemberi-pemberi kontrak.

Dari segi memenuhi piagam, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa CGC telah mengatasi piagam dan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatannya.

Butiran lanjut mengenai prestasi skim jaminan dan pembiayaan kami dinyatakan di dalam seksyen Tinjauan Operasi.

JANGKAUAN PKS

Pada tahun 2015, komitmen kami dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing dan dinamik telah digariskan oleh pertumbuhan ketara dalam bilangan dan nilai jaminan/pembiayaan yang diluluskan, yang meningkat sebanyak 120% dan 106%. CGC meluluskan 8,225 jaminan/pembiayaan bernilai RM3.4 bilion (2014: 6,839 jaminan/pembiayaan diluluskan melibatkan RM3.2 bilion).

Pencapaian yang lebih mantap ini disebabkan oleh inisiatif pemasaran yang agresif, terutamanya untuk produk Jaminan Portfolio (PG) dan Jaminan Borong (WG) kami, di mana RM2.1 bilion telah dijamin pada tahun 2015. Hari ini, skim-skim PG dan WG membentuk 63% daripada jumlah kelulusan jaminan CGC dan terus mendorong pertumbuhan perniagaan.

Skim PG pula membolehkan bank-bank memilih pelanggan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan memproses permohonan jaminan berdasarkan portfolio. Ini membolehkan CGC dan bank-bank yang bekerjasama dengan kami, dapat mempercepatkan kelulusan dan menyalurkan pembiayaan kepada PKS. Bagi tahun 2015, CGC telah meluluskan PG bernilai RM1.7 bilion melalui kerjasama dengan Ambank (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Maybank Islamic Berhad, Public Bank Berhad dan Standard Chartered Saadiq Berhad yang menyumbang 50% daripada jaminan yang diluluskan.

One of our products, the forward-looking Islamic Wholesale Guarantee (WG-i) scheme, calls for the ratio of risk involved in the financing of businesses to be shared between the Corporation and the participating bank(s) for a specific guarantee period. In June 2015, we inked a RM450 million deal with OCBC Al-Amin Bank, for the WG-i scheme to support the bank's existing unsecured SME portfolio.

On top of this, we leveraged on government-backed schemes targeted at specific sectors such as 'The Green Technology Financing Scheme' (GTFS) and the 'Intellectual Property Financing Scheme' (IPFS) which together, contributed 14% or approximately RM456 million worth of guarantees approved. Under the segment growth strategy, we scaled up the financing for the start-up micro segment via the BizMula-i scheme that was launched in May 2014. As we positioned the Corporation into becoming the leading champion for start-up businesses, financing for start-ups were successfully closed at RM63 million in 2015.

As at the end of 2015, the Corporation had approved a cumulative total of more than 437,000 guarantees/financing with a value of RM59 billion. Our continued collaboration with Financial Institutions as the main channel for SMEs to avail themselves of our guarantees, continues to deliver good returns. We also continued to forge alliances with non-Financial Institutions, such as trade, business associations and chambers, to accord SMEs access to financing. We then continued to strengthen our institutional relationship with non-

Salah satu produk WG kami iaitu skim Jaminan Borong Islam (WG-i), memerlukan nisbah risiko yang terlibat dalam pembiayaan perniagaan untuk dikongsi sama rata antara CGC dan bank yang mengambil bahagian untuk tempoh jaminan tertentu. Pada bulan Jun 2015, kami menandatangani perjanjian RM450 juta dengan OCBC Al-Amin Bank untuk skim WG-i bagi menyokong portfolio PKS sedia ada yang tidak bercagar.

Selain itu, kami memanfaatkan skim sokongan kerajaan yang disasarkan kepada sektor-sektor tertentu. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dan Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) bersama-sama menyumbang 14% atau RM456 juta kepada jaminan yang diluluskan. Di bawah segmen strategi pertumbuhan, kami menambah pembiayaan untuk segmen perniagaan baru mikro melalui skim BizMula-i yang telah dilancarkan pada Mei 2014. Ketika kami meletakkan CGC sebagai pendahulu bagi perniagaan baru, pembiayaan untuk perniagaan baru berjaya mencecah RM63 juta pada tahun 2015.

Pada akhir 2015, CGC telah meluluskan jumlah jaminan/ pembiayaan terkumpul sebanyak 437,000 yang bernilai RM59 billion. Kerjasama yang berterusan dengan institusi kewangan sebagai saluran utama bagi PKS untuk memanfaatkan jaminan kami terus memberikan pulangan yang baik. Kami juga terus menjalin kerjasama dengan institusi bukan kewangan seperti persatuan perdagangan dan perniagaan dan dewan perniagaan untuk memberikan PKS akses kepada pembiayaan. Pada tahun 2015, kami terus mengukuhkan hubungan dengan institusi bukan kewangan seperti Lembaga Pembangunan



Financial Institutions, such as the Construction Industry Development Board (CIDB), Dayak Chamber of Commerce & Industry (DCCI), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Dewan Usahawan Bumiputera Negeri Sabah (DUBNS), Dewan Usahawan Bumiputera Negeri Sarawak (DUBS), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Malaysian Franchise Association (MFA), Malaysian Green Technology Corporation (MGTC), Miri Chinese Chamber of Commerce and Industry (MCCCI), Sabah State Economic Development Corporation (SEDCO), Secretariat for the Advancement of Malaysian Entrepreneurs (SAME), Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs (SEED), Sabah United Chinese Chambers of Commerce (SUCCC), SME Corp, TERAJU, Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera (UPUB) Sarawak and other relevant Ministries.

FINANCIAL HIGHLIGHTS

In 2015, the Corporation continued to register a healthy financial position. We recorded a total of RM108.6 million in revenue, mainly from guarantee fee income that totalled RM73.2 million. The growth in guarantee fee income showed a steady increase from 2014 and was on a higher year-on-year basis by RM15.8 million or 27.4%. The Corporation's PG and WG schemes which make up the majority of our guarantee and financing base, continues to drive forth our business growth today.

Operating expenses saw an increase of 18.4% from 2014; mainly arising from staff costs, provision from claims under the guarantee schemes and allowances for impairment of loans, advances and financing. On top of that, we also conducted a salary adjustment and benefits review exercise to ensure that we were competitive and on par with the current market. As a result, the Corporation ended the year 2015 with a net profit of RM140.0 million - a marginal 2.6% decrease from 2014's net profit of RM143.8 million. The Corporation remains committed to ensuring sustainable growth by continuously enhancing and leveraging on our core activities, namely the provision of guarantees and direct lending.

Industri Pembinaan (CIDB), Dewan Perniagaan & Perindustrian Dayak (DCCI), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Dewan Usahawan Bumiputera Negeri Sabah (DUBNS), Dewan Usahawan Bumiputera Negeri Sarawak (DUBS), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC), Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Miri (MCCCI), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah (SEDCO), Sekretariat bagi Kemajuan Usahawan Malaysia (SAME), Sekretariat untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), Gabungan Dewan Perniagaan Cina Sabah (SUCCC), SME Corp, TERAJU, Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera (UPUB) Sarawak dan Kementerian berkaitan.

INTISARI KEWANGAN

Pada tahun 2015, CGC terus mencatat kedudukan kewangan yang sihat. Kami mencatatkan perolehan berjumlah RM108.6 juta terutamanya melalui pendapatan daripada yuran jaminan berjumlah RM73.2 juta. Peningkatan dalam pendapatan yuran jaminan adalah kenaikan yang stabil dari tahun 2014 dan meningkat sebanyak RM15.8 juta atau 27.4%. Skim PG dan WG yang membentuk majoriti asas jaminan dan pembiayaan kami, terus memacu pertumbuhan perniagaan kami hari ini.

Perbelanjaan operasi menyaksikan peningkatan sebanyak 18.4% daripada tahun 2014, terutamanya dari kos kakitangan, peruntukan daripada tuntutan di bawah skim jaminan dan peruntukan untuk rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Selain itu, kami juga menjalankan proses kajian pelarasan gaji dan faedah untuk memastikan kami berdaya saing dan setanding dengan pasaran. Oleh yang demikian, CGC menutup lembaran 2015 dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM140 juta, iaitu penurunan sebanyak 2.6% daripada keuntungan bersih sebanyak RM143.8 juta pada tahun 2014. CGC terus komited dalam memastikan pertumbuhan mampan dengan meningkatkan dan memanfaatkan aktiviti teras kami, iaitu penyediaan jaminan dan pinjaman langsung.

We also continued to remain vigilant in Asset Quality Management, by ensuring stringent credit risk management. Regular and diligent credit monitoring allowed us to better detect early warning signs of credit deterioration and hence, enabled better management on the provision level. As a proactive measure, we shall continue to engage with our clients in ensuring that they can cope well with these challenging economic times. We also assisted clients who were showing signs of distress, by restructuring/rescheduling their loan repayments, so that they were able to focus on their business and tide over the difficult times.

The investment function is also an important component of our business model. Our low risk and capital preservation strategy in managing investments, will continue to strengthen the Corporation's reserve.

EFFICIENCY AND EFFECTIVENESS

To enhance the operational efficiency and effectiveness, we undertook a number of key initiatives that included the completion of business automation to improve service delivery for the PG scheme. These enhancements enabled us to cater for the "bulk" processing of applications; especially, for WG schemes. We also successfully completed the enhancement of the Cash Before Guarantee Cover (CBGC) system; specifically, to cater for the Goods and Service Tax (GST) requirement for guarantee fees. The system was successfully deployed in October 2015.

Apart from continuously surpassing our average turnaround time (TAT) for approvals; as well as claim payments, 2015 marked another milestone where we embarked on an Enterprise-wide Business Process Re-engineering (BPR) Project to improve efficiency and delivery service. As at the end of 2015, we completed the development of the BPR Blueprint, which identified 17 key process improvements for implementation over a three (3) year duration. We also implemented six (6) 'Quick Win' initiatives, encompassing areas such as the review of loan monitoring processes, branch application guidelines and loan restructuring / rehabilitation processes. Phase 2 of the BPR involved our move in executing the BPR Blueprint. This began in mid-February 2016 and will see the implementation of the project inclusive of the 17 key process improvements.

Kami terus berwaspada dalam pengurusan kualiti aset dengan memastikan pengurusan risiko kredit yang ketat. Pemantauan kredit yang kerap dan tekun membolehkan kami untuk mengesan tanda amaran awal kemerosotan kredit dan membolehkan pengurusan tahap peruntukan yang lebih baik. Sebagai satu langkah proaktif, kami terus terlibat dengan pelanggan kami untuk menyokong mereka terutama pada masa-masa yang mencabar ini. Bagi pelanggan yang menunjukkan tanda-tanda kesulitan, kami membantu mereka dengan menyusun/menjadualkan semula pembayaran balik pinjaman mereka supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada perniagaan dan mengatasi kesukaran.

Fungsi pelaburan juga merupakan komponen yang penting dalam model perniagaan kami. Strategi risiko rendah dan pengekalan modal kami dalam menguruskan pelaburan akan terus mengukuhkan rizab CGC.

KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN

Untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif utama termasuk penyediaan automasi perniagaan untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan bagi skim PG. Peningkatan ini membolehkan kami untuk menampung pemprosesan permohonan secara "pukal" terutamanya bagi skim WG. Kami juga berjaya menyiapkan penambahbaikan sistem Perlindungan Tunai Sebelum Jaminan (CBGC) bagi memenuhi pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas yuran jaminan. Sistem ini berjaya dilaksanakan pada bulan Oktober 2015.

Selain terus mengatasi piagam masa pemerosesan (TAT) untuk kelulusan dan pembayaran tuntutan, 2015 menandakan satu lagi peristiwa penting di mana kami memulakan Projek Penstrukturan Semula Proses Perniagaan (BPR) di seluruh syarikat untuk meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan. Pada akhir 2015, kami telah menyiapkan pembangunan Rangka Tindakan BPR, yang mengenal pasti 17 penambahbaikan proses utama untuk dilaksanakan sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Kami juga telah melaksanakan enam (6) inisiatif 'Quick Win' yang merangkumi kajian semula proses pemantauan pinjaman, garis panduan permohonan melalui cawangan dan penstrukturan semula / pemulihan proses pinjaman. Fasa 2 BPR melibatkan pelaksanaan Rangka Tindakan BPR. Ini bermula pada pertengahan bulan Februari 2016 dan akan melihat pelaksanaan projek penambahbaikan bagi 17 proses utama.

In 2015, leveraging on an enhanced and comprehensive customer support system managed by our Customer Relationship Executives, we were able to answer over 19,000 inquiries and resolve them accordingly in line with our client charter. With a more streamlined workflow, we also managed to help our customers understand our products, services and processes better. Propelled by enhanced customer service excellence that translated into improvements in the process flow and customer service system, our Client Service Centre (CSC) registered an 80% rate of achievement in terms of First Call Resolution (FCR).

TOP-OF-MIND INITIATIVES

Over the course of 2015, we embarked on several initiatives to strengthen the awareness of the CGC brand in making the Corporation stay at the top-of-the-mind among our targeted audiences.

Our efforts included active participation in SME related events; as well as, event sponsorships such as the ASEAN SME Showcase and Conference 2015, The Star Outstanding Business Awards (SOBA 2015) and the Bumipreneurs of Tomorrow (BAHTERA) that was organised by the Ministry of Finance, together with the Global Banking Conference that was organised by the Asian Institute of Chartered Bankers. We also participated in the *Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2.0* Programme, which is an initiative by SME Corp to nurture young entrepreneurs. Aside from what has been mentioned, the Corporation also participated in the *'Gabungan Rakan Entrepreneur, Aspirasi Terhebat'* (GREAT), a programme that was organised by the Ministry of Finance, to provide a platform for young entrepreneurs from various industries and organisations within the national entrepreneurship ecosystem, to take their innovations up to the next level. To strengthen its institutional relationship with other Development Finance Institutions in Malaysia, the Corporation played an active role in all the programmes that were organised by the Association of Development Finance Institutions of Malaysia (ADFIM).

We also took steps to intensify media coverage, by featuring the Corporation's Board members and Senior Management team on TV and radio platforms. We leveraged on exclusive interviews and media networking activities through visits and luncheons with business editors of newspapers and the electronic media.

Pada tahun 2015, dengan memanfaatkan sistem sokongan pelanggan yang lebih baik dan menyeluruh yang diuruskan oleh Eksekutif Hubungan Pelanggan kami, kami dapat menjawab lebih 19,000 pertanyaan dan menyelesaikannya dengan wajar selaras dengan piagam pelanggan kami. Dengan aliran kerja yang lebih lancar, kami juga berjaya membantu pelanggan-pelanggan kami untuk memahami produk, perkhidmatan dan proses dengan lebih baik. Didorong oleh kecemerlangan perkhidmatan pelanggan yang menghasilkan peningkatan dalam sistem aliran proses dan perkhidmatan pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan kami (CSC) mencatatkan pencapaian pada kadar 80% dari segi Resolusi Panggilan Pertama (FCR).

INISIATIF PENJENAMAAN

Sepanjang tahun 2015, kami telah memulakan beberapa inisiatif untuk mengukuhkan kesedaran jenama CGC dan mengekalkan CGC sebagai jenama utama di kalangan kumpulan sasaran.

Usaha kami termasuk penyertaan aktif dalam aktiviti yang berkaitan dengan PKS serta penajaan acara seperti Pameran dan Persidangan PKS ASEAN, Anugerah Perniagaan Cemerlang The Star (SOBA 2015), Usahawan Bumiputera Masa Hadapan (Bahtera) yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan, dan Persidangan Perbankan Global anjuran Asian Institute of Chartered Bankers. Kami juga mengambil bahagian dalam Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2.0, satu inisiatif oleh SME Corp untuk melahirkan usahawan muda. CGC juga telah mengambil bahagian dalam 'Gabungan Rakan Entrepreneur Aspirasi Terhebat' (Great 2016), satu program yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan untuk menyediakan platform kepada usahawan muda dari pelbagai industri dan organisasi dalam ekosistem keusahawanan negara untuk membawa inovasi mereka ke tahap seterusnya. Bagi mengukuhkan lagi hubungan dengan institusi pembangunan kewangan yang lain di Malaysia, CGC telah memainkan peranan yang aktif dalam semua program yang dianjurkan oleh Persatuan Institusi-Institusi Pembangunan Kewangan Malaysia (ADFIM).

Kami juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan liputan media dengan menampilkan ahli Lembaga Pengarah dan pasukan Pengurusan Kanan CGC di platform televisyen dan radio. Kami memanfaatkan temubual eksklusif dan aktiviti rangkaian media melalui lawatan dan makan tengahari dengan editor perniagaan akhbar dan media elektronik.



Our efforts also extended to undertaking corporate advertising campaigns in major newspapers and radio stations; as well as online media, to further increase brand awareness and establish the Corporation as a household name for SMEs in Malaysia.

To strengthen the CGC brand; as well as build rapport and goodwill among stakeholders, we undertook several stakeholder engagement activities in 2015. This included hosting visits from the Ministry of Finance and government agencies involved in SME development; as well as, study visits by the international delegates from Bangladesh Bank, Japan International Cooperation Agency (JICA) and the Egyptian Banking Institute.

We also collaborated with Banco Central de Timor-Leste (BCTL) and the Business Development Fund (BDF) of Rwanda, on the development of credit guarantee framework for SMEs in Timor Leste and Rwanda respectively. Our MoU with BCTL; that was signed in May 2015, will see us collaborating with them on the development of three (3) guarantee schemes for SMEs in Timor-Leste; whereby, technical assistance will be provided; as well as, a sharing session on our knowledge, experience and best practices would be conducted. Our

Usaha kami juga diperluaskan dengan menjalankan kempen pengiklanan korporat di akhbar-akhbar utama dan stesen radio dan juga di media dalam talian untuk meningkatkan lagi kesedaran jenama dan menjadikan CGC sebagai jenama utama untuk PKS di Malaysia.

Bagi mengukuhkan jenama CGC dan juga membina hubungan baik di kalangan pihak berkepentingan, kami melaksanakan beberapa aktiviti dengan pemegang kepentingan pada tahun 2015. Ini termasuk menganjurkan lawatan daripada wakil-wakil Kementerian Kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan PKS, serta lawatan sambil belajar daripada perwakilan antarabangsa termasuk wakil-wakil dari Bank Bangladesh, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) dan Institut Perbankan Mesir.

Kami juga bekerjasama dengan Banco Central de Timor-Leste (BCTL) dan Business Development Fund (BDF) Rwanda bagi pembangunan rangka kerja jaminan kredit untuk PKS. MoU bersama BCTL yang ditandatangani pada bulan Mei 2015 akan menyaksikan kerjasama dalam pembangunan tiga (3) skim jaminan untuk PKS di Timor-Leste di mana kami akan memberi bantuan teknikal serta berkongsi pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik. MoU kami dengan BDF yang ditandatangani pada

MoU with BDF; that was signed in December 2015, will see us providing assistance and guidance to BDF to develop, design and review their credit guarantee framework, to support the development of SMEs in Rwanda.

To further enhance our international prominence, the Corporation continues to be an active member of the Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP) and the Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC).

NEW PRODUCTS AND SERVICES

The year also saw us launching several new products to meet the diverse needs of SMEs. In October 2015, we launched BizWanita-i, a direct financing scheme for women entrepreneurs, with an initial approved limit of RM30 million.

In December 2015, we launched the Special Assistance Scheme-i (SAS-i). This new direct financing facility aims to provide financial assistance to our existing customers that are affected by natural disasters. The RM35 million revolving fund is currently open to customers, whose businesses are affected by any calamity.

Apart from that, we were also involved with the Special Relief Facility 2015 (SRF), which was established by Bank Negara Malaysia (BNM). The SRF assists SMEs who are affected by floods via providing guarantees for new financing raised by these businesses so that they would be able to resume their business.

Over the course of the year, we strengthened our outreach to Bumiputera entrepreneurs via the Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) and a collaborative effort with Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (National Malay Chamber of Commerce) to promote the Bumiputera segment. We have also tied-up with Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (under the MRT Line 1) to provide contract financing via the TPUB-i scheme. We are looking forward to extend our financing to more Bumiputera contractors; especially, with the rollout of MRT Line 2, the Pan Borneo Highway and the Pengerang Integrated Petroleum Complex.

bulan Disember 2015 akan menyaksikan bantuan dan bimbingan dari kami kepada BDF untuk membangunkan, membentuk dan mengkaji semula rangka kerja jaminan kredit mereka untuk menyokong pembangunan PKS di Rwanda.

Untuk meningkatkan kedudukan kami di persada dunia, CGC terus menjadi ahli yang aktif dalam Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP) dan Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC).

PRODUK DAN PERKHIDMATAN BARU

Tahun ini juga menyaksikan kami melancarkan beberapa produk baru untuk memenuhi pelbagai keperluan PKS. Pada bulan Oktober 2015, kami melancarkan BizWanita-i, skim pembiayaan langsung untuk usahawan wanita, dengan had kelulusan awal bernilai RM30 juta.

Pada bulan Disember 2015, kami melancarkan Skim Bantuan Khas-i (SAS-i). Kemudahan pembiayaan langsung ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada pelanggan sedia ada kami yang terjejas oleh bencana alam. Dana pusingan berjumlah RM35 juta adalah terbuka kepada pelanggan yang perniagaannya terjejas akibat sebarang bencana.

Selain itu, kami juga terlibat dalam Kemudahan Bantuan Khas 2015 (SRF) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membantu PKS yang terjejas akibat banjir dengan menyediakan jaminan kepada pinjaman baru untuk perniagaan-perniagaan ini bagi membolehkan mereka meneruskan perniagaan.

Sepanjang tahun ini, kami mengukuhkan jangkauan kami kepada usahawan Bumiputera melalui Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) dan usaha sama dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia untuk mempromosikan segmen Bumiputera. Kami juga membuat perjanjian dengan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (di bawah MRT Laluan 1) untuk menyediakan pembiayaan kontrak melalui skim TPUB-i. Kami berharap untuk menyediakan pembiayaan kepada lebih ramai kontraktor Bumiputera terutamanya dengan pelaksanaan MRT Laluan 2, Lebuhraya Pan Borneo dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

The Corporation will continue to provide advisory services through our Klinik Usahawan (Entrepreneur Clinics), seminars and roadshows to create awareness of the Corporation's efforts; as well as, our guarantee and direct financing product offers. Throughout 2015, we either participated in or conducted over 100 programmes and engaged with over 20,000 entrepreneurs/SMEs.

STRATEGIES FOR SUCCESS

To ensure that the Corporation continues to successfully implement its mandated role in assisting SMEs, we have embarked on a 5-Year Strategic Plan that charts our strategic direction for the period of 2016 to 2020. The overarching theme of the plan is "Transforming CGC, Powering SMEs".

CGC akan terus menyediakan khidmat nasihat dan rundingan melalui Klinik Usahawan, seminar dan pameran untuk mewujudkan kesedaran mengenai usaha CGC serta jaminan dan tawaran produk pembiayaan langsung kami. Sepanjang 2015, kami telah menyertai/ menjalankan lebih 100 program dan telah terlibat dengan lebih 20,000 usahawan/PKS.

STRATEGI KEJAYAAN

Bagi memastikan CGC terus berjaya melaksanakan peranan yang dimandatkan kepadanya untuk membantu PKS, kami telah melaksanakan Pelan Strategik 5 Tahun yang memetakan hala tuju strategik kami bagi tempoh 2016 hingga 2020. Tema menyeluruh pelan ini adalah "Mentransformasikan CGC, Memperkasakan PKS".



Under the Transformation-led pillar of the plan, we will work to further develop our People, enhance Processes and leverage on Technology, towards a 'transformed' Corporation. Ultimately, the aim is for the Corporation's staff to inculcate a high performance culture; to ensure our processes are enhanced for more effective and efficient delivery of services; as well as to leverage on technology, to enable straight-through processing, improve turnaround time and create positive customer

Di bawah teras pelan yang diterajui Transformasi ini, kami akan berusaha untuk memajukan lagi Kakitangan kami, meningkatkan Proses dan memanfaatkan Teknologi ke arah CGC yang berubah. Tujuannya adalah menyemai budaya prestasi tinggi di kalangan kakitangan CGC; memastikan proses kami dipertingkatkan untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan cekap; serta memanfaatkan teknologi bagi membolehkan pemrosesan yang terus, penambahbaikan masa pemerosesan dan mewujudkan pengalaman pelanggan

experiences. The “Transforming CGC” pillar also calls for us to embed our new Core Values, namely; Teamwork, Hardworking, Integrity, Nurturing and Knowledgeable, in short ‘THiNK’, within our organisation.

The “Powering SMEs” pillar will see us tapping a variety of initiatives to drive SME outreach in a sustainable manner. We will focus our efforts on improving SME access to financing via our guarantee and direct financing products that are market-oriented and relevant to SMEs’ financing needs. We will also set our sights on initiatives that create top-of-mind recollection among SMEs that the Corporation is the guarantee institution to grow their business with.

Our aspiration under the 5-Year Strategic Plan is **“To be the Household Name for SMEs by 2020”** which is supported by our Vision and Mission statements. With our new core values, we will have a common platform to express who we are, what we believe in and how we relate with our stakeholders and with each other. In realising our aspiration, we have identified four (4) Strategic Objectives with 15 strategies and 31 initiatives that serve as the pillars. The details of the 5-Year Plan are as spelt out under the Performance Highlights section of this Annual Report.

All in all, our theme, “Transforming CGC, Powering SMEs”, aptly reflects the new impetus that we have to intensify the developmental role played in the SME financing ecosystem, as well as, the transformative journey that will allow us to effectively and efficiently carry it out. Our strategic direction and clear targets have been set for 2020 and are currently undergoing careful execution in stages.

As we make good strides forward, we will continue to embark on new initiatives; as well as, review and enhance our strategies. We recognise that it is only through the collective efforts and combined strengths of our leaders, our workforce and our stakeholders, that we will truly be able to achieve our aspiration.

yang positif. Teras “Transformasi CGC” juga menuntut kami untuk menerapkan Nilai Teras baru, iaitu; Kerjasama, Rajin, Berwibawa, Mendidik dan Berilmu, secara ringkasnya ‘THiNK’, dalam organisasi kami.

Teras “Memperkasakan PKS” akan menyaksikan kami memanfaatkan pelbagai inisiatif untuk memacu jangkauan PKS secara mampan. Kami akan menumpukan usaha kami untuk memperbaiki akses PKS kepada pembiayaan melalui jaminan dan produk-produk pembiayaan langsung yang berorientasikan pasaran dan relevan dengan keperluan pembiayaan PKS. Kami juga akan menetapkan matlamat dalam inisiatif untuk menjadikan CGC sebagai jenama utama di kalangan PKS untuk mengembangkan perniagaan mereka.

*Aspirasi kami di bawah Pelan Strategik 5 Tahun adalah **“Menjadi Pilihan Utama bagi PKS menjelang 2020”** yang disokong oleh kenyataan Visi dan Misi kami. Dengan nilai-nilai teras baru kami, kami akan mempunyai platform yang sama untuk menyatakan siapa kami, apa yang dipercayai kami, dan bagaimana kami berhubung dengan pihak berkepentingan dan dengan satu sama lain. Dalam merealisasikan aspirasi kami, kami telah mengenal pasti empat (4) Objektif Strategik dengan 15 strategi dan 31 inisiatif yang bertindak sebagai teras. Butir-butir mengenai Pelan 5 Tahun adalah seperti yang dinyatakan di bawah seksyen Sorotan Prestasi dalam Laporan Tahunan ini.*

Secara keseluruhan, tema kami, “Mentransformasikan CGC, Memperkasakan PKS”, mencerminkan dorongan baru kami dengan tepat untuk mempergiatkan peranan pembangunan kami dalam ekosistem pembiayaan PKS, serta perjalanan transformasi yang membolehkan kami melaksanakannya dengan berkesan dan cekap. Hala tuju strategik kami dan sasaran yang jelas telah ditetapkan untuk tahun 2020 dan sedang dilaksanakan dengan berhati-hati secara berperingkat.

Ketika kami mengorak langkah ke hadapan, kami akan terus melaksanakan inisiatif baru serta mengkaji dan memantapkan strategi kami. Kami mengakui bahawa hanya melalui usaha kolektif dan keteguhan pemimpin-pemimpin kami, tenaga kerja dan pemegang kepentingan, kami benar-benar dapat mencapai aspirasi kami.



The table below outlines our KPI targets for 2016.

Jadual di bawah menggariskan sasaran KPI kami untuk 2016.

2016 KPI Targets Sasaran KPI untuk tahun 2016

| | KPIs <i>Indeks Prestasi Utama</i> | Targets/ <i>Sasaran</i> |
|--|--|---|
| SME Outreach <i>Jangkauan PKS</i> | 1. Value of Guarantees/Financing <i>Nilai Jaminan/Pembiayaan</i> | RM4.0 Billion / <i>Bilion</i> |
| | 2. No. of Guarantees/Financing <i>Bilangan Jaminan/Pembiayaan</i> | 8,650 |
| | 3. Value of Bumiputera Guarantees/Financing <i>Nilai Jaminan/Pembiayaan Bumiputera</i> | RM1.2 Billion / <i>Bilion</i> |
| | 4. No. of Bumiputera Guarantees/Financing <i>Bilangan Jaminan/Pembiayaan Bumiputera</i> | 3,030 |
| Efficiency Charter <i>Piagam Kecekapan</i> | Shared Risk Main Scheme <i>Skim Utama Perkongsian Risiko</i> | Charter <i>Piagam</i> |
| | 5. Processing of PG <i>Pemprosesan PG</i> | 90% within 2 days <i>dalam 2 hari</i> |
| | 6. Claim Payment <i>Pembayaran Tuntutan</i> | 90% within 10 days <i>dalam 10 hari</i> |

I am confident that as we set our sights on fulfilling our 2016 KPIs and implementing the first part of our 5-Year Strategic Blueprint, the Corporation will be able to accomplish all that we set out to do.

Saya yakin, ketika kami menetapkan matlamat untuk mencapai KPI 2016 dan melaksanakan bahagian pertama daripada Pelan Strategik 5 Tahun kami, CGC akan dapat mencapai apa yang kami cadangkan.

IN APPRECIATION

I wish to express my sincere appreciation to our valued customers for their unwavering support to the Corporation. I am also deeply grateful to Bank Negara Malaysia, financial institutions, ministries and government agencies, chambers of commerce, business and trade associations; as well as, other organisations that have supported us and continue to collaborate with us, in our efforts to fulfil our mandate.

I also wish to record my utmost gratitude to our Board of Directors, for the guidance and support in taking the Corporation to the next level. My deep appreciation to my colleagues for their continued commitment to our vision and contribution to our performance.

I look forward to the continued support of all our stakeholders as we continue with our journey **“To be the Household Name for SMEs by 2020”**.

MOHD ZAMREE MOHD ISHAK
President/Chief Executive Officer

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada pelanggan-pelanggan kami di atas sokongan mereka kepada CGC. Saya juga amat berterima kasih kepada Bank Negara Malaysia, institusi-institusi kewangan, kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan perniagaan dan perdagangan, serta organisasi lain yang telah menyokong kami dan terus bekerjasama dengan kami dalam usaha kami untuk menunaikan mandat kami.

Sum memperoleh Ijazah Sarjana Muda Muda Perdagangan (Kewangan) dari University of Canterbury, New Zealand.

YUSHIDA HUSIN

Senior Vice President
Corporate Programme Management Office
Naib Presiden Kanan
Pejabat Pengurusan Program Korporat



Yushida Husin is the Senior Vice President of Corporate Programme Management Office (CPMO). She oversees the implementation of Business Process Reengineering, IT Blueprint and other projects executed by CGC.

Prior to this appointment, she was the Chief Corporate Services Officer at Takaful Ikhlas Berhad and has over 19 years of experience. Her area of specialty includes Project Management, Corporate Planning, Process Improvement, Organisation & Methods as well as Corporate Services and Support functions.

She has served with the multi-national consultancy firm, Accenture where she was involved in business process re-engineering and system implementation projects for insurance companies in the Asian region. She was also involved in several government initiatives involving process automation through technology.

Yushida has a Bachelor of Science (Statistics) from University of Illinois, Urbana-Champaign, Illinois, United States of America.

Yushida Husin adalah Naib Presiden Kanan Pejabat Pengurusan Program Korporat (CPMO). Beliau akan menyelia pelaksanaan Penstrukturan Semula Proses Perniagaan, Pelan Pembangunan IT dan projek-projek lain yang dilaksanakan oleh CGC.

Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat di Takaful Ikhlas Berhad dan mempunyai pengalaman lebih 19 tahun. Bidang kepakaran beliau termasuk Pengurusan Projek, Perancangan Korporat, Penambahbaikan Proses, Organisasi & Kaedah serta Perkhidmatan Korporat dan Sokongan.

Beliau pernah berkhidmat dengan firma perundingan multinasional, Accenture di mana beliau terlibat dalam penstrukturan semula proses perniagaan dan projek-projek pelaksanaan sistem untuk syarikat-syarikat insurans di rantau Asia. Beliau juga terlibat dalam beberapa inisiatif kerajaan yang melibatkan automasi proses melalui teknologi.

Yushida memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Statistik) dari University of Illinois, Urbana-Champaign, Illinois, Amerika Syarikat.



DAENG HAFEZ ARAFAT ZUHUD

General Counsel & Company Secretary
Legal & Company Secretarial
*Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat
Perundangan & Kesetiausahaan Syarikat*

Daeng Hafez Arafat Zuhud is the General Counsel & Company Secretary, Legal & Company Secretarial overseeing legal, company secretarial and corporate governance functions.

He joined CGC as Head of Legal and Company Secretarial Department in May 2015. He holds an LL.B (Honours) Degree from International Islamic University Malaysia (IIUM) and was admitted as an Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya on 18 March 1995. He is licensed as Company Secretary by the Companies Commission of Malaysia since 1998.

He was the legal officer, executive and manager, working in the field of corporate legal and secretarial department for a few private and public listed companies in Malaysia. His last position prior to joining CGC was as an Assistant Vice President, Group Corporate Secretarial at Malayan Banking Berhad. He was also the past Company Secretary of Maybank Asset Management Group of Companies and Maybank (Cambodia) Plc. He has experience in human resource, company secretarial and legal areas.

Daeng Hafez Arafat Zuhud adalah Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat, Perundangan & Kesetiausahaan Syarikat yang menyelia perundangan, kesetiausahaan syarikat dan tadbir urus korporat.


Beliau menyertai CGC sebagai Ketua Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Syarikat pada bulan Mei 2015. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 18 Mac 1995. Beliau dilesenkan sebagai Setiausaha Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 1998.

Beliau merupakan pegawai, eksekutif dan pengurus perundangan yang berkhidmat dalam bidang perundangan dan kesetiausahaan korporat untuk beberapa syarikat swasta dan syarikat tersenarai awam di Malaysia. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai CGC adalah Penolong Naib Presiden, Kesetiausahaan Korporat Kumpulan di Malayan Banking Berhad. Beliau juga adalah bekas Setiausaha Syarikat Kumpulan Syarikat Maybank Asset Management dan Maybank (Cambodia) Plc. Beliau mempunyai pengalaman dalam pengurusan sumber manusia, kesetiausahaan syarikat dan perundangan.



PERFORMANCE HIGHLIGHTS

SOROTAN PRESTASI



70

Summary Of 5-Year Financial Highlights
Ringkasan Sorotan Kewangan 5 Tahun

74

Management Discussion & Analysis
Perbincangan Pengurusan & Analisis

90


CGC 5-Year Strategic Plan (2016-2020)
Pelan Strategik 5 Tahun (2016 - 2020)

SUMMARY OF 5-YEAR FINANCIAL HIGHLIGHTS


RINGKASAN SOROTAN KEWANGAN 5 TAHUN

| GROUP <i>Kumpulan</i> | 2011 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2014 RM'000 | 2015 RM'000 |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| REVENUE <i>Hasil</i> | 353,638 | 401,262 | 275,031 | 304,671 | 325,390 |
| PROFIT BEFORE TAXATION <i>Keuntungan Sebelum Cukai</i> | 99,064 | 196,057 | 168,203 | 199,550 | 190,699 |
| PROFIT AFTER TAXATION <i>Keuntungan Selepas Cukai</i> | 99,063 | 196,055 | 169,243 | 198,505 | 190,699 |
| PROFIT ATTRIBUTABLE TO SHAREHOLDERS <i>Keuntungan Diagikan Kepada Pemegang Saham</i> | 100,774 | 195,989 | 168,957 | 200,606 | 192,221 |
| SHAREHOLDERS' EQUITY <i>Ekuiti Pemegang Saham</i> | 2,619,085 | 2,589,010 | 2,757,788 | 2,958,531 | 3,150,975 |
| TOTAL EQUITY <i>Jumlah Ekuiti</i> | 2,621,286 | 2,591,020 | 2,760,084 | 2,958,726 | 3,154,342 |
| TOTAL ASSETS <i>Jumlah Aset</i> | 5,005,747 | 5,088,163 | 4,465,398 | 4,563,430 | 4,767,381 |


REVENUE
Hasil
 GROUP | *Kumpulan*




PROFIT AFTER TAXATION
Keuntungan Selepas Cukai
 GROUP | *Kumpulan*




PROFIT ATTRIBUTABLE TO SHAREHOLDERS
Keuntungan Diagihkan Kepada Pemegang Saham
 GROUP | *Kumpulan*




SHAREHOLDERS' EQUITY
Ekuiti Pemegang Saham
 GROUP | *Kumpulan*



TOTAL EQUITY
Jumlah Ekuiti
 GROUP | *Kumpulan*




TOTAL ASSETS
Jumlah Aset
 GROUP | *Kumpulan*




| CORPORATION <i>Syarikat</i> | 2011 RM'000 | 2012 RM'000 | 2013 RM'000 | 2014 RM'000 | 2015 RM'000 |
|---|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| REVENUE <i>Hasil</i> | 353,355 | 394,524 | 268,531 | 298,915 | 323,762 |
| PROFIT BEFORE TAXATION <i>Keuntungan Sebelum Cukai</i> | 84,558 | 152,424 | 116,873 | 143,766 | 140,030 |
| PROFIT AFTER TAXATION <i>Keuntungan Selepas Cukai</i> | 84,558 | 152,424 | 116,873 | 143,766 | 140,030 |
| PROFIT ATTRIBUTABLE TO SHAREHOLDERS <i>Keuntungan Diagihkan Kepada Pemegang Saham</i> | 84,558 | 152,424 | 116,873 | 143,766 | 140,030 |
| TOTAL EQUITY <i>Jumlah Ekuiti</i> | 2,600,415 | 2,526,837 | 2,646,197 | 2,790,375 | 2,932,565 |
| TOTAL ASSETS <i>Jumlah Aset</i> | 4,982,570 | 5,021,840 | 4,348,357 | 4,392,241 | 4,542,817 |


REVENUE
Hasil
 CORPORATION | *Syarikat*




PROFIT AFTER TAXATION
Keuntungan Selepas Cukai
 CORPORATION | *Syarikat*




PROFIT ATTRIBUTABLE TO SHAREHOLDERS
Keuntungan Diagihkan Kepada Pemegang Saham
 CORPORATION | *Syarikat*



TOTAL EQUITY
Jumlah Ekuiti
 CORPORATION | *Syarikat*



TOTAL ASSETS
Jumlah Aset
 CORPORATION | *Syarikat*



MANAGEMENT DISCUSSION & ANALYSIS

PERBINCANGAN PENGURUSAN & ANALISIS

PERFORMANCE OF CGC'S PREVIOUS 3-YEAR BUSINESS PLAN (2014 - 2016)

CGC's previous 3-Year Business Plan (2014 - 2016) had as its mandate the theme "Performing Developmental Role for SMEs in a Financially Sustainable Manner", supported by people and infrastructure. To date, the Corporation has made substantial progress in achieving the targets set in its previous plan, which focused on:

1. Finding a Balance between Developmental Role and Financial Sustainability;
2. Services - "Professionalism, Efficiency & Effectiveness"; and
3. New Positioning - "Powering Malaysian SMEs".

PENCAPAIAN PELAN PERNIAGAAN CGC 3 TAHUN (2014 - 2016)

Pelan Perniagaan CGC 3 Tahun (2014-2016) menetapkan mandat "Melaksanakan Peranan Pembangunan untuk PKS dengan Kewangan Mampan", disokong oleh kakitangan dan infrastruktur. Sehingga kini, CGC telah mencapai kemajuan besar ke arah matlamat kami yang telah ditetapkan dalam pelan sebelum ini yang memberi tumpuan kepada:

1. Keseimbangan di antara Peranan Pembangunan dan Kemampanan Kewangan;
2. Perkhidmatan - "Profesional, Cekap dan Berkesan"; dan
3. Kedudukan Baru - "Memperkasakan PKS Malaysia".

PERFORM DEVELOPMENTAL ROLE FOR SMEs IN A FINANCIALLY SUSTAINABLE MANNER MELAKSANAKAN PERANAN PEMBANGUNAN UNTUK PKS DENGAN KEWANGAN MAMPAN

| Balance between Developmental Role & Financial Sustainability <i>Keseimbangan di antara Peranan Pembangunan dan Kemampanan Kewangan</i> | Services - "Professionalism Efficiency & Effectiveness" <i>Perkhidmatan yang "Profesional, Cekap dan Berkesan"</i> | New Positioning - "Powering Malaysian SMEs" <i>Kedudukan baru "Memperkasakan PKS Malaysia"</i> |
|--|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Focus on products that maintain sustainability with substantial increase in outreach <i>Memberi tumpuan kepada produk yang mengekalkan kemampanan dengan peningkatan ketara dalam jangkauan</i> 2. Financing at Reasonable Cost <i>Pembiayaan pada Kos yang Munasabah</i> 3. Investment Income as an Integral component of the business model <i>Pendapatan pelaburan sebagai komponen penting dalam model perniagaan</i> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Strengthen Operational Efficiency <i>Mempertingkatkan Kecekapan Operasi</i> 2. Advisory Services <i>Khidmat Nasihat</i> 3. Embedding Healthy Risk Culture <i>Menerapkan Budaya Risiko Sihat</i> 4. Realising High Performance Culture <i>Merealisasikan Budaya Prestasi Tinggi</i> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Financial Institutions ("FIs") - Intensify strategic collaboration <i>Institusi Kewangan - Mempergiatkan kerjasama strategik</i> 2. Borrowers/public - Media Plan Initiatives <i>Peminjam/awam - Inisiatif Pelan Media</i> |

PEOPLE & INFRASTRUCTURE KAKITANGAN & INFRASTRUKTUR

MARKET CONDITIONS

Despite the overall slowdown of the economy in 2015, the SME sector expanded 5.0% - 5.5% higher than the overall GDP growth in 2015 of 5.0%. The projected growth trajectory of SME for the period 2015 - 2020 is expected at 8% per annum. In 2014, SMEs' contribution to GDP in terms of value rose to 35.9% from 33.1% in 2013 mainly due to the new definition of SME. The share to total employment of 65% was higher than the target, whilst SME's share of exports stood at 17.8%.

In 2015, the Corporation successfully achieved its strategies and met the planned key performance targets. The completion of these initiatives strengthened the Corporation's foundations as well as its efficiency and effectiveness in line with the strategic thrusts identified in the 3-Year Business Plan 2014 - 2016.

Highlights of CGC Accomplishments from Previous 3-Year Business Plan

1. Balance between Developmental Role and Financial Sustainability

1.1 SME Outreach:

- (i) As at December 2015, guarantees/financing approval increased in terms of number and value by 247% and 117% respectively to a record high of 8,225 accounts valued at RM3.4 billion as compared to 2013. This was mainly due to the aggressive marketing initiatives, especially for the Portfolio Guarantee ("PG") and Wholesale Guarantee ("WG") products which rose in value from RM500 million in 2013 to RM2.1 billion in 2015.

KEADAAN PASARAN

Walaupun keadaan ekonomi merosot secara keseluruhan pada tahun 2015, sektor PKS berkembang 5.0% - 5.5% lebih tinggi berbanding pertumbuhan keseluruhan KDNK iaitu 5.0% bagi 2015. Trajektori pertumbuhan PKS bagi tempoh 2015 - 2020 dijangka berada pada kadar 8% setiap tahun. Pada tahun 2014, sumbangan PKS kepada pertumbuhan KDNK dari segi nilai telah meningkat kepada 35.9% daripada 33.1% yang dicatatkan pada tahun 2013, terutamanya disebabkan oleh takrif baru PKS. Peratusan jumlah tenaga kerja meningkat lebih tinggi daripada sasaran iaitu sebanyak 65%, sementara sumbangan pengeksportan PKS adalah 17.8%.

Pada tahun 2015, CGC telah berjaya mencapai strategi dan menepati sasaran prestasi utama. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut telah memperkukuhkan asas CGC serta kecekapan dan keberkesanannya sejajar dengan teras strategik CGC yang dikenal pasti dalam Pelan Perniagaan 3 Tahun 2014 - 2016.

Sorotan Pencapaian CGC dari Pelan Perniagaan 3 Tahun

1. Keseimbangan di antara Peranan Pembangunan dan Kemampuan Kewangan

1.1 Jangkauan PKS:

- (i) *Sehingga Disember 2015, jaminan/pembiayaan yang diluluskan telah meningkat dari segi bilangan dan nilai sebanyak 247% dan 117%, mencatatkan rekod yang tertinggi iaitu sebanyak 8,225 akaun bernilai RM3.4 bilion berbanding tahun 2013. Ini disebabkan oleh inisiatif pemasaran yang agresif, terutamanya untuk produk Jaminan Portfolio (PG) dan Jaminan Borong (WG) yang meningkat daripada RM500 juta pada tahun 2013 kepada RM2.1 bilion pada tahun 2015.*

- (ii) New products were launched to meet SMEs diverse needs during the following period:

2014

- The WG (launched in April 2014): A scheme where FIs are able to free-up their capital and mitigate risk;
- BizMula-i (launched in May 2014): A direct financing scheme for start-ups/ young entrepreneurs who do not have financial track records, but are able to demonstrate sufficient business experience; and
- In carrying out our developmental role and to ease the cost of borrowing of SMEs, the Corporation introduced a rebate mechanism on its guarantee fees in 2014. This rebate is rewarded to existing customers for timely repayment and good conduct on their guarantee/ financing.

2015

- BizWanita-i (launched in October 2015): A direct financing scheme for women entrepreneurs. Launched with an initial approved limit of RM30 million;
- Special Assistance Scheme-i ("SAS-i") (launched in December 2015): The new direct financing facility is aimed at providing financial assistance to existing customers affected by natural disasters. The fund size is RM35 million.

- (iii) The outreach to Bumiputera entrepreneurs was enhanced further via Bumiputera-specific initiatives such as Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i ("TPUB-i"). CGC also signed a Memorandum of Understanding ("MoU") with the National Malay Chamber of Commerce to promote the Bumiputera segment. In a tie up with MRT Corp for contract financing under TPUB-i, CGC was the preferred financier for MRT Corp's G1-G4 Bumiputera contractors for its MRT Line 1 Project.

- (ii) *Pelancaran produk baru bagi memenuhi pelbagai keperluan PKS dalam tempoh berikut:*

2014

- *WG (dilancarkan pada April 2014): Satu skim yang membolehkan institusi kewangan mempunyai lebih modal dan mengurangkan risiko;*
- *BizMula-i (dilancarkan pada Mei 2014): Satu skim pembiayaan langsung untuk perniagaan baru/usahawan muda yang tidak mempunyai rekod kewangan, tetapi mempunyai pengalaman perniagaan yang mencukupi; dan*
- *Dalam menjalankan peranan pembangunan dan meringankan kos pinjaman kepada PKS, CGC telah memperkenalkan satu mekanisma rebat dalam yuran jaminan pada tahun 2014. Rebate ini diberikan kepada pelanggan sedia ada sebagai ganjaran untuk pembayaran balik yang menepati masa dan rekod baik dalam akaun jaminan/ pembiayaan mereka.*

2015

- *BizWanita-i (dilancarkan pada Oktober 2015): Skim pembiayaan langsung untuk usahawan wanita. Dilancarkan dengan had kelulusan awal sejumlah RM30 juta.*
- *Skim Bantuan Khas-i (dilancarkan pada Disember 2015): Kemudahan pembiayaan langsung yang baru ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pelanggan sedia ada yang terjejas akibat bencana alam. Saiz skim ini adalah sebanyak RM35 juta.*

- (iii) *Jangkauan kepada usahawan Bumiputera dipertingkatkan lagi melalui inisiatif khas untuk Bumiputera, seperti Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i ("TPUB-i"). CGC juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman ("MoU") dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia bagi mempromosikan segmen Bumiputera. Melalui kerjasama dengan MRT untuk pembiayaan kewangan berkontrak di bawah TPUB-i, CGC merupakan pilihan pertama untuk membiayai kontraktor Bumiputera G1-G4 untuk Projek MRT Laluan 1.*

- (iv) Provided financial advisory and consulting services through nationwide “Klinik Usahawan” (Entrepreneur Clinics) seminar and roadshows to create awareness on CGC and its guarantee and direct financing products. Over 100 programmes were conducted / participated benefiting over 20,000 entrepreneurs/SME.
- (v) In recognition of its efforts, CGC received two (2) awards from the Association of Development Financing Institutions of Asia and the Pacific (“ADFIAP”) for its PG and WG-i products. BizMula-i received the Karlsruhe Sustainable Finance Award 2015 for Best Innovation in Financial Services.
- (vi) Continued to strengthen institutional relationships via collaboration with non-FIs where the Corporation sealed MoUs with the Secretariat Empowerment of Indian Entrepreneurs (SEED) and Malaysia Franchise Association (MFA).

1.2 Financial:

- (i) CGC remains committed to ensuring sustainable growth by continuously enhancing and leveraging on the core activities i.e. providing guarantees and direct financing. CGC continued to register a healthy financial position with profitability well above the RM100 million mark for the past four (4) years since 2012. CGC registered a profit before tax of RM140.0 million in 2015, a 20% increase from the RM116.9 million recorded in 2013, indicating a healthy financial position for the Corporation over the duration of the plan.
- (ii) Guarantee fee income totalled RM73.2 million in 2015, a steady increase from 2013 and was higher year-on-year by RM15.8 million or 27.4%. The PG and WG schemes continue to drive CGC’s business growth today, making up the majority of CGC’s guarantee / financing base with 53% share. The PG scheme enables CGC and the banks to expedite the approval and disbursement of loans to SMEs, whilst the WG scheme reduces risks on the books of the FIs, freeing up capital to support more SME financing.

- (iv) *Penyediaan khidmat nasihat kewangan dan khidmat rundingan melalui Klinik Usahawan di seluruh negara untuk mewujudkan kesedaran tentang CGC dan produk-produk jaminan dan pembiayaan langsung. Lebih 100 program telah dijalankan pada tahun 2015, yang telah memberi manfaat kepada lebih 20,000 usahawan/PKS*
- (v) *Sebagai pengiktirafan terhadap usaha kami, CGC telah menerima dua (2) anugerah daripada Association of Development Financing Institutions of Asia and the Pacific (“ADFIAP”) untuk produk PG dan produk WG-i. BizMula-i menerima Anugerah Kelestarian Kewangan Karlsruhe 2015 untuk Inovasi Terbaik dalam Perkhidmatan Kewangan.*
- (vi) *CGC terus mengukuhkan hubungan institusi melalui kerjasama dengan institusi bukan kewangan di mana CGC telah menandatangani Perjanjian Persefahaman dengan Sekretariat untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) dan Persatuan Francais Malaysia (MFA).*

1.2 Kewangan:

- (i) *CGC kekal komited dalam memastikan pertumbuhan mampan dengan meningkatkan dan memaksimumkan aktiviti-aktiviti teras kami secara berterusan, iaitu penyediaan jaminan dan pembiayaan langsung. CGC terus mencatatkan kedudukan kewangan yang kukuh dengan kadar keuntungan melebihi paras RM100 juta selama empat (4) tahun yang lalu sejak tahun 2012. CGC telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM140 juta pada tahun 2015, peningkatan sebanyak 20% berbanding RM116.9 juta pada tahun 2013; ini menunjukkan bahawa CGC mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh sepanjang tempoh pelan.*
- (ii) *Pendapatan yuran jaminan yang berjumlah RM73.2 juta pada tahun 2015 adalah satu peningkatan yang kukuh daripada tahun 2013 dan mencatat peningkatan tahunan sebanyak RM15.8 juta atau 27.4%. Skim PG dan WG terus mendorong pertumbuhan perniagaan CGC, dan membentuk sebahagian besar daripada asas jaminan / pembiayaan CGC sebanyak 53%. Skim PG membolehkan CGC dan bank-bank mempercepatkan kelulusan dan penmbayaran pinjaman kepada PKS, manakala WG mengurangkan risiko dan membolehkan institusi kewangan mempunyai lebih modal bagi memperbanyakkan pembiayaan PKS.*

- (iii) CGC continues to remain vigilant in asset quality management, which includes early care monitoring and stringent credit supervision, to better manage our provisioning level.
- (iv) On top of that, investment continue to form an integral component of the business model. The low-risk and capital preservation strategies in managing investment will ensure the strengthening of the Corporation's reserves.

2. Services - "Professionalism, Efficiency & Effectiveness"

- (i) The efficiency and effectiveness indicators show improvements that have surpassed the set targets.
 - Average turnaround time ("TAT") for approval for all schemes stood at 91% in December 2015, exceeding the target of 90%.
 - Claims payment TAT further improved from 30 days in 2013 to 10 days in 2015.
- (ii) Roll-out of key initiatives to enhance operational efficiency and effectiveness:
 - Business automation on PG completed in September 2015 to improve service delivery.
 - 17 key initiatives were identified under the Business Process Reengineering (BPR) initiative to be executed in the next three (3) years.

3. New Positioning - "Powering Malaysian SMEs"

- (i) In 2014, the Corporation changed its tagline from "Helping Your Business Grow" to "Powering Malaysian SMEs" in line with the strategy to create top-of-mind recollection of CGC as the guarantee institution to grow businesses with.
- (ii) A brand awareness survey was conducted in 2014 and then in 2015 targeting 400 SMEs to evaluate brand awareness of CGC in the market. Results showed an improvement to 53.1% in 2014 from 44.3% in 2013.

(iii) CGC terus berwaspada dalam pengurusan kualiti aset yang merangkumi pemantauan awal dan pengawasan kredit yang ketat untuk menguruskan tahap peruntukan kami dengan lebih baik.

(iv) Di samping itu, pelaburan adalah satu komponen penting dalam model perniagaan. Strategi pelaburan berisiko rendah dan pengekalan modal dalam pengurusan pelaburan mampu mengukuhkan rizab CGC.

2. Khidmat "Profesional, Cepak dan Berkesan"

- (i) Indeks kecekapan dan keberkesanan telah menunjukkan peningkatan dengan melebihi sasaran yang ditetapkan.
 - Purata masa yang di ambil (TAT) untuk kelulusan semua skim berada pada kadar 91% pada Disember 2015, dan melebihi sasaran 90%.
 - Masa yang diambil untuk pembayaran tuntutan telah dipercepatkan daripada 30 hari pada tahun 2013 kepada 10 hari pada tahun 2015.
- (ii) Pelaksanaan inisiatif utama untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi:
 - Automasi perniagaan untuk PG telah dilaksanakan pada September 2015 untuk menambah baik kualiti perkhidmatan.
 - 17 inisiatif utama telah dikenal pasti di bawah inisiatif Penstrukturan Semula Perniagaan dan akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

3. Kedudukan Baru "Memperkasakan PKS Malaysia"

- (i) Pada tahun 2014, CGC telah mengubah slogan dari "Membantu Pertumbuhan Perniagaan Anda" kepada "Memperkasakan PKS Malaysia", sejajar dengan strategi untuk menjadikan CGC sebagai institusi jaminan kredit untuk PKS mengembangkan perniagaan mereka.
- (ii) Satu kaji selidik terhadap kesedaran jenama telah dijalankan pada 2014, dan juga pada tahun 2015, menyasarkan 400 PKS bagi menilai kesedaran jenama CGC di pasaran. Hasil kaji selidik menunjukkan peningkatan kepada 53.1% pada tahun 2014 daripada 44.3% pada tahun 2013.

- (iii) Promotion of CGC as a household brand.
- Active participation in SME related events as well as event sponsorship such as the ASEAN SME Showcase and Conference 2015, The Star Outstanding Business Awards (SOBA 2015), Bumipreneurs of Tomorrow (BAHTERA) organised by the Ministry of Finance, the Global Banking Conference by Asian Institute of Chartered Bankers and *Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2.0* by SME Corp.
 - Intensified media coverage activities – featuring the Board and Senior Management team in newspapers, TV and radio through exclusive interviews and media networking through visits and luncheons with business editors of newspapers and electronic media. Overall, CGC secured 113 media coverage and undertook 23 media engagement activities in 2015.
 - Embarked on corporate advertising campaigns in major newspapers and radio stations as well as online media to further increase brand awareness and to establish CGC as a household name for SMEs in Malaysia.
 - Launched its Chinese and Tamil versions of website in August 2015 to facilitate better understanding of the services provided.
- (iii) *Mempromosikan CGC sebagai jenama terkemuka.*
- *Penyertaan aktif dalam program-program berkaitan PKS dan juga penajaan program seperti Pameran dan Persidangan PKS ASEAN 2015 (ASEAN SME Showcase and Conference 2015), Anugerah Perniagaan Cemerlang The Star (The Star Outstanding Business Awards [SOBA 2015]), Usahawan Bumiputera Masa Hadapan (Bumipreneurs of Tomorrow [BAHTERA]) anjuran Kementerian Kewangan, Persidangan Perbankan Global (Global Banking Conference) anjuran Institut Bank-Bank Bertauliah Asia (Asian Institute of Chartered Bankers), dan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2.0 anjuran Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.).*
 - *Mempergiatkan aktiviti liputan media – penampilan pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan di akhbar, televisyen dan radio melalui wawancara eksklusif, dan mewujudkan rangkaian media melalui lawatan dan majlis makan tengah hari bersama editor-editor bisnes dari media cetak dan elektronik. Secara keseluruhan, CGC telah memperoleh 113 liputan media dan 23 aktiviti bersama media pada 2015.*
 - *Melaksanakan kempen pengiklanan korporat di akhbar-akhbar dan stesen radio utama dan juga media dalam talian bagi meningkatkan kesedaran jenama dan memantapkan kedudukan CGC sebagai pilihan utama di kalangan PKS di Malaysia.*
 - *Melancarkan laman sesawang Bahasa Cina dan Tamil pada Ogos 2015 bagi memudahkan kefahaman ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.*

- (iv) CGC continues to perform its social mandate internationally;
- Hosted study visits for international delegates from Bangladesh Bank, Japan International Cooperation Agency (JICA) and Egyptian Banking Institute.
 - Collaborated with Banco Central de Timor-Leste and Business Development Fund of Rwanda on the development of credit guarantee framework for SMEs in their countries, whereby MoUs were signed in May and December 2015 respectively. Continuous study visits between both parties will continue to promote the transfer of knowledge and sharing of experience to enhance institutional roles.
 - Actively participated in events hosted by the Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP), Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC).

- (iv) CGC terus menjalankan mandat sosialnya di peringkat antarabangsa;
- Menganjurkan lawatan sambil belajar dari delegasi antarabangsa, iaitu Bank Bangladesh, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (Japan International Cooperation Agency [JICA]), dan Institut Perbankan Mesir (Egyptian Banking Institute).
 - Bekerjasama dengan Banco de Timor Leste dan Business Development Fund of Rwanda (BDF) dalam pembangunan rangka jaminan kredit untuk PKS di Timor Leste dan Rwanda. Perjanjian Persefahaman telah dimeterai pada bulan Mei dan Disember 2015. Lawatan berterusan daripada kedua-dua pihak dilaksanakan bagi menggalakkan pertukaran pengetahuan dan perkongsian pengalaman untuk menambah baik peranan institusi.
 - Penglibatan secara aktif dalam program anjuran Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP), Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC).

SNAPSHOT OF CGC PERFORMANCE & FY2016 TARGET
PETIKAN PRESTASI CGC & SASARAN TAHUN KEWANGAN 2016

| Strategic Thrust <i>Teras Strategi</i> | Strategic Objective <i>Matlamat Strategi</i> | Key Corporate KPIs <i>Indeks Prestasi Koporat</i> | FY 2014 | | FY 2015 | | FY 2016 |
|--|--|--|---|---|-------------------------------------|---|----------------------------------|
| | | | Actual <i>Pencapaian</i> | Performance Against Target <i>Prestasi Berbanding Sasaran</i> | Actual <i>Pencapaian</i> | Performance Against Target <i>Prestasi Berbanding Sasaran</i> | Target <i>Sasaran</i> |
| Balance between developmental role and financial sustainability <i>Keseimbangan di antara Peranan Pembangunan dan Kemampuan Kewangan</i> | SME Outreach <i>Jangkauan PKS</i> | Guarantees/Financing Approved - No. <i>Jaminan/Pembiayaan yang Diluluskan - No.</i> | 6,839 | G | 8,225 | G | 8,650 |
| | | Guarantees/Financing Approved – Value (RM 'm) <i>Jaminan/Pembiayaan yang Diluluskan - Nilai (RM ' juta)</i> | 3,175 | G | 3,356 | G | 4,000 |
| | | Bumiputera Guarantees/Financing Approved – No. <i>Jaminan/Pembiayaan Bumiputera yang Diluluskan - No.</i> | 1,605 | Y | 2,385 | Y | 3,030 |
| | | Bumiputera Guarantees/Financing Approved – Value (RM 'm) <i>Jaminan/Pembiayaan Bumiputera yang Diluluskan - Nilai (RM ' juta)</i> | 954 | G | 980 | G | 1,200 |
| | Financial <i>Kewangan</i> | Pretax Profit (RM 'm) <i>Keuntungan Sebelum Cukai (RM ' juta)</i> | 144 | G | 140 | G | 120 |
| | Services "Professionalism Efficiency & Effectiveness" <i>Perkhidmatan yang "Profesional, Cekap dan Berkesan"</i> | Efficiency & Effectiveness <i>Kecekapan & Keberkesanan</i> | Turnaround Time - Overall (Approval within Charter) <i>Tempoh Pemprosesan Pinjaman - Keseluruhan (Kelulusan dalam tempoh Piagam)</i> | 82% | G | 91% | G |
| Turnaround Time for PG (Approval within Charter) <i>Tempoh Pemprosesan Pinjaman untuk Jaminan Portfolio (Kelulusan dalam tempoh Piagam)</i> | | | 95% within 3 days dalam 3 hari | G | 96% within 3 days dalam 3 hari | G | 90% within 2 days dalam 2 hari |
| Claim Payment (Payment within Charter) <i>Tempoh Pembayaran Tuntutan (Bayaran dalam tempoh Piagam)</i> | | | 93% within 10 days dalam 10 hari | G | 99% within 10 days dalam 10 hari | G | 90% within 10 days dalam 10 hari |
| New Positioning "Powering Malaysian SMEs" <i>Kedudukan Baru "Menjana PKS Malaysia"</i> | | Brand Awareness Survey <i>Survey Kesedaran Jenama</i> | 53% | | 59% (Estimate) <i>(Anggaran)</i> | | 63% |

G Achieving / Exceeding Budget / *Mencapai / Melebihi Bajet*

Y Within 15% Budget / *Dalam Bajet 15%*

R Well Below Budget / *Jauh di bawah Bajet*

DIVISIONS KEY ACCOMPLISHMENTS 2015
PENCAPAIAN UTAMA BAHAGIAN-BAHAGIAN 2015

| Division / Bahagian | Key Accomplishment for 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|---|---|
| <p>Business</p> <ul style="list-style-type: none"> - Drive guarantee portfolios via product marketing and campaigns. - Promote and enhance participation of Bumiputera entrepreneurs. - Innovate new and enhance existing product features through product development. - Supervise and provide support towards the daily operation and overall branch performance vis-à-vis Management's objectives and policy. | <ul style="list-style-type: none"> • PG/WG loans approved totalling RM2.1 billion. • TPUB-i was revamped in order to drive higher submissions, approvals and disbursements. This was launched on 9 September 2015. Another initiative undertaken under the Bumiputera SME agenda was the collaboration with MRT Corp to assist the Bumiputera contractors. • Rolled out 16 new products in 2015 including Top Up programme launched in April and BizWanita-i in October 2015. Launched the Special Assistance Scheme (SAS-i), a direct financing facility on 30 December 2015 that serves to provide financial assistance to our existing customers affected by natural disasters. |
| <p>Perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjana portfolio jaminan melalui pemasaran produk dan kempen. - Mempromosi dan meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera. - Mencipta produk baru dan menambah baik produk sedia ada melalui pembangunan produk. - Menyelia dan memberi sokongan terhadap operasi harian dan keseluruhan prestasi cawangan sejajar dengan objektif dan polisi pengurusan. | <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan pinjaman PG/WG berjumlah RM2.1 bilion. • Penyusunan semula TPUB-i bagi menjana penyertaan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi. Ia dilancarkan pada 9 September 2015. Satu lagi inisiatif yang dilaksanakan di bawah agenda PKS Bumiputera adalah kerjasama dengan MRT Corp untuk membantu kontraktor Bumiputera. • Melancarkan 16 produk baru pada tahun 2015, termasuk Program Tambah Nilai (Top-Up Programme) yang dilancarkan pada bulan April, dan BizWanita-i pada Oktober 2015. Pelancaran Skim Bantuan Khas-i (SAS-i), kemudahan pembiayaan langsung pada 30 Disember 2015 bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pelanggan sedia ada kami yang terjejas akibat bencana alam. |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment for 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|--|--|
| <p>Credit</p> <ul style="list-style-type: none"> - Credit evaluation and approval under the Guarantee Schemes as well as direct financing within the stipulated turnaround time. - Administration of legal documentation, management of panel solicitors, issuance of guarantee certificate, reimbursement of interest/profit under Government backed schemes, cancellation and collection of guarantee fees. | <ul style="list-style-type: none"> • Consistently achieved Turnaround Time (TAT) exceeding the charter. Overall TAT in 2015 was 91% (target: 90%). • Successfully completed the enhancement of Cash Before Guarantee Cover (CBGC) system specifically to cater for the Goods and Service Tax (GST) requirement for guarantee fees. The system was successfully deployed in October 2015. • Streamlined the direct financing legal document processes which mainly entails the centralisation of most documentation process which were previously done at the branches. The new workflow has produced commendable improvements and faster TAT for documentation and disbursement of financing. • Enhanced the PG system to improve the overall processing and delivery services for PG, Small Business Express (SBE) and WG schemes. The enhancement caters for "bulk" processing of applications, particularly for WG and micro financing in future. The enhancement was successfully deployed on 18 September 2015. |
| <p>Kredit</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Penilaian kredit dan kelulusan di bawah Skim Jaminan, dan juga pembiayaan untuk TPUB-i dalam tempoh masa pemprosesan yang ditetapkan.</i> - <i>Pentadbiran dokumentasi perundangan, pengurusan panel peguam cara, pengeluaran sijil jaminan, pembayaran semula faedah/keuntungan di bawah skim sokongan kerajaan dan pembatalan dan pungutan yuran jaminan.</i> | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mencapai masa pemprosesan pinjaman (TAT) secara konsisten melebihi piagam. Secara keseluruhan, TAT pada tahun 2015 adalah 91% (sasaran: 90%).</i> • <i>Berjaya melaksanakan penambahbaikan sistem "Cash Before Guarantee Cover (CBGC)" bagi memenuhi syarat-syarat Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas yuran jaminan. Sistem tersebut berjaya dilancarkan pada bulan Oktober 2015.</i> • <i>Menyelaraskan proses dokumentasi perundangan untuk pembiayaan langsung, yang kebanyakannya melibatkan pemusatan proses dokumentasi yang dilakukan di cawangan-cawangan sebelum ini. Aliran kerja baru ini telah menghasilkan peningkatan yang baik dan TAT yang lebih pantas untuk proses dokumentasi dan pengeluaran.</i> • <i>Meningkatkan sistem PG bagi memperbaiki keseluruhan pemprosesan pinjaman dan perkhidmatan penyampaian untuk PG, Perniagaan Kecil Ekspres (Small Business Express [SBE]) dan WG. Penambahbaikan tersebut memenuhi keperluan pemprosesan permohonan yang semakin meningkat, khususnya bagi WG dan pembiayaan mikro pada masa akan datang. Penambahbaikan tersebut berjaya dilaksanakan pada 18 September 2015.</i> |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|---|--|
| <p>Corporate Support</p> <ul style="list-style-type: none"> - Monitoring and rehabilitation of the overall CGC portfolios in order to manage default and provisions. - Maximise recovery & collection from delinquent accounts under guarantee and financing schemes. - Analyse, evaluate and process claims on defaulted financing accounts lodged by Financial Institution (FIs) in accordance with claims procedures and policies. - Streamline product process with related parties to improve TAT performance. Reviewing work process to increase productivity & efficiency. - Management of the overall IT environment and review through a comprehensive IT strategies in meeting business requirements. | <ul style="list-style-type: none"> • Early care monitoring for newly drawdown financing to manage new defaults. • Arrears management monitoring via direct engagement with FIs. • Negotiate and reschedule defaulted accounts to collect dues and rehabilitate accounts into performing. • Maximized recovery and collection from delinquent accounts under guarantee and financing schemes with 103% and 171% achievement respectively. • Revision of claim payment TAT for Small Enterprise Guarantee Scheme (SEGS) from 10 to 5 calendar days effective August 2015 via improved claim processes (100% achievement compared with 90% threshold). • Claim payment TAT of other schemes of 10 days (99% Achievement compared with 90% threshold). • Concluded Phase 1 of the Business Process Reengineering (BPR) initiatives which covered four (4) main themes i.e. straight-thru-processing, customer experience, innovation hub and B2B collaboration. • Completed Microsoft Active Directory 2013 and Exchange 2007 upgrade to enable better security, manageability, functionality and availability. This project started in June 2015 and completed in December 2015. • Completed CGC IT Helpdesk upgrade to enable better security, functionality and to automate approval process. This project started in September 2015 and completed in February 2016. • Embarked on Datawarehouse project on 15 March 2015 and completed this in March 2016. The project objective was to develop a Datawarehouse system as a central information system for analysis based on data extracted from source systems. |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|---|---|
| <p>Sokongan Korporat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memantau dan memulihkan keseluruhan portfolio CGC untuk mengekalkan dan mengurangkan peruntukan dan kadar NPL. - Memaksimumkan pemulihan dan pungutan daripada akaun culas di bawah skim jaminan dan pembiayaan. - Menganalisa, menilai dan memproses tuntutan daripada institusi kewangan berdasarkan prosedur dan polisi tuntutan. - Menyelaras proses produk dengan pihak berkenaan bagi memperbaiki prestasi masa pemprosesan. Menyemak semula proses kerja bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. - Pengurusan keseluruhan persekitaran IT dan semakan secara komprehensif strategi IT dalam memenuhi keperluan perniagaan. | <ul style="list-style-type: none"> • Pengawalseliaan awal bagi pinjaman baru untuk mengelakkan pinjaman tak berbayar. • Mengawal selia pengurusan tunggakan melalui penglibatan yang aktif dengan institusi kewangan. • Mengadakan rundingan dan menjadual semula akaun tidak berbayar dan memulihkan akaun. • Memaksima proses pemulihan dan pungutan terhadap akaun-akaun culas di bawah skim jaminan dan pembiayaan dengan pencapaian 103% dan 117%. • Semakan Masa Pemprosesan (TAT) Pembayaran Tuntutan untuk Skim Jaminan Perusahaan Kecil (Small Enterprise Guarantee Scheme [SEGS]) daripada 10 hari kepada 5 hari, mula berkuat kuasa pada bulan Ogos 2015 melalui penambahbaikan proses tuntutan (pencapaian 100% berbanding had 90%) • Masa Pemprosesan Pembayaran Tuntutan untuk skim-skim lain dalam tempoh 10 hari (pencapaian 99% berbanding had 90%) • Menyempurnakan Fasa 1 Proses Penstrukturan Semula Perniagaan (BPR), yang mengandungi empat (4) tema utama, iaitu pemprosesan terus, pengalaman pelanggan, pusat inovasi, dan kolaborasi B2B. • Peningkatan Microsoft Active Directory 2013 dan Exchange 2007. Peningkatan tersebut dilaksanakan bagi membolehkan kawalan, pengurusan, kefungisian, dan kebolehsediaan yang lebih baik. Projek tersebut bermula pada Jun 2015 dan telah siap pada Disember 2015. • Peningkatan Khidmat Bantuan IT CGC. Peningkatan dilaksanakan bagi membolehkan kawalan dan kefungisian yang lebih baik, dan bagi mengautomatiskan proses kelulusan. Projek tersebut bermula pada September 2015 dan telah siap pada Februari 2016. • 'Datawarehouse' CGC. CGC telah memulakan projek 'Datawarehouse' pada 15 Mac 2015 dan projek disasarkan siap pada Mac 2016. Objektif projek adalah untuk membangunkan sistem 'Datawarehouse' sebagai pusat maklumat untuk analisa berdasarkan data yang diperolehi daripada sistem sumber asas CGC. |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|---|--|
| <p>Corporate Services</p> <ul style="list-style-type: none"> - Strategic planning, research and development function; Board and Management Performance Reporting. | <p>Strategic Planning & Reasearch</p> <ul style="list-style-type: none"> • Development of the CGC 5-Year Strategic Plan that charts the Corporation’s strategic direction for the next five (5) years up to 2020. • Conducted the annual Board Strategic Planning session and reviewed the budgets in detail, align them to the initiatives to be undertaken for the planning period. • Provided annual lead and coordination for the annual business planning cycle. • Performance Reporting: Continued to track and monitor the Corporation’s performance against targets set out in the approved Corporate Plan, including financial performance against budgets on monthly, quarterly and yearly basis. These reports are tabled to the Management and Board. • Facilitated and ensured alignment of divisions and departments KPIs and initiatives to Corporate KPIs and objectives. • Performed scanning and research on broad macro-economic and SME development. • Collaboration with International Affiliates and Non-FIs; Sealed MoUs with SEED, Malaysian Franchise Association (MFA) as well as the Banco Central de Timor-Leste and Business Development Fund (BDF) of Rwanda. |
| <ul style="list-style-type: none"> - Strategic human resource planning to recruit, reward and retain to achieve efficient HR process. | <p>Human Capital</p> <ul style="list-style-type: none"> • Established a Succession Planning Framework to ensure the business continuity and availability of prepared leaders to fill vacant key positions in CGC. • Continued to build competent and knowledgeable workforce via commitment by management (training budget increased steadily from 2010 to 2015). • Intensified Performance Based Rewards through Salary Adjustment Exercise and Benefits Review Exercise. • Enhanced employer branding and market recognition and won the Silver Award (Employer of Choice Category) at the 2015 MIHRM Malaysia HR Awards event. • Continued to engage and motivate GCG’s workforce by organising Teambuilding programmes, Annual Dinner and Staff Service Appreciation in conjunction with the annual dinner. • Execution of Organisation Restructuring in delivering operational efficiency and compliance with Governance requirements. • Established a Graduate Trainee Framework as part of its CSR initiatives and as part of the efforts to continuously develop a competent and knowledgeable workforce. • Enhanced employer branding and acquisition of the right talents by participating in Malaysia Career Fairs and collaboration with Jobstreet, Graduan, Talentcorp and Career Builders. |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|--|---|
| - Brand & Media Management and Communication | <p>Corporate Communication</p> <ul style="list-style-type: none"> • Increased awareness through frequent mass media presence with media engagement/appearance. In 2015, CGC secured 113 media coverage and undertook 23 media engagement activities. • Enhanced stakeholder engagement with a total of 57 activities conducted with BNM, Ministries, Government agencies, FIs/DFIs, international affiliates and strategic partners. • Launched the Graduate Trainee Programme for unemployed graduates from the SME background. • Introduced Mandarin and Tamil languages corporate websites to cater to the respective SME segments. • Conducted yearly corporate and product advertising campaigns over the mainstream media (newspapers and radios) and digital media. • Organised 13 CSR activities to reach out and lend a helping hand to a wide cross-section of the Malaysian community. |
| - Finance & Investment | <p>Finance</p> <ul style="list-style-type: none"> • Timely performance reporting to Management, Board and stakeholders. • Managed overall cost efficiency of the Corporation. • Successful implementation of GST project. <p>Investment</p> <ul style="list-style-type: none"> • Development and enhancement of investment policies and framework amongst others: <ul style="list-style-type: none"> (i) Investment Policy Statement (ii) Credit Investment Policy (iii) Investment Approval Authority Grid and Limit Framework (iv) Investment Guidelines |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|--|---|
| <p>Perkhidmatan Korporat</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Perancangan strategik, fungsi penyelidikan dan pembangunan; Penyediaan Laporan Prestasi kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan.</i> | <p><i>Perancang Strategik & Penyelidikan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pembangunan Pelan Strategik 5 Tahun CGC – yang merangka haluan strategik CGC untuk tempoh lima (5) tahun akan datang sehingga 2020.</i> • <i>Melaksanakan sesi tahunan Pelan Strategik Korporat dan menyemak semula belanjawan secara terperinci, selaras dengan inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh perancangan.</i> • <i>Menyediakan haluan dan penyelarasan bagi kitaran perancangan perniagaan tahunan.</i> • <i>Laporan Prestasi: Terus mengesan dan memantau prestasi CGC terhadap sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat, termasuk prestasi kewangan terhadap belanjawan pada setiap bulan, setiap suku tahun dan tahunan. Laporan tersebut akan dibentangkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah.</i> • <i>Membantu dan memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) dan inisiatif setiap bahagian dan jabatan sejajar dengan KPI dan objektif korporat.</i> • <i>Mengesan dan membuat penyelidikan ke atas makroekonomi dan pembangunan PKS.</i> • <i>Meluaskan jaringan hubungan antarabangsa dan institusi bukan kewangan; memeterai Perjanjian Persefahaman dengan Sekretariat untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), Persatuan Francais Malaysia (MFA), serta Banco Central de of Timor-Leste, dan Business Development Fund, Rwanda (BDF).</i> |
| <ul style="list-style-type: none"> - <i>Perancangan sumber manusia yang strategik bagi pengambilan, pemberian faedah dan ganjaran serta mengekalkan kakitangan dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia.</i> | <p><i>Modal Insan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mewujudkan Rangka Perancangan Penggantian dalam memastikan kesinambungan perniagaan dan ketersediaan pemimpin-pemimpin untuk mengisi kekosongan jawatan penting dalam CGC.</i> • <i>Membina tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan melalui komitmen pengurusan (belanjawan untuk latihan semakin meningkat dari 2010 ke 2015).</i> • <i>Memperhebatkan Ganjaran Berdasarkan Prestasi melalui Penyelarasan Gaji, Semakan Faedah dan sebagainya.</i> • <i>Meningkatkan penjenamaan majikan dan pengiktirafan pasaran dan telah memenangi Anugerah Perak (Kategori Majikan Pilihan) di Anugerah Sumber Manusia MIHRM Malaysia 2015.</i> • <i>Terus terlibat dan memberi motivasi kepada tenaga kerja CGC dengan mengadakan Latihan Kerja dalam Kumpulan, Majlis Makan Malam Tahunan, dan Majlis Penghargaan Khidmat Kakitangan.</i> • <i>Pelaksanaan Penstrukturan Semula Organisasi dalam menyampaikan kecekapan operasi dan pematuhan terhadap keperluan tadbir urus.</i> • <i>Mewujudkan Rangka Kerja Latihan Graduan sebagai salah satu inisiatif CSR dan terus melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berpengetahuan.</i> • <i>Meningkatkan penjenamaan majikan dan pemerolehan bakat-bakat yang tepat dengan menyertai Pameran Kerja Malaysia (Malaysia Career Fair) dan bekerjasama dengan Jobstreet, Graduan, Talentcorp, dan Career Builders.</i> |

| Division / Bahagian | Key Accomplishment 2015 / Pencapaian Utama 2015 |
|--|--|
| <p>- <i>Pengurusan dan Komunikasi Jenama dan Media</i></p> | <p><i>Komunikasi Korporat</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Mempertingkatkan kesedaran melalui media massa dengan kemunculan dalam media yang kerap. Secara keseluruhan pada 2015, CGC telah mengadakan 113 liputan media dan 23 aktiviti bersama media.</i> • <i>Meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan dengan sejumlah 57 aktiviti dikendalikan bersama BNM, Kementerian-kementerian, agensi Kerajaan, institusi kewangan/jabatan institusi kewangan, rakan antarabangsa dan rakan kongsi strategik.</i> • <i>Pelancaran Program Latihan Graduan untuk graduan yang berlatar belakangan PKS.</i> • <i>Pelancaran laman web dalam Bahasa Mandarin dan Tamil bagi segmen PKS tertentu.</i> • <i>Mengadakan kempen pengiklanan produk dan korporat setiap tahun melalui media arus perdana (akhbar dan radio) dan media digital.</i> • <i>Menganjurkan 13 aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam menghulurkan bantuan kepada komuniti di seluruh Malaysia.</i> |
| <p>- <i>Kewangan dan Pelaburan</i></p> | <p><i>Kewangan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pembentangan Laporan Prestasi Kewangan kepada pihak Pengurusan, Ahli Lembaga Pengarah dan Pihak Berkepentingan.</i> • <i>Pengurusan keseluruhan Kos CGC.</i> • <i>Kejayaan pelaksanaan projek GST.</i> <p><i>Pelaburan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pembangunan dan penambahbaikan polisi-polisi pelaburan dan rangka kerja antara lain:</i> <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>Penyata Polisi Pelaburan</i> (ii) <i>Polisi Pelaburan Kredit</i> (iii) <i>Grid Kuasa Kelulusan Pelaburan dan Rangka Kerja Terhad</i> (iv) <i>Garis Panduan Pelaburan</i> |

CGC 5-YEAR STRATEGIC PLAN (2016 - 2020)

PELAN STRATEGIK 5 TAHUN (2016 - 2020)

In ensuring that CGC continues to perform its mandated role in creating access to financing for SMEs, CGC has developed the 5-Year Strategic Plan to chart the Corporation's strategic direction for the period 2016 to 2020.

Dalam memastikan CGC terus melaksanakan peranan yang telah dimandatkan untuk membantu PKS, CGC telah merangka Pelan Strategik 5 Tahun untuk menetapkan hala tuju strategik CGC bagi tempoh 2016-2020.

CGC is at the position of financial strength but there is room for core business and operational improvements

CGC pada kedudukan kewangan yang kukuh tetapi masih ada ruang untuk penambahbaikan perniagaan teras dan operasi



ASSESSMENT OF CURRENT STATE

A study was undertaken on key areas i.e. Relevance, Financial Sustainability, Operations, Customer and People. There were several key findings on where the Corporation is today in terms of its relevance and balance scorecard perspective.

Relevance has been assessed against its alignment within the national SME development agenda and the SME ecosystem. Based on that assessment, CGC remains relevant as a credit guarantee provider within the national SME development agenda.

Financial Sustainability has been assessed in terms of our past financial performance, top-line components and cost to income ratio. The outcome of the assessment is that profit before tax remains positive whilst continued focus to grow our business income is needed to support overall expenses.

The assessment on **operations** included views on the Corporation's business model and key business activities, (i.e. credit guarantees and direct financing) and it was concluded that the current operations could be better enhanced through clarity of roles as well as seamless automation process with Financial Institutions (FI).

Customer assessment looked at the Corporation's current base, as well as branding and marketing outreach and it was noted that there is a sizeable potential market which can be expanded especially in the underserved segment, such as youth and micro financing.

The assessment of **people** covered talent profiling, performance management, succession planning and learning & development.

In short, the current state assessment on CGC is that we are at the position of financial strength but there is room for core business and operational improvements.

PENILAIAN KEADAAN SEMASA

Kajian telah dibuat terhadap bidang utama iaitu Kerelevanan, Kemampanan Kewangan, Operasi, Pelanggan dan Wargakerja. Terdapat beberapa penemuan utama tentang kedudukan CGC pada masa ini dari perspektif kerelevanan dan 'kad skor seimbang'.

Kerelevanan telah dinilai keselarasannya dalam agenda pembangunan PKS negara dan ekosistem PKS. Berdasarkan penilaian tersebut, CGC kekal relevan sebagai penyedia jaminan kredit dalam agenda pembangunan PKS negara.

Kemampanan Kewangan telah dinilai dari segi prestasi kewangan masa lalu, komponen pendapatan jualan dan nisbah kos kepada pendapatan. Hasil penilaian ini ialah keuntungan sebelum cukai kekal positif, tetapi tumpuan berterusan untuk meningkatkan pendapatan perniagaan diperlukan untuk menampung perbelanjaan keseluruhan.

Penilaian ke atas **operasi** merangkumi pandangan mengenai model perniagaan dan aktiviti perniagaan utama kami (iaitu jaminan kredit dan pembiayaan langsung) dan kesimpulannya adalah bahawa operasi semasa boleh dipertingkatkan lagi melalui kejelasan peranan serta proses automasi yang lancar dengan institusi kewangan.

Penilaian **pelanggan** meneliti keadaan semasa CGC, serta jangkauan penjenamaan dan pemasaran, dan didapati bahawa terdapat potensi pasaran yang besar yang boleh diperluaskan terutamanya segmen yang kurang seperti pembiayaan belia dan mikro.

Penilaian **wargakerja** meliputi pemprofilan bakat, pengurusan prestasi, perancangan penggantian dan pembelajaran & pembangunan.


Secara ringkasnya, penilaian keadaan semasa CGC adalah kami berada dalam kedudukan kewangan yang kukuh tetapi masih ada ruang untuk penambahbaikan perniagaan teras dan operasi.

THE THEME

The overarching theme of the plan is "Transforming CGC, Powering SMEs". Under the Transformation-led pillar of the plan, the focus is to further develop People, enhance Processes and leverage on Technology towards a 'transformed' CGC. The "Transforming CGC" pillar also calls for the Corporation to embed its new Core Values, namely 'THiNK', (representing Teamwork, Hardworking, Integrity, Nurturing, Knowledgeable). The "Powering SMEs" pillar will focus on tapping a variety of initiatives to drive SME outreach in a sustainable manner, improve SME access to financing and create top-of-mind recollection of CGC.

TEMA KAMI

Tema bagi pelan ini adalah "Mentransformasikan CGC; Memperkasakan PKS". Di bawah teras pelan Diterajui Transformasi ini, fokus adalah untuk memajukan lagi Wargakerja, menambahbaik Proses dan memanfaatkan teknologi ke arah CGC yang 'berubah'. Teras "Transformasi CGC" juga menyeru kami untuk menerapkan Nilai Teras baru iaitu 'THiNK', dalam organisasi. Teras "Memperkasakan PKS" akan memanfaatkan pelbagai inisiatif untuk mendorong jangkauan PKS secara mampan, meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan dan menjadikan CGC pilihan utama.



OPERATING ENVIRONMENT

In developing the 5-Year Strategic Plan, the Corporation took into account the overall market outlook which covers four main areas, namely the Political, Economic, Social and Technological areas. The Corporation will continue to be vigilant and will keep abreast of developments in the marketplace that may affect its future direction.

The Corporation operates within the Malaysian SME financing ecosystem, where it complements the Government of Malaysia's thrust to provide access to financing for SMEs.

PERSEKITARAN OPERASI

Dalam merangka Pelan Strategik 5 tahun, CGC mengambil kira prospek pasaran keseluruhan yang merangkumi empat bidang utama iaitu Politik, Ekonomi, Sosial dan Teknologi. CGC akan meneruskan pemantauan dan mengikuti perkembangan persekitaran yang boleh menjejaskan hala tuju masa depan CGC.

CGC beroperasi dalam ekosistem pembiayaan PKS Malaysia, di mana kami melengkapkan usaha kerajaan Malaysia untuk menyediakan akses pembiayaan kepada PKS.

SME Development Framework Rangka Kerja Pembangunan PKS



Source: SME Corp, "SME Master Plan 2012 – 2020"
 Sumber: SME Corp, "Pelan Induk SME 2012 – 2020"

SMEs have long been recognised as the backbone of the Malaysian economy. SMEs account for 97.3% or 645,136 of total business establishments that cut across all sectors and contribute 35.9% of GDP, 65% of total employment and 17.8% of total exports. GDP growth of SMEs has consistently outperformed the growth of the overall economy since 2004. SME contribution to GDP, employment and exports is targeted to increase to 41%, 65% and 23% respectively by 2020.

SME development is an important component of the national agenda to attain high-income nation status by 2020. In 2012, the government launched the 8-Year SME Masterplan (2012-2020) to boost the SME sector through six (6) high impact programmes and 32 other initiatives. This is expected to increase the annual growth of SMEs to 8% by 2020 from a compounded growth rate of 7.5% in the 2011 to 2014 period.

KEY PLANNING ASSUMPTIONS

CGC's 5-Year Strategic Plan was developed based on the following key planning assumptions:

- CGC mandate and developmental role continues to support the nation's economic development agenda by assisting marginal, but potentially viable SMEs, particularly businesses without collateral or with inadequate collateral and track record, to obtain financing from financial institutions;
- The guarantee business remains the main avenue in performing our developmental role in facilitating access to financing; and
- To continue to leverage on financial institutions as the main channel to market and provide products and services to SMEs.

PKS telah lama diiktiraf sebagai tunjang kepada ekonomi Malaysia. PKS merangkumi 97.3% atau 645,136 daripada jumlah perniagaan yang merentasi semua sektor dan menyumbang 35.9% daripada KDNK, 65% daripada jumlah tenaga kerja dan 17.8% daripada jumlah eksport. Pertumbuhan KDNK PKS secara konsisten mengatasi pertumbuhan keseluruhan ekonomi sejak tahun 2004. Sumbangan PKS kepada KDNK, jumlah tenaga kerja dan eksport masing-masing dijangka meningkat kepada 41%, 65% dan 23% pada tahun 2020.

Pembangunan PKS merupakan komponen penting dalam agenda negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pada tahun 2012, kerajaan telah melancarkan Pelan Induk PKS 8 tahun (2012 - 2020) untuk memacu sektor PKS melalui enam (6) program berimpak tinggi dan 32 inisiatif lain. Ini dijangka meningkatkan pertumbuhan tahunan PKS kepada 8% pada tahun 2020 daripada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5% dari tahun 2011 hingga 2014.

ANDAIAAN UTAMA PERANCANGAN

Pelan Strategik 5 Tahun CGC telah dibangunkan berdasarkan andaian utama perancangan yang berikut:

- *Mandat dan peranan CGC untuk terus menyokong agenda pembangunan ekonomi negara dengan membantu PKS yang marginal tetapi berpotensi untuk berdaya maju, terutamanya perniagaan tanpa cagaran atau kekurangan cagaran serta rekod pencapaian perniagaan untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.*
- *Penyediaan jaminan kekal sebagai saluran utama dalam melaksanakan peranan pembangunan bagi memudahkan akses kepada pembiayaan; dan*
- *CGC akan terus memanfaatkan institusi kewangan sebagai saluran utama untuk memasarkan dan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada PKS.*

5-YEAR STRATEGIC PLAN (2016-2020) DIRECTION


CGC's 5-Year Strategic Plan sets the strategic direction and spells out the priorities and initiatives over the five (5) year period from 2016 to 2020. It also details out the headline targets to be achieved by 2020 in support of the aspiration, vision and mission.

The framework of the 5-Year Strategic Plan comprises of the following components:

HALA TUJU PELAN STRATEGIK 5 TAHUN (2016-2020)

Pelan Strategik 5 Tahun CGC menetapkan hala tuju strategik dan menggariskan keutamaan dan inisiatif untuk tempoh 5 tahun iaitu dari 2016 ke 2020. Ia juga memperincikan sasaran utama menjelang tahun 2020 bagi menyokong aspirasi, visi dan misi.

Rangka kerja Pelan Strategik 5 Tahun terdiri daripada komponen-komponen berikut:



The strategic direction provides a single and targeted direction where CGC aspires to be "The Household Name for SMEs by 2020".

CGC's vision and mission remain unchanged, as does our mandated role to assist potentially viable SMEs to gain access to financing.

Hala tuju strategik kami menyediakan satu arah sasaran di mana CGC berhasrat untuk menjadi "Pilihan Utama bagi PKS menjelang tahun 2020".

Visi dan misi CGC tetap tidak berubah dan juga peranan yang dimandatkan untuk membantu PKS yang berdaya maju untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan.

OUR CORE VALUES

To further support our aspiration, the Corporation has introduced new Core Values, "THiNK" (representing Teamwork, Hardworking, Integrity, Nurturing and Knowledgeable), that serve as a common foundation for all CGC staff.

NILAI TERAS KAMI

Untuk terus menyokong aspirasi kami, CGC telah memperkenalkan nilai-nilai teras baru "THiNK" (mewakili Usahasama, Ketekunan, Berwibawa, Mendidik dan Berpengetahuan) yang berfungsi sebagai asas untuk semua kakitangan CGC.



STRATEGIES AND INITIATIVES

In realising the Corporation's aspiration, four (4) strategic objectives have been identified, supported by 15 strategies and 31 initiatives.

STRATEGI DAN INISIATIF

Dalam merealisasikan aspirasi CGC, kami telah mengenal pasti empat (4) matlamat strategik yang disokong oleh 15 strategi dan 31 inisiatif.

| | 4 Strategic Objectives <i>Matlamat Strategik</i> | 15 Strategies <i>Strategi</i> | 31 Initiatives <i>Inisiatif</i> |
|---------------|---|--|---|
| S.O #1 | Reposition CGC to become more proactive and relevant <i>Penyusunan semula CGC untuk menjadi lebih proaktif dan relevan</i> | <ul style="list-style-type: none"> Exploring new and niche opportunities that facilitate a shift in the perception of CGC within the market, i.e. SMEs, FIs and other partners, including: <ul style="list-style-type: none"> Looking at new segments within the SME market Partnering with traditional and non-traditional partners to provide innovative products and services Enhancing CGC's marketing and branding initiatives <i>Meneroka kegiatan dan peluang baru yang membantu perubahan persepsi terhadap CGC dalam pasaran iaitu PKS, institusi kewangan dan rakan kongsi lain termasuk:</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>Mencari segmen baru dalam pasaran PKS</i> <i>Bekerjasama dengan rakan-rakan tradisional dan bukan tradisional untuk menyediakan produk dan perkhidmatan inovatif</i> <i>Meningkatkan pemasaran dan penjenamaan CGC</i> | 13 |
| S.O #2 | Ensure sustainable growth <i>Memastikan pertumbuhan yang mampan</i> | <p>Maintaining sustainable growth by:</p> <ul style="list-style-type: none"> Enhancing and leveraging on the current core activities, i.e. primary being guarantees and secondary being direct financing Aligning to mandated and complementary role in the overall SME financing ecosystem <p><i>Mengekalkan pertumbuhan mampan dengan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Meningkatkan dan memanfaatkan aktiviti teras semasa, iaitu yang utama adalah jaminan kredit dan kedua adalah pinjaman langsung</i> <i>Menjajarkan peranan dan pelengkap dalam ekosistem pembiayaan keseluruhan PKS</i> | 8 |
| S.O #3 | Enhance human capital <i>Meningkatkan modal insan</i> | <ul style="list-style-type: none"> Ensuring human capital is aligned to key strategies through enhancement of capabilities and talent management which includes performance management, succession planning and the role of Human Capital Department (HCD) moving forward <i>Memastikan modal insan yang sejajar dengan strategi utama melalui pengurusan bakat tenaga mahir yang meliputi pengurusan prestasi, perancangan ketersediaan tenaga mahir dan peranan yang dimainkan Jabatan Modal Insan (HCD) di masa hadapan</i> | 8 |
| S.O #4 | Enhance operational efficiency and effectiveness <i>Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi</i> | <ul style="list-style-type: none"> Enhancing operational efficiency and effectiveness continuously by ensuring that key enablers are in place, i.e. people, process and technology <i>Meningkatkan kecekapan operasi dan keberkesanan secara berterusan dengan memastikan penyediaan pemboleh utama iaitu wargakerja, proses dan teknologi</i> | 2 |

Strategic Objective 1 will see the Corporation venturing into new SME segments and partnering with non-traditional partners to entrench the Corporation's outreach agenda. In addition, to also undertake a review of its brand strength and embark on a holistic branding exercise to create a top-of-mind brand amongst SMEs.

Whilst venturing into new areas, the Corporation will continue to leverage on its current strengths to ensure sustainable growth under Strategic Objective 2. To this end, the Corporation remains committed to its core business of providing guarantee to assist SMEs to avail themselves of financing. The provision of guarantees remains the main avenue in performing its developmental role in facilitating access to financing for SMEs. The Corporation will continue to deepen its relationships with FIs and strengthen its collaboration with SME-related ministries and agencies whilst forging alliances with non-FI institutions including association and chambers to further expand outreach to SMEs.

Portfolio Guarantee (PG) and Wholesale Guarantee (WG) products will continue to grow while continuing organic growth of the other products. The Corporation will also embark on a branch rationalisation exercise to ensure effective outreach to SMEs.

It is evident that having the right talent is necessary for achieving a healthy, well functioning organisation. In its continuing efforts to attract, develop and retain top talent under Strategic Objective 3, the Corporation will embark on key strategies and initiatives over the next five (5) years to enhance people capability and talent management. This will include a review and enhancement of the talent profile, performance management, learning and development approaches as well as strategy and succession planning.

Matlamat Strategik 1 akan melihat CGC menceburi segmen-segmen PKS yang baru dan bekerjasama dengan rakan-rakan bukan tradisional untuk mengukuhkan agenda jangkauan CGC. Selain itu, CGC juga akan menjalankan kajian semula mengenai kekuatan jenama CGC dan memulakan penjenamaan holistik untuk menjadi pilihan utama di kalangan PKS.

Dalam menceburi bidang-bidang baru, CGC akan terus memanfaatkan kekuatan semasanya untuk memastikan pertumbuhan yang mampan sejajar dengan Matlamat Strategik 2. Untuk tujuan ini, CGC kekal komited kepada perniagaan terasnya iaitu menyediakan jaminan untuk membantu PKS mendapatkan pembiayaan. Penyediaan jaminan kekal sebagai saluran utama di mana kami akan melaksanakan peranan pembangunan bagi memudahkan akses kepada pembiayaan untuk PKS. CGC akan terus mengeratkan hubungan dengan institusi kewangan dan mengukuhkan kerjasama dengan kementerian dan agensi berkaitan PKS di samping menjalin pakatan dengan institusi bukan kewangan termasuk persatuan dan dewan perniagaan untuk meluaskan lagi jangkauan kami kepada PKS.

CGC akan terus mengembangkan produk Jaminan Portfolio (PG) dan Jaminan Borong (WG) di samping meneruskan pertumbuhan organik produk-produk lain. CGC juga akan memulakan proses rasionalisasi cawangan untuk memastikan jangkauan yang berkesan kepada PKS.

Kami memahami bahawa mempunyai bakat yang sesuai adalah perlu bagi membolehkan sesebuah organisasi beroperasi dan berdaya saing. Dalam usaha berterusan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan cemerlang, sejajar dengan Matlamat Strategik 3, CGC akan memulakan strategik utama dan inisiatif sepanjang tempoh lima (5) tahun akan datang bagi meningkatkan keupayaan dan pengurusan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Ini termasuk mengkaji semula dan penambahbaikan profil bakat, pengurusan prestasi, pembelajaran dan pembangunan serta strategi dan perancangan penggantian.

As the Corporation embarks on the next steps to operationalise its Strategic Plan, the processes and technology are being put in place to support the transformation journey which has been outlined under Strategic Objective 4. Operational efficiency and effectiveness are critical to ensure CGC is able to move quickly towards its aspiration, "To be a household name for SMEs by 2020".

In 2015, the Corporation embarked on a Business Process Reengineering (BPR) initiative and completed the development of the BPR Blueprint which entails the identification and implementation of 'quick wins'.

The implementation of these initiatives will continue over the duration of this strategic plan. For 2016, the Corporation has re-prioritised the initiatives identified in the BPR Blueprint according to its new strategic direction. To support this, the Corporation has also embarked on the development of a 3-Year IT Blueprint to support the implementation and execution of strategies set out in the Strategic Plan.

ROADMAP TO 2020

The Corporation's roadmap provides a high-level view of the planned 15 strategies and 31 initiatives over the course of the 5-year plan. The plan will be rolled out in three (3) waves:

- Wave 1 (Year 2016): "Building Strong Foundations"
- Wave 2 (Year 2017 – 2018): "Creating Growth"
- Wave 3 (Year 2019 – 2020): "Sustaining Momentum"

The year 2016 will see a total of six (6) initiatives being rolled out to build the foundation of the plan.

Dalam CGC memulakan langkah seterusnya untuk melaksanakan pelan strategik ini, penyediaan proses-proses dan teknologi adalah perlu untuk menyokong perjalanan transformasi ini seperti yang digariskan dalam Matlamat Strategik 4. Kecekapan dan keberkesanan operasi adalah kritikal untuk memastikan CGC mampu bergerak dengan pantas ke arah aspirasinya - "Untuk menjadi pilihan utama bagi PKS menjelang 2020".

Pada tahun 2015, CGC telah memulakan inisiatif Penstrukturan Semula Proses Perniagaan ("BPR") dan telah menyiapkan pembangunan pelan tindakan BPR yang melibatkan pengenalan dan pelaksanaan 'quick wins'.

Kami akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif ini sepanjang tempoh pelan strategik ini. Untuk tahun 2016, kami telah menyusun semula inisiatif-inisiatif yang dikenal pasti dalam pelan tindakan BPR mengikut hala tuju strategik baru kami. Selain itu, CGC telah memulakan Rangka Tindakan IT 3 Tahun bagi menyokong pelaksanaan rangka tindakan dan pelaksanaan strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Strategik.


`PELAN TINDAKAN` 2020

Hala tuju CGC menyediakan gambaran keseluruhan 15 strategi yang dirancang dan 31 inisiatif sepanjang tempoh Pelan 5 tahun ini. Pelan ini akan dilaksanakan dalam tiga (3) peringkat:

- *Peringkat 1 (Tahun 2016) : "Membina asas yang kukuh"*
- *Peringkat 2 (Tahun 2017-2018): "Mencipta Pertumbuhan"*
- *Peringkat 3 (Tahun 2019-2020): "Mengekalkan Momentum"*

Tahun 2016 akan melihat enam (6) inisiatif dilaksanakan untuk membina asas pelan.

31 initiatives shall be implemented throughout a 5 year period, i.e. 2016 - 2020 in 3 waves
31 inisiatif yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh 5 tahun, iaitu 2016 - 2020 dalam 3 peringkat



Note: *Actual number of initiative owners vary due to overlaps or additional resources required
Nota: *Bilangan pemilik inisiatif adalah berbagai akibat pertindihan atau sumber tambahan diperlukan

Our Measures of Success Ukuran Kejayaan CGC

| Indicator <i>Petunjuk</i> | Description <i>Keterangan</i> | FY2020 Target <i>Sasaran Tahun 2020</i> |
|---|--|---|
| Guarantee and Financing base (RM) <i>Jaminan dan Pembiayaan (RM)</i> | Measures outreach to SMEs which require financial assistance <i>Mengukur jangkauan kepada PKS yang memerlukan bantuan kewangan</i> | A target base of <i>Sasaran sejumlah</i> RM14.5 billion / <i>bilion</i> |
| Guarantee Reserve Ratio <i>Jaminan Nisbah Rizab</i> | Measures capital adequacy <i>Mengukur kecukupan modal</i> | 4.0 times / <i>kali</i> |
| Pre-tax Profit (RM) <i>Keuntungan sebelum cukai (RM)</i> | Demonstrates business profitability <i>Menunjukkan keuntungan perniagaan</i> | RM160 million / <i>juta</i> |
| Cost-to-Income <i>Kos kepada Pendapatan</i> | Measures operational efficiency <i>Mengukur kecekapan operasi</i> | Capped at/ <i>Dihadkan</i> kepada 35% |
| Graduation Rate <i>Kadar Graduasi</i> | Rate of SMEs that no longer require CGC's assistance to obtain financing <i>Kadar PKS yang tidak lagi memerlukan bantuan CGC untuk mendapatkan pembiayaan</i> | 50% |
| Brand Awareness <i>Kesedaran Jenama</i> | Awareness level of CGC as key facilitator for SMEs to obtain financing <i>Tahap kesedaran CGC sebagai fasilitator utama bagi PKS untuk mendapatkan pembiayaan</i> | 80% |

The above headline targets for 2020 has been developed to set a clear direction for the Corporation moving forward.

CONCLUSION

As the Corporation embarks on its new 5-Year Strategic Plan, the theme "Transforming CGC, Powering SMEs" aptly reflects the new impetus that we have to intensify the developmental role that the Corporation plays in the SME financing ecosystem as well as the transformation journey that will allow us to effectively and efficiently carry it out.

The Corporation's strategic direction and clear targets have been set for 2020 and we are carefully executing these in stages. As we make good progress on these fronts, we will continue to embark on new initiatives, as well as review and enhance our strategies. We recognise that it is only with the collective efforts and the combined strengths of our leadership and our workforce as well as the steadfast support of our stakeholders that we will truly be able to achieve our Aspiration "To be the household name for SMEs by 2020".

Sasaran yang digariskan di atas untuk tahun 2020 telah dirangka untuk menetapkan hala tuju CGC.

KESIMPULAN

Dalam CGC melaksanakan Pelan Strategik 5 tahun, tema 'Mentransformasikan CGC; Memperkasakan PKS' dengan tepat mencerminkan dorongan baru kami untuk meningkatkan peranan pembangunan CGC dalam ekosistem pembiayaan PKS serta perjalanan transformasi yang akan membolehkan kami melaksanakannya dengan berkesan dan cekap.

Dengan hala tuju strategik dan sasaran CGC yang jelas untuk tahun 2020, kami akan terus melaksanakan inisiatif baru secara berperingkat. Seperti kemajuan yang dijalankan dalam bidang ini, kami akan terus melaksanakan inisiatif baru serta mengkaji dan meningkatkan strategi kami. Kami menyedari bahawa hanya dengan gabungan usaha dan kekuatan kepimpinan kami, tenaga kerja dan sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan yang membolehkan kami mencapai Aspirasi kami: "Untuk menjadi pilihan utama bagi PKS menjelang 2020".



OUR COMMITMENT TO RESPONSIBLE PRACTICES

KOMITMEN KAMI TERHADAP AMALAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

..... ◆

104

Statement On Corporate Governance
Penyata Tadbir Urus Korporat

124

Statement Of Risk Management & Internal Control
Penyataan Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

136

Our Outreach Programme - Reaching to Enrich
Program Jangkauan Kami - "Reaching to Enrich"

142

Corporate Social Responsibility
Tanggungjawab Sosial Korporat

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

1. INTRODUCTION

The Board of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (“CGC” or “the Corporation”) strives to comply fully with the Companies Act, 1965 and the recommendations of the Malaysian Code on Corporate Governance 2012 (“the Code”), in order to ensure that the business and affairs of the Corporation are conducted and managed, so as to enhance business prosperity and corporate accountability. The ultimate objective of this is to realise long-term shareholder value, whilst ensuring the interests of other stakeholders are enhanced and safeguarded at all times with the highest degree of accountability and transparency. The Board is committed to achieving the highest standards of business integrity, ethics and professionalism across the length and breadth of the Corporation.

2. BOARD OF DIRECTORS

2.1 Board Charter and Board Responsibilities

In line with recommendations of the Code, the Board has formalised and adopted a Board Charter on 10 December 2013, which sets out, amongst others, the roles and responsibilities, authorities, procedures, evaluation and structures of the Board and Board Oversight Committees, as well as the relationship between the Board, the Management and the shareholders of the Corporation.

The Board will review the Board Charter as and when required to ensure compliance with the regulations. A copy of the Board Charter is made available at the Corporation’s website at www.cgc.com.my.

1. PENGENALAN

Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (“CGC” atau “Perbadanan”) berusaha untuk mematuhi sepenuhnya Akta Syarikat 1965 dan cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (“Kod”) untuk memastikan perniagaan dan hal ehwal Perbadanan dijalankan dan diuruskan ke arah mempertingkatkan kemajuan perniagaan dan kebertanggungjawapan korporat dengan matlamat untuk merealisasikan nilai jangka panjang pemegang saham di samping mengambil kira kepentingan lain-lain pihak dijaga dan dipertingkatkan pada setiap masa dengan bertanggungjawab dan telus. Lembaga Pengarah komited untuk mencapai standard tertinggi dalam integriti perniagaan, etika dan profesionalisme dalam semua aktiviti Perbadanan.

2. LEMBAGA PENGARAH

2.1 Piagam dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Sejajar dengan cadangan Kod, Lembaga Pengarah telah merangka dan menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah pada 10 Disember 2013, yang menetapkan antara lain, peranan dan tanggungjawab, pihak berkuasa, prosedur, penilaian dan struktur Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, serta hubungan di antara Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan dan pemegang saham Perbadanan.

Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Piagam Lembaga Pengarah apabila perlu untuk memastikan pematuhan kepada semua peraturan. Salinan Piagam Lembaga Pengarah disediakan di laman web Perbadanan di www.cgc.com.my.

The Board's Terms of Reference provides a formal schedule of reserved matters whereby the decision making for certain specific matters shall be under the sole discretion and responsibility of the Board. Nevertheless, the Board has the discretion to delegate the reserved matters or specific decision making responsibilities to the Board Oversight Committees, individual Directors or Management.

The Board is primarily responsible for developing corporate strategy and setting targets, upholding a strong corporate performance management approach, overseeing development of the Corporation's future leaders and human capital, understanding and managing the Corporation's risks, adopting shareholders' perspectives when making decisions, and balancing valid stakeholders' interests.

2.2 Board Composition and Balance

The Corporation is led and managed by an experienced Board whose members have a wide range of qualifications, skills, knowledge, experience and expertise. These include the areas of investment and banking, insurance, administration, finance, accounting, credit analysis and rating, information technology and business. The Board currently comprises eight (8) members, all of whom are Independent Non-Executive Directors. The Board also has one (1) female Director.

A brief profile of each Board member is set out in pages 42 to 49 of this Annual Report.

Terma Rujukan Lembaga Pengarah menyediakan jadual rasmi bagi perkara-perkara khas di mana proses membuat keputusan untuk perkara-perkara tertentu hendaklah mengikut budi bicara Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah berhak menyerahkan perkara-perkara khas atau tanggungjawab untuk membuat keputusan tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, Pengarah individu atau Pihak Pengurusan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk membangunkan strategi korporat dan menetapkan sasaran, mendukung pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh, memantau pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan Perbadanan, memahami dan menguruskan risiko Perbadanan, menerima pakai saranan pemegang saham semasa membuat keputusan dan mengimbangi kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

2.2 Komposisi Lembaga Pengarah dan Keseimbangan

Perbadanan dipimpin dan diuruskan oleh Lembaga Pengarah yang berpengalaman dengan ahli-ahlinya mempunyai pelbagai kelayakan, kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran. Ini termasuk bidang pelaburan dan perbankan, insurans, pentadbiran, kewangan, perakaunan, analisis kredit dan penarafan, teknologi maklumat dan perniagaan. Lembaga Pengarah pada masa ini terdiri daripada lapan (8) orang ahli, kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah juga mempunyai seorang (1) Pengarah wanita.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di muka surat 42 hingga 49 dalam Laporan Tahunan ini.

2.3 Division of roles and responsibilities between Chairman and President/Chief Executive Officer ("PCEO")

The Chairman is mainly responsible for the overall leadership and efficient functioning of the Board. On the other hand, the PCEO is mainly responsible to the Board for day-to-day management of the Corporation.

The roles and responsibilities of the Chairman, YBhg. Dato' Agil Natt, and the PCEO, Encik Mohd Zamree Mohd Ishak, are clearly separated to ensure balance of power and authority. The roles and responsibilities of the Chairman and PCEO are clearly documented in the Board Charter.

2.4 Tenure of Independent Directors

The Board Charter provides that the tenure of an Independent Director should not exceed three (3) terms of three (3) years each term, or nine (9) years in total. The Board may, subject to the assessment of Board Nomination and Remuneration Committee ("BNRC") on an annual basis, recommend that an Independent Director who has served for a cumulative term of nine (9) years, remain as an Independent Director subject to shareholders' approval with justification given.

None of the Independent Directors have served for a cumulative term of more than nine (9) years as at the financial year ended 31 December 2015.

2.5 Board Meetings

In 2015, the Board of Directors met on a bi-monthly basis with additional meetings convened as and when necessary to discuss urgent issues that required deliberation in between the scheduled meetings.

The Board and Board Oversight Committee meetings are scheduled well in advance, with dates for the year circulated in the preceding year to give the Directors ample time to plan.

2.3 Pembahagian peranan dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif ("PCEO")

Pengerusi bertanggungjawab ke atas kepimpinan keseluruhan dan keberkesanan Lembaga Pengarah. Sementara itu, PCEO bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk pengurusan harian Perbadanan.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi, YBhg. Dato' Agil Natt, dan PCEO, Encik Mohd Zamree Mohd Ishak diasingkan untuk memastikan keseimbangan kuasa dan perintah. Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif dijelaskan dalam Piagam Lembaga Pengarah.

2.4 Tempoh Perkhidmatan Pengarah Bebas

Piagam Lembaga Pengarah menyatakan bahawa tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas bagi setiap penggal hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun atau sembilan (9) tahun secara keseluruhan. Lembaga Pengarah boleh, tertakluk kepada penilaian BNRC setiap tahun, mengesyorkan Pengarah Bebas yang telah berkhidmat untuk tempoh sembilan (9) tahun kekal sebagai Pengarah Bebas, bergantung kepada persetujuan pemegang saham, dengan memberikan alasan yang wajar.

Tiada seorang pun Pengarah Bebas pernah berkhidmat untuk tempoh lebih sembilan (9) tahun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

2.5 Mesyuarat Lembaga

Pada tahun 2015, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dua bulan sekali dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu untuk membincangkan isu-isu penting yang memerlukan pertimbangan di antara mesyuarat yang dijadualkan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Penyemak dijadualkan lebih awal, dengan tarikh-tarikh tahun ini diedarkan pada tahun sebelumnya untuk memberikan Pengarah masa yang cukup untuk merancang.

The agenda for Board meetings is drawn up upon consultation between the Chairman, PCEO and Company Secretary at every pre-Board meeting. Notice of meeting will be given to each Board Member preferably seven (7) working days before the date of the meeting.

The Board papers, proposals and reports that are prepared comprise of background, objective, key issues, rationale, impact and other relevant information to enable the Board Members to make informed and effective decisions.

The Board's Terms of Reference states that Board meetings may be held via video conference, internet conference or telephone conference. Decisions of the Board and Board Oversight Committees meetings are made unanimously or by consensus and these decisions and conclusions are recorded in the minutes of the Board. In the case of a tied vote, the Chairman has a second or casting vote. The decisions may also be obtained via circular resolution.

Senior Management is invited to attend and speak at the Board meetings on matters relating to their sphere of responsibility and to advise on relevant agenda items to enable the Board to arrive at an informed decision.

The Board held seven (7) Board meetings during the financial year 2015. Details of Directors' attendance at the Board and the Board Oversight Committees meetings for the financial year ended 31 December 2015 are as follows:

Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan selepas perbincangan di antara Pengerusi, PCEO dan Setiausaha Syarikat di setiap pra-mesyuarat Lembaga Pengarah. Notis mesyuarat akan diberikan kepada setiap ahli Lembaga sebaik-baiknya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat.

Kertas cadangan dan laporan Lembaga Pengarah yang disediakan merangkumi latar belakang, objektif, isu-isu utama, rasional, kesan dan maklumat lain yang berkaitan untuk membolehkan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan yang tepat dan berkesan.

Terma Rujukan Lembaga Pengarah menyatakan bahawa mesyuarat lembaga pengarah boleh diadakan melalui persidangan video, persidangan internet atau persidangan telefon. Keputusan Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga dibuat dengan sebulat suara atau dengan kata sepakat. Keputusan dan kesimpulan ini direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Sekiranya bilangan undi adalah sama, Pengerusi mempunyai undi kedua atau undi pemutus. Keputusan juga boleh diperolehi melalui resolusi pekeliling.

Pihak Pengurusan Kanan dijemput hadir dan bersuara di Mesyuarat Lembaga Pengarah tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka dan memberikan nasihat mengenai perkara berkaitan dalam agenda untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan berdasarkan maklumat lengkap.

Lembaga Pengarah mengadakan (7) mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tahun kewangan 2015. Butir-butir kehadiran Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

| Name of Directors Nama Pengarah | Date of Appointment Tarikh Dilantik | Date of Resignation Tarikh Berhenti | BOARD LEMBAGA (bi-monthly (2 bulan sekali)) | BGAC (bi-monthly) BGAC (2 bulan sekali) | BIC (bi-monthly) BIC (2 bulan sekali) | BRMC (quarterly) BRMC (4 bulan sekali) | BBDC (quarterly) BBDC (4 bulan sekali) | BNRC (quarterly) BNRC (4 bulan sekali) |
|---|--|--|--|--|--|---|---|---|
| | | | Attendance Kehadiran | Attendance Kehadiran | Attendance Kehadiran | Attendance Kehadiran | Attendance Kehadiran | Attendance Kehadiran |
| YBhg. Dato' Agil Natt | 18.06.2013 | | 7/7 (Chairman) (Pengerusi) | - | - | - | - | 4/4 (Chairman) (Pengerusi) |
| YBhg. Datuk David Chua Kok Tee | 15.02.2013 | | 7/7 | - | 7/8 | 4/5 | 4/4 | - |
| YBhg. Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman | 15.01.2014 | | 7/7 | - | - | 5/5 | 4/4 (Chairman) (Pengerusi) | 3/4 |
| Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli | 03.03.2014 | | 7/7 | - | 8/8 | 5/5 (Chairman) (Pengerusi) | 4/4 | - |
| Encik Teoh Kok Lin | 27.06.2014 | | 7/7 | 6/6 | 8/8 (Chairman) (Pengerusi) | 5/5 | - | - |
| Encik Suresh Menon | 17.07.2014 | | 7/7 | 5/6 | 7/8 | 4/5 | - | - |
| Encik Ong Eng Bin ¹ | 14.10.2014 | | 5/7 | 4/6 | - | - | 0/1 | 4/4 |
| Puan Nadzirah Abd. Rashid ² | 22.10.2015 | | 1/1 | 1/1 (Chairman) (Pengerusi) | 1/1 | - | - | 1/1 |
| YBhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad ³ | 03.03.2014 | 01.01.2016 | 6/7 | 6/6 (Ex-Chairman) (Bekas Pengerusi) | - | - | 4/4 | 4/4 |
| YBhg. Datuk Wan Azhar Ahmad ⁴ | 15.07.2000 | 31.05.2015 | 1/1 | - | 2/2 | - | 1/1 | - |
| Number of Meetings held in FY2015 Jumlah Mesyuarat bagi tahun 2015 | | | 7 | 6 | 8 | 5 | 4 | 4 |

Legend:

Board Governance and Audit Committee ("BGAC")
Board Investment Committee ("BIC")
Board Risk Management Committee ("BRMC")
Board Bumiputera Development Committee ("BBDC")
Board Nomination and Remuneration Committee ("BNRC")

Petunjuk:

Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit ("BGAC")
Jawatankuasa Pelaburan ("BIC")
Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("BRMC")
Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera ("BBDC")
Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan ("BNRC")

Notes:

- Appointed as Member of the BBDC w.e.f. 21 October 2015.
Dilantik menganggotai BBDC berkuatkuasa 21 Oktober 2015.
- Appointed as a Director w.e.f. 21 October 2015. She was also appointed as Chairman of the BGAC w.e.f. 1 January 2016 and appointed as a Member of both the BIC and BNRC w.e.f. 21 October 2015.
Dilantik sebagai Pengarah berkuatkuasa 21 Oktober 2015. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi BGAC berkuatkuasa 1 Januari 2016 dan dilantik menganggotai BIC dan BNRC berkuatkuasa 21 Oktober 2015.
- Resigned as a Director w.e.f. 1 January 2016. He also ceased to be the Chairman of the BGAC w.e.f. 1 January 2016 and ceased to be a Member of both the BBDC and BNRC w.e.f. 1 January 2016.
Meletak jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 1 Januari 2016. Beliau juga berhenti sebagai Pengerusi BGAC berkuatkuasa 1 Januari 2016 dan berhenti menganggotai BBDC dan BNRC berkuatkuasa 1 Januari 2016.
- Resigned as a Director w.e.f. 31 March 2015. He also ceased to be a Member of the BIC and BBDC w.e.f. 31 March 2015.
Meletak jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 31 Mac 2015. Beliau juga berhenti menganggotai BIC dan BBDC berkuatkuasa 31 Mac 2015.

2.6 Level of Time Commitment

The Board is satisfied with the level of time commitment contributed by the Directors towards fulfilling their roles and responsibilities as Directors of the Corporation. This is evidenced by the attendance record of the Directors at Board meetings and Board Oversight Committee meetings as set out in the table above.

2.7 Board Appointment Process

All nominees to the Board are first considered by the BNRC, taking into account the mix of skills, competencies, experiences and other qualities required before they are recommended to the Board for approval.

While the Board is responsible for the appointment of new Directors, the BNRC is delegated with the role of screening and conducting an initial selection before making a recommendation to the Board.

2.8 Directors' Retirement and Re-election

Pursuant to the Corporation's Articles of Association, one-third (1/3) of the Directors, or if their number is not three (3) or a multiple of three (3), then the number nearest to one-third (1/3) shall retire from office and be eligible for re-election provided always that all Directors shall retire from office at least once in every three (3) years, and shall be eligible for re-election. Any person appointed by the Board either to fill a casual vacancy or as an addition to the existing Directors, shall hold office until the next Annual General Meeting ("AGM") and shall then be eligible for re-election.

Pursuant to Section 129(2) of the Companies Act, 1965, Directors over seventy (70) years of age shall hold office until the next AGM and shall be eligible for re-appointment.

2.6 Tahap Komitmen Masa

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan tahap komitmen masa yang disumbangkan oleh Pengarah ke arah melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Pengarah Perbadanan. Ini dapat dilihat daripada rekod kehadiran Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di atas.

2.7 Proses Pelantikan Lembaga Pengarah

Semua calon-calon Lembaga Pengarah dipertimbangkan terlebih dahulu oleh BNRC, dengan mengambil kira pelbagai kemahiran, kecekapan, pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan sebelum mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan.

Walaupun Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi pelantikan Pengarah baru, BNRC bertanggungjawab untuk menilai dan menjalankan pemilihan awal sebelum mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah.

2.8 Persaraan Pengarah dan Pemilihan Semula

Selaras dengan Tataurus Perbadanan, satu pertiga (1/3) daripada Pengarah atau, jika bilangannya bukan tiga (3) atau gandaan tiga (3), maka bilangan paling hampir kepada satu pertiga (1/3) hendaklah bersara dan layak untuk pemilihan semula dengan syarat semua Pengarah bersara sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sekali dan layak untuk pemilihan semula. Orang yang dilantik oleh Lembaga Pengarah sama ada untuk mengisi kekosongan biasa atau sebagai tambahan kepada Pengarah sedia ada, hendaklah memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") yang akan datang dan layak untuk pemilihan semula.

Mengikut Seksyen 129(2) Akta Syarikat 1965, Pengarah yang berusia lebih tujuh puluh (70) tahun hendaklah memegang jawatan sehingga AGM yang akan datang tetapi layak untuk dilantik semula.

The BNRC will first assess the Directors who are due for re-election at the AGM and will then submit its recommendation to the Board for deliberation and approval. Upon obtaining the Board's endorsement, the re-election of retiring Directors will be recommended to shareholders for approval at the AGM.

The re-election of Directors ensures that shareholders have a regular opportunity to reassess the composition of the Board.

2.9 Company Secretary

The Company Secretary is responsible for ensuring that the Board procedures are followed and the applicable rules and regulations for the conduct of the affairs of the Board are complied with. The Company Secretary advises the Board on issues relating to corporate governance, compliance with laws, rules, procedures and regulatory requirements. He is also responsible for advising the Directors of their obligations and duties to disclose their interests in securities and disclose any conflict of interest in a transaction involving the Corporation.

The Board has unrestricted access to the advice and services of the Company Secretary who is responsible for providing Directors with the Board papers and related matters. The support and services provided by the Company Secretary is evaluated during the financial year to ensure he is suitably qualified and competent.

2.10 Directors' Remuneration

The Board is mindful that competitive remuneration is important to attract, retain and motivate the Directors with the relevant experience and expertise required for the stewardship of the Corporation. The BNRC may propose from time to time the prevailing Directors' remuneration which commensurate with the Directors' time commitment, expertise, risk and complexity vis a vis vision and mission, and business of the Corporation.

BNRC terlebih dahulu akan menilai Pengarah yang akan dilantik semula pada AGM dan kemudian mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan. Setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, pemilihan semula Pengarah yang bersara akan dicadangkan kepada pemegang saham untuk dipersetujui di AGM.

Pemilihan semula Pengarah memastikan bahawa pemegang saham mempunyai peluang untuk menilai semula komposisi Lembaga Pengarah.

2.9 Setiausaha Syarikat

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan bahawa prosedur Lembaga Pengarah diikuti serta syarat dan peraturan bagi menjalankan urusan Lembaga Pengarah dipatuhi. Setiausaha Syarikat menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu berkaitan tadbir urus korporat, pematuhan undang-undang, peraturan, prosedur dan peraturan kawal selia. Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab menasihati Pengarah tentang kewajipan dan tugas mereka untuk mendedahkan kepentingan mereka dalam sekuriti dan mendedahkan sebarang konflik kepentingan dalam transaksi yang melibatkan Perbadanan.

Lembaga Pengarah mempunyai akses tidak terhad kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk menyediakan Pengarah dengan dokumen Lembaga Pengarah dan perkara yang berkaitan. Sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat dinilai sepanjang tahun kewangan untuk memastikan beliau mempunyai kelayakan yang sesuai dan cekap.

2.10 Imbuhan Pengarah

Lembaga Pengarah sedar bahawa imbuhan yang kompetitif adalah penting untuk menarik, mengekalkan dan mendorong para Pengarah yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan yang diperlukan bagi memimpin Perbadanan. BNRC boleh mencadangkan imbuhan para Pengarah semasa yang selaras dengan komitmen masa Pengarah, kepakaran, risiko dan kerumitan berkaitan visi dan misi, dan perniagaan Perbadanan.

The Directors' remuneration include a fixed monthly Directors' fee and meeting allowance. A meeting allowance is paid for Board member's attendance at Board meetings, Board Oversight Committee meetings, Board members meetings with Regulators, AGMs, Extraordinary General Meetings and other meetings sanctioned by the Board. The existing Directors' remuneration have been approved by shareholders. None of the Directors are involved in deciding his or her own remuneration.

The aggregate remuneration paid to the Directors of the Corporation as disclosed in the Corporation's Financial Statement are as follows:

Imbuan Pengarah termasuk yuran bulanan tetap dan elaun mesyuarat. Elaun mesyuarat dibayar untuk kehadiran ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah, mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, mesyuarat ahli lembaga pengarah dengan Pengawal Selia, AGM, Mesyuarat Agung Luar Biasa dan mesyuarat-mesyuarat lain yang dipersetujui oleh Lembaga. Imbuan Pengarah yang sedia ada telah diluluskan oleh para pemegang saham. Tiada Pengarah yang terlibat dalam menentukan imbuan mereka sendiri.

Jumlah imbuan yang dibayar kepada Pengarah Perbadanan seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan Perbadanan adalah seperti berikut:

| | Salary and Bonus Gaji dan Bonus | Directors' Fees Yuran Pengarah | Meeting Allowance Elaun Mesyuarat | Benefit-in-Kind Manfaat Barangan | Total Jumlah |
|--|------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------|-------------------------------------|-----------------|
| | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Non-Executive Directors: | | | | | |
| YBhg. Dato' Agil Natt | - | 120 | 28 | - | 148 |
| YBhg. Datuk David Chua Kok Tee | - | 36 | 48 | - | 84 |
| YBhg. Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman | - | 36 | 42 | - | 78 |
| Encik Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli | - | 36 | 50 | - | 86 |
| Encik Teoh Kok Lin | - | 36 | 54 | - | 90 |
| Encik Suresh Menon | - | 36 | 48 | - | 84 |
| Encik Ong Eng Bin ¹ | - | 36 | 30 | - | 66 |
| Puan Nadzirah Abd. Rashid ² | - | 7 | 12 | - | 19 |
| YBhg. Datuk Mohd Nasir Ahmad ³ | - | 36 | 46 | - | 82 |
| YBhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad ⁴ | - | 9 | 12 | - | 21 |
| Total | - | 388 | 370 | - | 758 |

Notes:

Nota:

- 1 Appointed as a Member of the BBDC w.e.f. 21 October 2015.
Dilantik menganggotai BBDC berkuatkuasa 21 Oktober 2015.
- 2 Appointed as a Director w.e.f. 21 October 2015. She was subsequently appointed as a Member of the BGAC, BIC and BNRC. She then assumed her position as Chairman of the BGAC w.e.f. 1 January 2016.
Dilantik sebagai Pengarah berkuatkuasa 21 Oktober 2015. Beliau kemudiannya dilantik menganggotai BGAC, BIC dan BNRC. Beliau kemudian memegang jawatan sebagai Pengerusi BGAC berkuatkuasa 1 Januari 2016.
- 3 Cessation of office w.e.f. 1 January 2016 due to resignation. He also ceased to be Chairman of the BGAC and a Member of both the BBDC and BNRC.
Meletak jawatan berkuatkuasa 1 Januari 2016. Beliau juga berhenti sebagai Pengerusi BGAC dan berhenti menganggotai BBDC dan BNRC.
- 4 Cessation of office w.e.f. 31 March 2015. He also ceased to be a Member of both the BIC and BBDC.
Meletak jawatan berkuatkuasa 31 Mac 2015. Beliau juga berhenti menganggotai BIC dan BBDC.

2.11 Supply and Access to Information

The Directors are supplied with and have unrestricted access to information pertaining to the Group's business and affairs to enable them to discharge their duties effectively.

All scheduled meetings are preceded by a formal agenda issued by the Company Secretary in consultation with the Chairman and PCEO. Prior to meetings, appropriate documents which include the agenda and reports relevant to the issues of the meetings are circulated to Board members. All Directors have full and timely access to information with Board papers distributed in advance of meetings. This ensure that Directors have sufficient time to appreciate the issues deliberated at meetings which in turn enhances the decision making process.

All Directors have full access to further information within the Corporation and are entitled to obtain full disclosure of facts from the Management or independent professional advice, or to obtain the advice and services of the Company Secretary at the Company's expense in carrying out their duties.

2.12 Directors' Training

The Directors are encouraged to attend seminars and/or conferences from time to time to keep abreast of developments and to obtain the necessary knowledge to discharge their duties and responsibilities more effectively.

An induction briefing is also organised for newly appointed Directors to enable them to have a full understanding of the nature of business, current issues within the Corporation and corporate strategies as well as the structure and management of the Corporation.

During the financial year, the Directors attended individually or collectively the various programmes and briefings, amongst others, as follows:

2.11 Bekalan dan Akses kepada Maklumat

Pengarah dibekalkan dengan dan mempunyai akses tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan urusan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan.

Semua mesyuarat yang dijadualkan didahului dengan agenda rasmi yang dikeluarkan oleh Setiausaha Syarikat dengan nasihat Pengerusi dan PCEO. Sebelum mesyuarat, dokumen yang mengandungi agenda dan laporan berkaitan isu-isu mesyuarat diedarkan kepada ahli Lembaga Pengarah. Semua Pengarah mempunyai akses sepenuhnya kepada maklumat, dengan dokumen Lembaga Pengarah diedarkan sebelum mesyuarat. Ini memastikan bahawa Pengarah mempunyai masa secukupnya untuk memahami isu-isu yang dibincangkan dalam mesyuarat, yang seterusnya meningkatkan proses membuat keputusan.

Semua Pengarah mempunyai akses sepenuhnya kepada maklumat lanjut dalam Perbadanan dan berhak untuk mendapatkan pendedahan fakta daripada Pihak Pengurusan atau nasihat profesional bebas atau mendapatkan nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat di atas tanggungan Syarikat dalam menjalankan tugas mereka.

2.12 Latihan Pengarah

Pengarah digalakkan menghadiri seminar dan/atau persidangan dari semasa ke semasa untuk mengikuti perkembangan dan memperoleh pengetahuan terkini yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Taklimat induksi juga dianjurkan untuk Pengarah baru bagi membolehkan mereka memahami sepenuhnya ciri-ciri perniagaan, isu-isu semasa dalam Perbadanan dan strategi korporat serta struktur dan pengurusan Perbadanan.

Sepanjang tahun kewangan, Pengarah telah menghadiri, secara individu atau secara kolektif, pelbagai program dan taklimat antara lain, seperti berikut:

- Boardroom Programme
- Advanced Corporate Governance
- IT Risk Management and Governance
- The International Conference on Business Sustainability
- Development of Programme Standards: Banking & Finance
- The World Bank Economic Monitor on "Towards A Middle Class Society"
- Development Finance in the 21st Century
- Anti-Money Laundering & Counter Financing of Terrorism
- Capital Markets Directors Programme
- Emerging Current Regulatory Issues in the Capital Market
- Impact of New Accounting Standards on Banks
- Financial Services in Turbulent Times
- Governance and Risk Management Practices for Financial Markets in the 21st Century (Insurance)
- Shariah Awareness in Banking for Malaysia Staff
- Internal Control and Fraud Awareness Assessment 2015
- Briefing Session on Bank Negara Malaysia Annual Report 2014/Financial Stability and Payment Systems Report 2014 – Commercial Banks
- Chartered Banker Master Class
- Program Ehwal Lembaga Pengarah
- Tadbir Urus Korporat Lanjutan
- Pengurusan Risiko IT dan Tadbir Urus
- Persidangan Antarabangsa mengenai Kelestarian Perniagaan
- Pembangunan Standard Program: Perbankan & Kewangan
- Pemantauan Ekonomi Bank Dunia: "Ke Arah Masyarakat Kelas Pertengahan"
- Pembangunan Kewangan Abad Ke-21
- Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Menangani Pembiayaan Keganasan
- Program Pasaran Modal Pengarah
- Kemunculan Isu Peraturan Semasa dalam Pasaran Modal
- Kesan Standard Perakaunan Baru terhadap Bank
- Perkhidmatan Kewangan Sewaktu Kegawatan
- Amalan Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko untuk Pasaran Kewangan Abad Ke-21 (Insurans)
- Kesedaran Syariah dalam Perbankan untuk Kakitangan Malaysia
- Penilaian Kawalan Dalaman dan Kesedaran Fraud 2015
- Sesi Taklimat mengenai Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014/Kestabilan Kewangan dan Laporan Sistem Pembayaran 2014 - Bank Perdagangan
- Bengkel Standard Chartered

3.0 BOARD OVERSIGHT COMMITTEES

Under the Corporation's Memorandum and Articles of Association and the Board Charter, the Board delegates certain responsibilities to its respective Board Oversight Committees to assist it in carrying out its function of ensuring independent oversight. This allows the Board to spend additional and focused time deliberating on specific and pertinent issues.

The Board Oversight Committees operate principally in a review or advisory capacity, except in cases where powers and authorisation are specifically conferred on a Committee by the Board. The Board currently has five (5) principal Board Committees, each of which is governed by clearly defined Terms of References ("TORs"), which are reviewed from time to time, as the need arises to ensure they remain relevant and up-to-date.

3.0 JAWATANKUASA PENYEMAK LEMBAGA PENGARAH

Di bawah Memorandum dan Tataurus Perbadanan dan Piagam Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah mewakili tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah bagi membantu melaksanakan fungsinya dalam memastikan pemantauan bebas. Ini membolehkan Lembaga Pengarah untuk memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai isu-isu tertentu dan penting.

Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah beroperasi terutamanya dalam kapasiti ulasan atau nasihat, kecuali dalam kes-kes di mana kuasa dan kebenaran diberikan kepada Jawatankuasa oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah pada masa ini mempunyai lima (5) Jawatankuasa Lembaga Pengarah, setiap satu ditadbir oleh Terma Rujukan ("TORs"), yang akan dikaji semula dari semasa ke semasa apabila perlu untuk memastikan ia kekal relevan dan terkini.

The following Board Oversight Committees, each chaired by a Non-Executive Director who is independent of the Management, have been set up with specific delegated authorities to assist the Board in its responsibilities:

- a) Board Governance and Audit Committee;
- b) Board Investment Committee;
- c) Board Risk Management Committee;
- d) Board Bumiputera Development Committee; and
- e) Board Nomination and Remuneration Committee.

The Board receives reports from the Chairman of each Board Oversight Committee during its bi-monthly Board meetings. The salient TORs of the five (5) Board Oversight Committees are as follows:

3.1 Board Governance and Audit Committee (“BGAC”)

The primary function of the BGAC is to assist the Board in its oversight function in establishing cost effective controls, assessing risks and recommending appropriate remedial actions to mitigate those risks, as well as ensuring proper governance of the Corporation. The BGAC also provides the assurance that the Corporation’s financial reporting and disclosures are conducted in a transparent manner and that the audit processes are in line with the recommended best practices and auditing standards, legal and regulatory requirements, as well as corporate governance standards.

Duties and Responsibilities

The BGAC assists the Board in its oversight role with respect to the following:

- i. Ensures that the annual accounts are prepared in a timely and accurate manner. Reviews the financial statements for submission to the Board of Directors and ensures prompt publication;
- ii. Reviews and approves the internal audit annual plan and budget;

Berikut adalah Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, setiap satu dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang tidak terlibat dalam pengurusan, telah ditubuhkan dengan mewakilkan kuasa tertentu untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab:

- a) *Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit;*
- b) *Jawatankuasa Pelaburan;*
- c) *Jawatankuasa Pegurusan Risiko;*
- d) *Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera; dan*
- e) *Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.*

Lembaga Pengarah menerima laporan daripada Pengerusi setiap Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dua bulan sekali. TORs utama lima (5) Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

3.1 Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit (“BGAC”)

Peranan utama Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam fungsi pengawasan untuk mewujudkan kawalan kos yang berkesan, menilai risiko dan mencadangkan tindakan pembetulan yang sesuai untuk mengurangkan risiko serta memastikan tadbir urus yang sesuai untuk Perbadanan. BGAC juga mengesahkan bahawa laporan dan pendedahan kewangan Perbadanan dijalankan secara telus dan proses audit adalah selaras dengan amalan terbaik yang menepati piawaian audit, keperluan undang-undang dan peraturan, serta standard tadbir urus korporat.

Tugas dan Tanggungjawab

BGAC membantu Lembaga Pengarah dalam perkara-perkara berikut :

- i. *Memastikan akaun tahunan disediakan dengan cara dan masa yang tepat. Mengkaji penyata kewangan untuk dikemukakan/dibentangkan kepada ahli Lembaga Pengarah dan memastikan akaun tahunan diterbitkan pada masa yang sepatutnya;*
- ii. *Mengkaji dan meluluskan rancangan tahunan dan bajet audit dalaman;*

- | | |
|---|--|
| <p>iii. Reviews the effectiveness of internal controls, including the scope of the internal audit programme, functions and resources of the internal audit department and that it has the necessary authority to carry out its work and recommend actions to be taken by Management;</p> | <p>iii. <i>Mengkaji semula keberkesanan kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalaman, dan mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan mengesyorkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan;</i></p> |
| <p>iv. Reviews internal audit findings including investigation reports and recommends the action to be taken by Management. Evaluates the adequacy of Management's corrective action taken on audit reports;</p> | <p>iv. <i>Menilai hasil kajian juruaudit dalaman termasuk laporan siasatan dan mengesyorkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan. Menilai kesesuaian tindakan pembetulan pihak Pengurusan berdasarkan laporan juruaudit;</i></p> |
| <p>v. Ensures that proper processes and procedures are in place to comply with all laws, regulations and rules established by all relevant regulatory bodies as well as ensures high corporate governance standards.</p> | <p>v. <i>Memastikan proses dan prosedur yang sewajarnya telah tersedia untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi;</i></p> |
| <p>vi. Evaluates the performance as well as appraises and decides on the remuneration packages of the Chief Internal Auditor and the Internal Auditors;</p> | <p>vi. <i>Menilai prestasi dan menyediakan penilaian serta menentukan pakej imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Dalaman;</i></p> |
| <p>vii. Ensures the internal audit staff are suitably qualified and are provided with the necessary training and continuing professional education for the purpose of enhancing or enriching their audit and relevant technical skills. The BGAC together with the PCEO shall consult the Chief Internal Auditor on training and budget requirements of the internal auditor;</p> | <p>vii. <i>Memastikan kakitangan audit dalaman mempunyai kelayakan yang sesuai dan diberikan latihan dan pendidikan profesional berterusan untuk tujuan meningkatkan atau memperkayakan kemahiran audit dan teknikal yang berkaitan. BGAC dengan PCEO hendaklah berunding dengan Ketua Audit Dalaman mengenai keperluan latihan dan bajet juruaudit dalaman;</i></p> |
| <p>viii. Evaluates and endorses the number of resources required as determined and justified by the Chief Internal Auditor in consultation with the PCEO;</p> | <p>viii. <i>Menilai dan meluluskan jumlah sumber yang diperlukan seperti yang ditentukan dan dibenarkan oleh Ketua Audit Dalaman selepas berunding dengan PCEO;</i></p> |
| <p>ix. Evaluates the quality of external auditors, the scope of their audit plan, their audit reports, the assistance given by the Management and its staff to the auditors and any findings and actions to be taken; and</p> | <p>ix. <i>Menilai kualiti juruaudit luar, skop rancangan audit mereka, laporan audit mereka, bantuan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan kakitangan kepada juruaudit dan sebarang penemuan dan tindakan yang perlu diambil; dan</i></p> |
| <p>x. Selects and recommends External Auditors for appointment by the Board each year.</p> | <p>x. <i>Memilih dan mengesyorkan Juruaudit Luar untuk dilantik oleh Lembaga Pengarah setiap tahun.</i></p> |

3.2 Board Investment Committee ("BIC")

The BIC determines the strategic direction of the Corporation's investments by reviewing the asset allocation and investment portfolio annually as and when required. This is achieved by considering current and future macroeconomic events and the risk-return appetite of the Corporation.

Duties and Responsibilities

The main duties and responsibilities of the BIC are as follows:

- i. To review the performance of the investment portfolio regarding investment diversification and its returns;
- ii. To review limits/targets, tenure and term structure, as well as market concentration limits, guidelines and targets for investment diversification;
- iii. To ensure that regular and adequate reporting and internal control systems are in place in accordance with the stipulated policies, procedures and guidelines; and
- iv. To deliberate on investment recommendations made by Management and to provide views on matters tabled.

3.3 Board Risk Management Committee ("BRMC")

The BRMC assists the Board in providing a focused forum to deliberate and decide on issues pertaining to risk management. The BRMC plays an advisory role in assisting the Board in identifying, assessing, managing and controlling risks in the areas of credit, market, liquidity, operational, legal and other risks within the Corporation, with the objective of ensuring an effective risk management process is in place. The BRMC meets regularly to review and assess the Corporation's existing risk management framework and provides recommendations to the Board so as to ensure that the Corporation adopts a holistic approach in managing risk issues in the Corporation.

3.2 Jawatankuasa Pelaburan ("BIC")

Jawatankuasa Pelaburan menentukan hala tuju strategik pelaburan Perbadanan dengan menyemak semula peruntukan-peruntukan aset dan pelaburan setiap tahun dan apabila perlu. Ini dicapai dengan mengambil kira situasi makroekonomi semasa dan akan datang serta hasrat Perbadanan untuk memperoleh pulangan daripada risiko.

Tugas dan Tanggungjawab

Peranan utama BIC adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji semula portfolio pelaburan mengenai kepelbagaian pelaburan dan pulangan;
- ii. Mengkaji semula had/sasaran, tempoh dan struktur terma serta had tumpuan pasaran, garis panduan dan sasaran untuk kepelbagaian pelaburan;
- iii. Memastikan laporan yang tetap dan mencukupi, dan sistem kawalan dalaman tersedia mengikut dasar yang ditetapkan, prosedur dan garis panduan; dan
- iv. Membincangkan cadangan pelaburan yang dibuat oleh pihak Pengurusan dan memberikan pandangan mengenai perkara-perkara yang dibentangkan.

3.3 Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("BRMC")

Jawatankuasa Pengurusan Risiko membantu Lembaga Pengarah dengan mengadakan forum khusus untuk mempertimbangkan dan memutuskan isu-isu yang berkaitan pengurusan risiko. BRMC memainkan peranan sebagai penasihat dalam membantu Lembaga Pengarah mengenal pasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko berkaitan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan risiko lain untuk memastikan proses pengurusan risiko yang berkesan telah tersedia. Jawatankuasa ini kerap kali bermesyuarat dan sentiasa menyemak serta menilai struktur pengurusan risiko yang sedia ada dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan Perbadanan mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam menangani isu-isu pengurusan risiko.

Duties and Responsibilities

The following are the duties and responsibilities of the BRMC:

- i. To provide direction on the overall risk management and compliance strategies of the Corporation;
- ii. To approve policies and procedures for the effective identification, measurement, monitoring and control of the Corporation's risk and compliance exposures;
- iii. To approve policies and internal control systems regarding Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism (AML / CFT) measures;
- iv. To review the Corporation's adherence to established policies and procedures in relation to risk management, and compliance with applicable laws, regulations and guidelines;
- v. To review and approve authorisation limits in accordance with policies and procedures authorised by the Board;
- vi. To examine any other matters related to risk management and compliance referred to it by the Board;
- vii. To review and approve products or services and ensure compliance with the prevailing guidelines issued by BNM or other relevant regulatory body;
- viii. To review and approve the write-off of guarantees and financing accounts;
- ix. To approve the appointment, dismissal and remuneration as well as the performance appraisal of the Chief Risk Officer, Head of Compliance and their teams respectively; and
- x. To endorse any changes in the number of resources required by RMD and Compliance Unit.

Tugas dan Tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BRMC:

- i. Menyediakan hala tuju bagi strategi pengurusan risiko secara menyeluruh dan strategi pematuhan Perbadanan.
- ii. Meluluskan dasar dan prosedur untuk pengenalanpastian yang berkesan, mengukur, memantau dan mengawal pendedahan risiko dan pematuhan Perbadanan.
- iii. Meluluskan dasar dan sistem kawalan dalaman berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Menangani Pembiayaan Keganasan (AML / CFT).
- iv. Mengkaji semula pematuhan Perbadanan kepada dasar-dasar dan prosedur berhubung dengan pengurusan risiko, dan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan garis panduan.
- v. Menyemak dan meluluskan had kuasa mengikut dasar dan prosedur yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah.
- vi. Meneliti lain-lain perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan pematuhan yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah.
- vii. Menilai semula dan meluluskan produk atau perkhidmatan dan memastikan pematuhan kepada garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh BNM atau badan kawal selia lain yang berkaitan.
- viii. Mengkaji dan meluluskan hapus kira jaminan dan akaun pembiayaan.
- ix. Meluluskan pelantikan, pemecatan dan imbuhan serta penilaian prestasi Ketua Pegawai Risiko, Ketua Pematuhan dan pasukan mereka.
- x. Menyokong mana-mana perubahan dalam jumlah sumber yang diperlukan oleh RMD dan Unit Pematuhan.

3.4 Board Bumiputera Development Committee (“BBDC”)

The BBDC provides strategic guidance and direction with regard to the overall development of Bumiputera SMEs under the Corporation’s various programmes. The BBDC drives the Bumiputera agenda and reports to the Board for consideration of proposals and recommendations which are earlier presented at the BBDC. It also ensures activities relating to Bumiputera business development are planned and monitored closely.

Duties and Responsibilities

The primary responsibilities of the BBDC are as follows:

- i. To ensure Bumiputera SMEs are provided with necessary access to financing at a reasonable cost;
- ii. To ensure that the special fund(s) are well-managed and channelled to eligible Bumiputera SMEs;
- iii. To ensure that appropriate policies and procedures are established for the management and operation of special fund(s);
- iv. To review and recommend to the Board or the appropriate authorities the policies and procedures with regard to the development of Bumiputera SMEs;
- v. To oversee programmes for the development of Bumiputera SMEs; and
- vi. To deliberate and make recommendations on any matters related to Bumiputera development which is referred to or raised at the BBDC.

3.4 Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera (“BBDC”)

Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera menyediakan panduan strategik dan hala tuju keseluruhan pembangunan usahawan industri kecil dan sederhana Bumiputera melalui pelbagai program yang disediakan oleh Perbadanan. BBDC mengesyorkan agenda Bumiputera dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan. BBDC juga memastikan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan perniagaan Bumiputera dirancang dan dipantau dengan rapi.

Tugas dan Tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab BBDC:

- i. Memastikan usahawan Bumiputera diberikan akses pembiayaan yang sewajarnya dengan kos yang berpatutan;
- ii. Memastikan dana-dana khas yang diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera diuruskan dan disalurkan kepada mereka yang layak;
- iii. Memastikan polisi dan prosedur diwujudkan untuk mengurus dan mengendalikan dana-dana khas;
- iv. Menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa yang berkenaan mengenai polisi dan prosedur berkaitan dengan pembangunan usahawan PKS Bumiputera;
- v. Mengawal selia program untuk pembangunan PKS Bumiputera; dan
- vi. Membincang dan mengesyorkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembangunan usahawan Bumiputera yang dirujuk kepada BBDC.

3.5 Board Nomination and Remuneration Committee (“BNRC”)

The BNRC comprises exclusively of Independent Non-Executive Directors and its primary function is to assist the Board on the appointment and remuneration of Directors and the PCEO; to assess the effectiveness of individual Directors, the Board and Board Oversight Committees; as well as to assess the performance of the PCEO and Senior Management Officers.

The BNRC also assists the Board in the Corporation’s key policies, strategies and practices on human resources, Management’s succession plans, the performance and reward system, business conduct and ethical behaviour of the employees.

The BNRC is also responsible to look into the Board’s succession planning, composition and gender diversity matters.

Duties and Responsibilities

- i. The BNRC is empowered by the Board to review, decide and/or approve the following matters:
 - a) Minimum requirements, required mix of skills, experience, qualification and other core competencies, terms and conditions of the employment contracts for the Senior Management Officers;
 - b) Appointment, termination and renewal of the contract of employment and the performance evaluation of Senior Management Officers;
 - c) Succession planning for Senior Management Officers;
 - d) Implementation and review of the Directors Training Programme in order for the Directors to keep abreast of the latest developments in the industry; and
 - e) Engagement of consultants/advisors to provide professional service and information in furtherance of BNRC duties at the Corporation’s expense, to ensure that BNRC Members are able to make informed decisions and recommendations to the Board.

3.5 Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan (“BNRC”)

BNRC terdiri secara daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan fungsi utama BNRC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pelantikan dan imbuhan ahli Lembaga Pengarah dan PCEO, serta menilai keberkesanan setiap ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan menilai prestasi PCEO dan pihak Pengurusan Kanan Perbadanan.

BNRC juga membantu Lembaga Pengarah dalam menetapkan polisi-polisi utama, strategi dan amalan berkaitan sumber manusia, rancangan penggantian kakitangan Pengurusan, sistem prestasi dan imbuhan, tatalaku perniagaan dan etika kakitangan Perbadanan.

BNRC juga bertanggungjawab untuk meneliti rancangan penggantian, komposisi dan kepelbagaian jantina dalam Lembaga Pengarah.

Tugas dan Tanggungjawab

- i. *BNRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menilai, membuat keputusan dan/atau meluluskan perkara-perkara berikut:*
 - a) *Keperluan minimum, pelbagai kemahiran, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kepakaran teras, terma dan syarat kontrak pekerjaan untuk kakitangan Pengurusan Kanan;*
 - b) *Pelantikan, penamatan perkhidmatan dan pembaharuan kontrak pekerjaan dan penilaian prestasi kakitangan Pengurusan Kanan;*
 - c) *Rancangan penggantian untuk kakitangan Pengurusan Kanan;*
 - d) *Pelaksanaan dan penilaian Program Latihan Pengarah bagi membolehkan Pengarah mengikuti perkembangan terkini dalam industri; dan*
 - e) *Melantik perunding/penasihat untuk memberikan khidmat profesional dan maklumat berkaitan tugas BNRC yang ditanggung oleh Perbadanan bagi memastikan Ahli-Ahli BNRC berupaya membuat keputusan dan cadangan yang tepat kepada Lembaga Pengarah.*

ii. The BNRC is responsible for reviewing/assessing and recommending the following matters to the Board:

- a) Overall composition of the Board, in terms of the appropriate size, skills and the balance between PCEO, Non-Executive Directors and Independent Directors;
- b) Minimum requirements for the Board, the required mix of skills, experience, qualifications and other core competencies required of a Director;
- c) Minimum requirements for the PCEO, the required mix of skills, experience, qualifications and other core competencies required of a PCEO;
- d) Nominees for Directorship, Board Oversight Committees Membership, PCEO and the Company Secretary (where applicable the assessments for reappointment);
- e) Framework of remuneration for Directors and the PCEO for the Board's approval whereby the framework will cover all aspects of remuneration including Director's fees, salaries, allowances, bonuses and benefits-in-kind;
- f) Mechanism for formal assessment on the effectiveness of the Board as a whole and the contribution of each Director to the effectiveness of the Board, the contribution of the Board Oversight Committees and the performance of the PCEO whereby the annual assessment will be conducted based on objective performance criteria which is approved by the Board;
- g) Removal of a Director or the PCEO from the Board or Management, if the Director or PCEO is ineffective, errant and negligent in discharging his/her responsibilities; and
- h) The Corporation's key human resource policies, strategies, performance and reward system to foster ethical employee business conduct and behaviour, employee commitment to the operations of the Corporation and a high degree of employee satisfaction.

ii. *BNRC bertanggungjawab untuk mengkaji semula/menilai dan mengesyorkan perkara-perkara berikut kepada Lembaga Pengarah:*

- a) *Komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pelbagai kemahiran dan keseimbangan antara PCEO, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas;*
- b) *Keperluan minima Lembaga Pengarah, pelbagai kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kepakaran lain yang perlu dimiliki Pengarah;*
- c) *Keperluan minimum PCEO yang terdiri daripada pelbagai kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kepakaran lain yang perlu dimiliki PCEO;*
- d) *Calon-calon jawatan Pengarah, keanggotaan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, PCEO dan Setiausaha Syarikat (di mana perlu untuk penilaian bagi pelantikan semula);*
- e) *Garis panduan imbuhan untuk Pengarah dan PCEO adalah untuk kelulusan Lembaga Pengarah di mana garis panduan ini meliputi aspek yuran Pengarah, gaji, elaun, bonus dan lain-lain imbuhan;*
- f) *Mekanisme untuk penilaian formal berkenaan kecekapan keseluruhan Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah dalam mewujudkan Lembaga Pengarah yang efektif, sumbangan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan prestasi PCEO di mana penilaian tahunan dijalankan berdasarkan kriteria prestasi yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah;*
- g) *Pemecatan Pengarah atau PCEO daripada Lembaga Pengarah atau pihak Pengurusan sekiranya Pengarah atau PCEO tersebut tidak efektif, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tugas; dan*
- h) *Polisi-polisi, strategi, prestasi dan sistem imbuhan Perbadanan yang berkaitan dengan sumber manusia untuk menggalakkan tatalaku warga kerja yang beretika ketika menjalankan perniagaan, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kakitangan yang tinggi.*

4.0 MANAGEMENT COMMITTEES

The Board may delegate any of their powers to committees, consisting of such member of members of their body as they think fit. The Board delegates to the PCEO the responsibility for the day-to-day management of the Corporation. The PCEO and his Management team are responsible for ensuring that high quality information provided to the Board on the Corporation's financial and strategic performance.

At Management level, there were a total of fifteen (15) Management Committees in the year under review. The main role of the Management Committees is to be the primary source of direction and decision making for the operating departments of the Corporation. Additionally, the Management Committees build the framework which all departments work in to ensure proper management of issues faced by the Corporation and that all appropriate decisions are made to mitigate them. The Committees are as listed below:

1. Management Committee;
2. Business Development Committee;
3. Administrative and Operational Committee;
4. Management Loan Committee;
5. Management Claims Committee;
6. Information Technology Committee;
7. Information Technology Steering Committee;
8. Operational Risk Management Committee;
9. Audit Compliance Committee;
10. Credit Risk Management Committee;
11. Credit Investment Risk Committee;
12. Special Assets Management Committee;
13. Asset Liability Management Committee;
14. Business Continuity Plan Committee; and
15. Panel Solicitor Committee.

4.0 JAWATANKUASA PENGURUSAN

Lembaga Pengarah boleh mewakilkan kuasa kepada jawatankuasa yang terdiri daripada anggota jawatankuasa sebagaimana difikirkan perlu. Lembaga Pengarah menyerahkan tanggungjawab pengurusan harian Perbadanan kepada PCEO. PCEO dan pihak Pengurusan beliau bertanggungjawab untuk memastikan maklumat berkualiti tinggi diberikan kepada Lembaga Pengarah mengenai prestasi kewangan dan strategik Perbadanan.

Di peringkat pengurusan Perbadanan, terdapat lima belas (15) Jawatankuasa Pengurusan pada tahun 2015. Peranan utama jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan adalah sebagai sumber utama hala tuju dan pembuat keputusan bagi operasi jabatan-jabatan dalam Perbadanan. Mereka merangka garis panduan bagi semua jabatan bagi memastikan pengurusan isu yang dihadapi oleh Perbadanan ditangani sebaiknya dan semua keputusan yang dibuat hendaklah mampu mengurangkan kesan daripada isu yang timbul. Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan adalah seperti yang tersenarai di bawah:-

1. Jawatankuasa Pengurusan;
2. Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan;
3. Jawatankuasa Pentadbiran dan Operasi;
4. Jawatankuasa Pengurusan Pinjaman;
5. Jawatankuasa Pengurusan Tuntutan;
6. Jawatankuasa Teknologi Maklumat;
7. Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat;
8. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi;
9. Jawatankuasa Pematuhan Audit;
10. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit;
11. Jawatankuasa Risiko Pelaburan Kredit;
12. Jawatankuasa Pengurusan Aset Khas;
13. Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti;
14. Jawatankuasa Perancangan Kesyinambungan Perniagaan; dan
15. Jawatankuasa Panel Peguam.

5.0 SHAREHOLDERS COMMUNICATION AND INVESTORS RELATIONS

The Board and Management team recognise the importance of maintaining transparency, consistency and accountability to shareholders and adhering to the corporate governance framework in order to ensure continued success of the Corporation. In this regard, the Corporation is committed to ensure timely dissemination of key information to shareholders.

The AGM is the principal forum for dialogue with all shareholders. Shareholders are notified of the meeting and provided with a copy of the Corporation's Annual Report before the meeting. The Notice of AGM will be circulated at least twenty-one (21) days before the date of the meeting to enable shareholders sufficient time to peruse the Annual Report and papers supporting the resolutions proposed.

At each AGM, the Board takes pleasure in presenting the progress and performance of the Corporation's business. The Board values dialogue with shareholders and appreciates the keen interest of shareholders in the Corporation's performance. Shareholders are encouraged to participate in the Question and Answer ("Q&A") session on the proposed resolutions or the Corporation's operations in general. The Board of Directors as well as the External Auditors of the Corporation are also present to respond to shareholders' inquiries raised during the meeting.

The publication of the Annual Report and the Corporation's website www.cgc.com.my represent the other channels of communication made available to shareholders to ensure they have convenient and easy access to vital information on the Corporation's financial performance and major initiatives for the year.

5.0 KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN HUBUNGAN PELABUR

Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan menyedari kepentingan untuk mengekalkan ketelusan, ketekalan dan kebertanggungjawapan kepada pemegang saham dan mematuhi garis panduan tadbir urus korporat bagi memastikan kejayaan Perbadanan yang berterusan. Dalam hal ini, Perbadanan komited untuk memastikan sebaran maklumat penting yang tepat pada masanya kepada pemegang saham.

AGM adalah forum utama untuk berdialog dengan semua pemegang saham. Para pemegang saham dimaklumkan tentang mesyuarat dan diberikan satu salinan Laporan Tahunan Perbadanan sebelum mesyuarat. Notis AGM akan diedarkan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh mesyuarat bagi memberikan pemegang saham masa yang secukupnya untuk meneliti Laporan Tahunan dan dokumen yang menyokong resolusi yang dicadangkan.

Pada setiap AGM, Lembaga Pengarah akan membentangkan kemajuan dan prestasi perniagaan Perbadanan. Lembaga Pengarah menghargai sesi dialog dengan pemegang saham dan minat pemegang saham terhadap prestasi Perbadanan. Para pemegang saham digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mengenai cadangan resolusi atau operasi am Perbadanan. Lembaga Pengarah serta Juruaudit Luar Perbadanan juga turut hadir untuk menjawab soalan yang diutarakan oleh pemegang saham semasa mesyuarat.

Penerbitan Laporan Tahunan dan laman web Perbadanan www.cgc.com.my merupakan saluran komunikasi lain yang disediakan untuk para pemegang saham bagi memastikan mereka mempunyai akses yang mudah kepada maklumat penting, prestasi kewangan dan inisiatif utama Perbadanan sepanjang tahun.

6.0 BOARD'S RESPONSIBILITY IN RELATION TO INTERNAL AUDIT

The internal audit function is an important aspect of corporate governance which enables the effective operations of the Corporation. The Board has established an internal audit function within the Corporation which is led by the Chief Internal Auditor who reports directly to the BGAC. Through an internal audit, the Corporation may obtain reasonable assurance that the internal controls of its operations are operating effectively as planned. Therefore, the Board via the BGAC is committed to conduct regular and constant review of the Corporations' audit system in an effort to ensure the efficiencies and effectiveness of its operations. Through the BGAC, the Board is tasked with providing constructive feedback to ensure the adequacy and effectiveness of the internal control system, compliance with established policies and procedures, as well as the transparency of the decision-making process, all of which have important bearing on the Corporation's business performance and integrity.

7.0 INTERNAL AUDIT

The internal audit is a function undertaken by the Corporation to provide an independent and objective assurance that effective risk and control elements of the overall corporate governance framework are in place. The task of conducting this function lies with the Internal Audit Department, who conducts reviews on the operations of the various departments in order to test the adequacy and effectiveness of the Corporation's internal control systems and the quality of operating performance, as compared with the established standards and information system. This enables the Audit Department to decide whether these areas are functioning as intended and from the analysis to provide their recommendations accordingly.

6.0 TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH BERKAITAN AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman adalah aspek utama dalam tadbir urus korporat yang membolehkan Perbadanan beroperasi dengan efektif. Lembaga Pengarah telah mewujudkan fungsi audit dalaman di Perbadanan yang diketuai oleh seorang Ketua Juruaudit Dalaman yang akan membuat laporan terus ke BGAC. Melalui proses ini, Perbadanan boleh mendapatkan jaminan bahawa operasinya berjalan sebagaimana yang dirancang. Lembaga Pengarah melalui BGAC komited untuk menjalankan kajian semula sistem audit Perbadanan dalam usaha untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan operasinya. Melalui BGAC, Lembaga Pengarah ditugaskan untuk memberikan maklum balas yang membina bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang memuaskan, pematuhan kepada polisi dan prosedur yang telah tersedia serta telus dalam proses membuat keputusan, di mana semuanya penting terhadap prestasi perniagaan dan integriti Perbadanan.

7.0 AUDIT DALAMAN

Audit dalaman adalah fungsi yang dilaksanakan oleh Perbadanan untuk menyediakan jaminan yang objektif dan bebas bahawa elemen risiko dan kawalan yang berkesan dalam keseluruhan rangka kerja tadbir urus korporat, telah tersedia. Tugas melaksanakan fungsi terletak pada Jabatan Audit Dalaman yang menyemak operasi pelbagai jabatan untuk menilai kecukupan dan kerbekesan sistem kawalan dalaman, kualiti prestasi operasi berbanding standard sedia ada dan sistem maklumat. Ini membolehkan Jabatan Audit untuk menentukan sama ada bahagian-bahagian ini berfungsi sebagaimana sepatutnya dan daripada analisis untuk memberikan cadangan yang sesuai.

STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

ENTERPRISE RISK MANAGEMENT

Amidst today's challenging business conditions, corporations are exposed to numerous uncertainties as business opportunities and risks are constantly changing. A proactive Enterprise Risk Management (ERM) Framework is important to create and protect stakeholders' value with full integration of risk management in the organisation's governance structure as well as the decision making process.

In line with the statement above, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (hereinafter referred to as the "Corporation") has adopted an ERM Framework to govern its business and operations. This enables the Corporation to carry out organised and practical management of the various risks faced on an ongoing basis which includes credit risk, market risk, operational risk, strategic risk and reputational risk.

The ERM Framework outlines the risk management governance and structure, processes, accountabilities, as well as responsibilities throughout the Corporation.

It also provides the Board and Management with a tool to anticipate and manage both existing and potential risks, taking into consideration changes in the Corporation's internal and external operating environment. ERM in the Corporation enables Management to effectively deal with uncertainties and the associated risks and opportunities, enhancing the capacity to build or enhance value for stakeholders.

The following objectives are the guiding principles relating to ERM implementation throughout the Corporation:

- a) To ensure that all risks faced are identified, monitored, and adequately managed.

PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN

Dalam situasi perniagaan kini yang semakin mencabar, syarikat lebih banyak terdedah kepada ketidakpastian peluang perniagaan serta risiko yang sentiasa berubah. Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang proaktif adalah amat penting dalam mewujudkan dan melindungi kepentingan pemegang berkepentingan melalui integrasi pengurusan risiko di dalam struktur tadbir urus organisasi dan juga dalam membuat keputusan.

Selaras dengan kenyataan di atas, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), (juga dirujuk sebagai "CGC") telah menerima-pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan sebagai garis panduan perniagaan dan juga operasi. Ini membantu CGC dalam memastikan pengurusan yang lebih teratur dan praktikal bagi menghadapi pelbagai risiko secara berterusan yang merangkumi risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi, risiko strategik dan risiko reputasi.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan menggariskan tadbir urus pengurusan risiko dan struktur, proses, akauntabiliti dan tanggungjawabnya di seluruh CGC.

la juga membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan sebagai aplikasi untuk menjangka dan menangani risiko yang sedia ada dan juga risiko yang bakal dihadapi dengan mengambil kira perubahan di dalam persekitaran operasi dalaman dan luaran CGC. Pengurusan Risiko Perusahaan di dalam CGC juga membantu untuk menangani ketidaktentuan dan risiko yang mungkin timbul secara lebih efektif selain dapat meningkatkan keupayaan untuk membina serta menjaga nilai kepentingan pemegang berkepentingan.

Objektif berikut adalah prinsip panduan dalam pelaksanaan Pengurusan Risiko Perusahaan oleh CGC:

- a) *Untuk memastikan semua risiko yang dihadapi dapat dikenalpasti, dipantau dan diuruskan dengan secukupnya.*

- b) To provide the Board and Management with an enterprise-wide view of the Corporation's risks with their likelihood and impact, enabling the Corporation to take strategic actions to mitigate potential losses.
- c) To provide the Board and Management with an enterprise-wide view of inter-relationships between risks, controls and the manner in which reducing one risk exposure may increase or impact another.
- d) To provide for a means of prioritising the myriad of risk management and control initiatives.
- e) To ensure that risk management is embedded and consistently practiced at all levels within the Corporation with the aim of facilitating a reasonably accurate perception of acceptable risks.


- b) Membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dengan memberikan pandangan keseluruhan risiko beserta kesan daripada risiko di dalam CGC, dan keperluan tindakan strategik bagi mengurangkan potensi kerugian.
- c) Membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan untuk melihat secara menyeluruh hubungan kait di antara risiko, kawalan dan cara bagaimana pengurangan pendedahan terhadap risiko dapat meningkatkan dan memberikan kesan terhadap yang lain.
- d) Menyediakan satu kaedah pengutamaan dalam kepelbagaian pengurusan risiko dan inisiatif kawalan.
- e) Memastikan pengurusan risiko diterapkan dan diamalkan secara konsisten di semua peringkat di dalam CGC untuk penerimaan persepsi risiko yang tepat.

ERM GOVERNANCE STRUCTURE

The ERM governance structure provides clear accountabilities and responsibilities in managing risk within the Corporation. This ensures that the ERM activities remain appropriate and prudent, and that significant risks are managed and monitored continuously. The Corporation's ERM governance structure is set out in the diagram below:

STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN

Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko Perusahaan membantu menyatakan peranan dan tanggungjawab yang jelas dalam pengurusan risiko di dalam CGC. Ini memastikan bahawa aktiviti pengurusan risiko yang sesuai dan cekap, serta risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan. Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko Perusahaan adalah seperti rajah di bawah:



a) Board of Directors (Board)

The Board has the ultimate responsibility for ERM matters. Through its oversight role, the Board is responsible for ensuring that all risks within the Corporation are managed, and at the same time, optimise shareholder and stakeholder value. The Board's key risk responsibilities include approving the Corporation's ERM Framework related policies; ensuring that Management takes the necessary steps to identify, measure, monitor and control the risks; and being the final point of escalation for key risk management issues.

The Board has also established the Board Risk Management Committee (BRMC) to support its oversight functions.

b) Board Risk Management Committee (BRMC)

The BRMC is a committee comprising Non-Executive Directors responsible for oversight of the Corporation's risk exposure. The BRMC supports the Board in identifying, assessing, managing and controlling the risks in areas such as credit, market, liquidity, operational, legal, and other risks to ensure that the risk management process is in place and functioning.

c) Management Level Committees

Management Level Committees comprise senior management responsible for supporting the BRMC in the implementation of an effective ERM framework and ensuring ERM is embedded in the Corporation. Three (3) management committees have been established for this purpose, namely:

- i. **Credit Risk Management Committee (CRMC)** - oversees credit risk and market risk related matters.
- ii. **Operational Risk Management Committee (ORMC)** - oversees operational risk, compliance risk and strategic risk related matters.
- iii. **Asset Liability Management Committee (ALCO)** - evaluates, monitors and approves practices relating to risk due to imbalances in the capital structure and liquidity risk related matters.

a) Lembaga Pengarah

Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Pengurusan Risiko Perusahaan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa semua risiko di dalam CGC dapat diuruskan serta meningkatkan nilai kepentingan pemegang saham dan pemegang berkepentingan secara optimum. Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah termasuk meluluskan dasar-dasar berkaitan dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan di dalam CGC; memastikan bahawa pihak Pengurusan mengambil langkah yang perlu untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko; serta memainkan peranan utama dalam pengurusan isu-isu risiko yang penting.

Lembaga Pengarah juga telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko untuk menyokong fungsi pengawasannya.

b) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko

Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt dan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak mengambil bahagian dalam pengagihan bubur lambuk.

SPONSORSHIP OF UTUSAN MALAYSIA NEWSPAPER IN CONJUNCTION WITH HARI RAYA AIDILFITRI
PENAJAAN SURAT KHABAR UTUSAN MALAYSIA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI



CGC's President/Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (right) distributing free copies of Utusan Malaysia newspaper to motorists at Jalan Duta Toll Plaza, Kuala Lumpur in conjunction with Hari Raya Aidilfitri.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kanan) menyampaikan naskah percuma surat khabar Utusan Malaysia kepada pengguna-pengguna jalan raya di Jalan Plaza Tol Duta, Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

In conjunction with the Hari Raya Aidilfitri celebration, CGC distributed 10,000 copies of *Utusan Malaysia* newspapers to motorists with a special message "Selamat Hari Raya Aidilfitri, ikhlas daripada CGC" printed on the front page.

This CSR activity was carried out in collaboration with *Utusan Melayu*.

Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri, CGC telah mengedarkan 10,000 naskah surat khabar Utusan Malaysia kepada pengguna-pengguna jalan raya dengan mesej khas "Selamat Hari Raya Aidilfitri, ikhlas daripada CGC" dicetak di muka depan.

Aktiviti CSR ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Utusan Melayu.

CONTRIBUTION TO RANAU DISTRICT NATURAL DISASTER RELIEF FUND

SUMBANGAN KEPADA TABUNG BANTUAN BENCANA ALAM DAERAH RANAU



CGC's President/Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (2nd from left) presenting the mock-cheque to the Chairman of Tabung Bencana Ranau, YB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun (2nd from right) to signify CGC's contribution to assist the community in Ranau who were affected by earthquake.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (2 dari kiri) menyampaikan cek replika kepada Pengerusi Tabung Bencana Alam Ranau, YB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun (2 dari kanan) sebagai tanda sumbangan CGC untuk membantu masyarakat di Ranau yang terjejas akibat gempa bumi.

CGC contributed RM100,000 in support of the Ranau District Natural Disaster Committee's fund raising initiative.

The fund is to help ease the financial burden of the Ranau community affected by the earthquake which struck the region in June 2015.

CGC telah menyumbangkan sebanyak RM100,000 bagi menyokong inisiatif kutipan dana oleh Jawatankuasa Bencana Alam Daerah Ranau.

Dana ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan masyarakat Ranau yang terjejas akibat gempa bumi yang telah melanda wilayah itu pada Jun 2015.

CONTRIBUTION TO THE NATIONAL CANCER SOCIETY OF MALAYSIA (NCSM) IN SUPPORT OF THE 'RELAY FOR LIFE' EVENT

SUMBANGAN KEPADA PERSATUAN KANSER KEBANGSAAN MALAYSIA (NCSM) BAGI MENYOKONG ACARA 'RELAY FOR LIFE'

Through a collaboration with the National Cancer Society of Malaysia (NCSM), CGC participated as one of the sponsors for the "Relay for Life KL 2015" event with a contribution of RM10,000.00.

Melalui kerjasama dengan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), CGC telah mengambil bahagian sebagai salah satu penaja acara "Relay for Life KL 2015" tersebut dengan memberikan sumbangan sebanyak RM10,000.00.

CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak accompanied by his wife, Pn. Nik Rosemiza Nik Mohd, CGC's Senior Vice President, Corporate Services Datin Komathi Lalitha Veeriah and the staff from CGC joined the other participants in the 'survivor lap' to demonstrate their support for the cancer survivors.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak diiringi isterinya, Pn. Nik Rosemiza Nik Mohd, Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat CGC, Datin Komathi Lalitha Veeriah dan kakitangan CGC menyertai peserta lain membuat satu pusingan 'survivor lap' untuk menunjukkan sokongan kepada pesakit kanser.



CONTRIBUTION TO BENGKEL SERI SARAWAK IN CONJUNCTION WITH MALAYSIA DAY SUMBANGAN KEPADA BENGKEL SERI SARAWAK SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA

In conjunction with the Malaysia Day celebration, CGC contributed RM12,000 in support of the less fortunate members of Bengkel Seri Sarawak who were physically challenged.

Sempena sambutan Hari Malaysia, CGC telah menyumbangkan sebanyak RM12,000 dalam membantu ahli-ahli Bengkel Seri Sarawak yang kurang upaya.



CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (left) presenting the mock-cheque to the Chairman of Bengkel Seri Sarawak, Joseph Heng Kheng Choong.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri) menyampaikan cek replika kepada Pengerusi Bengkel Seri Sarawak, Joseph Heng Kheng Choong.

CONTRIBUTION TO YAYASAN KEBAJIKAN SURIA ORPHANAGE IN TUARAN, SABAH IN CONJUNCTION WITH MALAYSIA DAY SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM YAYASAN KEBAJIKAN SURIA DI TUARAN, SABAH SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA

A CSR programme was organised at Yayasan Kebajikan Suria (YKS), Tuaran, Sabah in conjunction with the Malaysia Day celebrations. The Corporation contributed RM12,000 in support of YKS and their daily activities.

Satu program CSR telah diadakan di Yayasan Kebajikan Suria (YKS), Tuaran, Sabah sempena sambutan Hari Malaysia. CGC telah menghulurkan sumbangan berjumlah RM12,000 untuk membantu YKS dan aktiviti harian mereka.

CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (3rd from right) presenting the mock-cheque to the Headmaster of Sekolah Agama Yayasan Kebajikan Suria, Tuan Haji Awang Rapolah to signify CGC's contribution to the orphanage.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (3 dari kanan) menyampaikan replika cek kepada Guru Besar Sekolah Agama Yayasan Kebajikan Suria, Tuan Haji Awang Rapolah sebagai tanda sumbangan CGC kepada rumah anak yatim.



BLOOD DONATION DRIVE
KEMPEN DERMA DARAH

In collaboration with the National Blood Centre, CGC organised a Blood Donation Drive at its Headquarters on the 26th of October 2015. The drive received a favourable response as a total of 54 CGC staff came forward to donate blood.

Dengan kerjasama Pusat Darah Negara, CGC telah menganjurkan Kempen Derma Darah di Ibu Pejabatnya pada 26 Oktober 2015. Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penglibatan 54 kakitangan CGC tampil untuk menderma darah.



CGC's staff participating in the Blood Donation Drive campaign which was held as part of the Corporation's annual CSR Programme.

Kakitangan CGC mengambil bahagian dalam kempen Derma Darah yang diadakan sebagai sebahagian daripada Program CSR tahunan CGC.

CSR PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH DEEPAVALI CELEBRATION
PROGRAM CSR SEMPENA SAMBUTAN DEEPAVALI



The CSR programme that was organised in conjunction with Deepavali celebrations, saw the participation of 35 children from 'Pertubuhan Rumah Perlindungan Wanita & Kanak-Kanak', Seremban.

CGC contributed RM10,000 to help ease the shelter home's financial constraints and to support their programmes and activities.

Program yang dianjurkan sempena sambutan Deepavali menyaksikan penyertaan 35 kanak-kanak dari Pertubuhan Rumah Perlindungan Wanita & Kanak-Kanak, Seremban.

CGC telah menyumbangkan sebanyak RM10,000 untuk membantu dalam meringankan beban kewangan rumah perlindungan dan menyokong program-program dan aktiviti-aktiviti pertubuhan tersebut.

BACK-TO-SCHOOL PROGRAMME WITH THE CHILDREN OF THE ORANG ASLI COMMUNITY

PROGRAM KEMBALI-KE-SEKOLAH BERSAMA KANAK-KANAK ORANG ASLI



A Back-to-School CSR Programme was organised with the Orang Asli community in Hulu Tamu, Batang Kali, Selangor on the 21st of December 2015.

About 130 school-going children from the Orang Asli Settlement at Hulu Tamu received contribution of school essentials from CGC worth RM20,000.

CGC's Staff and Senior Management with the children of the Orang Asli community at CGC's 'Back-to-School' Programme in Kampung Hulu Tamu in Batang Kali. The programme was part of CGC's Corporate Social Responsibility (CSR) initiative to assist Orang Asli families with school-going children with 'back-to-school' supplies.

Kakitangan dan Pengurusan Kanan CGC bersama kanak-kanak Orang Asli di Program 'Kembali-ke-Sekolah' CGC di Kampung Hulu Tamu, Batang Kali. Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) CGC untuk membantu keluarga Orang Asli yang mempunyai anak-anak bersekolah dengan kelengkapan persekolahan.

Program CSR Kembali-ke-Sekolah telah dianjurkan bersama masyarakat Orang Asli di Hulu Tamu, Batang Kali, Selangor, pada 21 Disember 2015.

Kira-kira 130 kanak-kanak sekolah dari Penempatan Orang Asli di Hulu Tamu menerima barangan keperluan sekolah daripada CGC bernilai RM20,000.

CSR PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH CHINESE NEW YEAR CELEBRATION

PROGRAM CSR SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

CGC's President/Chief Executive Officer, En Mohd. Zamree Mohd Ishak (2nd from left) handing over a cheque worth RM10,000 to Ho You Meng, Advisor of Anning Home.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd. Zamree Mohd Ishak (2 dari kiri) menyerahkan cek bernilai RM10,000 kepada Ho You Meng, Penasihat Rumah Anning.



The Corporation organised a charity programme in conjunction with the Chinese New Year celebration with the less fortunate children and the old folks at Anning Charity Home in Ipoh, Perak.

A contribution worth RM15,000 was presented by CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak to the Advisor of the Old Folks' Home, Ho You Meng in support of the home's daily operations and necessities. The children, old folks and the workers of the home were also presented with pocket money and basic daily necessities.


CGC telah menganjurkan program amal sempena sambutan Tahun Baru Cina bersama kanak-kanak kurang bernasib baik dan warga emas di Rumah Kebajikan Anning di Ipoh, Perak.

Sumbangan bernilai RM15,000 telah disampaikan oleh Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak kepada Penasihat Rumah Orang Tua, Encik Ho You Meng bagi menyokong operasi dan keperluan harian rumah tersebut. Kanak-kanak, warga emas dan kakitangan juga telah menerima duit raya dan keperluan harian.



OPERATIONAL OVERVIEW

TINJAUAN OPERASI



150

Guarantees / Financing Schemes
Skim Jaminan / Pembiayaan

152

Operational Review
Tinjauan Operasi

154

Operational Highlights
Sorotan Operasi

156

Human Capital Development
Pembangunan Modal Insan

161

Calendar Of Events
Kalendar Peristiwa

168

CGC In The News
CGC Dalam Liputan Akhbar

GUARANTEES / FINANCING SCHEMES

SKIM JAMINAN / PEMBIAYAAN

In 2015, the Corporation managed a total of 22 guarantees / financing schemes, seven (7) of which fall under the Main Schemes category, eight (8) under the Government-Backed Schemes category, four (4) under Financing Schemes, Portfolio Guarantee Scheme, SmallBiz Express Scheme and Wholesale Guarantee Scheme.

The Corporation's Guarantees / Financing schemes are as listed below:

MAIN SCHEMES

1. Credit Enhancer Scheme (ENHANCER)
2. Credit Enhancer-i Scheme (ENHANCER-i)
3. Enhancer Excel Scheme (ENHANCER EXCEL)
4. Enhancer Bumi (ENHANCER BUMI)
5. Enhancer Bumi-i (ENHANCER BUMI-i)
6. Enhancer Express Scheme (ENHANCER EXPRESS)
7. Top-up Programme (TOP-UP)

GOVERNMENT-BACKED SCHEMES

1. Flexi Guarantee Scheme (FGS)
2. Franchise Financing Scheme (FFS)
3. Green Technology Financing Scheme (GTFS)
4. Green Technology Financing Scheme-i (GTFS-i)
5. Intellectual Property Financing Scheme (IPFS)
6. Intellectual Property Financing Scheme-i (IPFS-i)
7. Special Relief Facility Scheme (SRF)
8. Special Relief Facility Scheme-i (SRF-i)

FINANCING SCHEMES

1. Bumiputera Entrepreneur Project Fund (TPUB-i)
2. BizMula-i
3. BizWanita-i
4. Special Assistance Scheme-i (SAS-i)

PORTFOLIO GUARANTEE SCHEME

SMALLBIZ EXPRESS SCHEME (SBE)

WHOLESALE GUARANTEE SCHEME

Pada tahun 2015, CGC telah menguruskan sejumlah 22 skim jaminan / pembiayaan, tujuh (7) daripadanya termasuk dalam kategori Skim Utama, lapan (8) dibawah kategori Skim Sokongan Kerajaan, empat (4) dibawah Skim Pembiayaan, Skim Jaminan Portfolio, Skim Perniagaan Kecil Ekspres dan Skim Jaminan Borong.

Skim Jaminan / Pembiayaan CGC dinyatakan seperti dibawah:

SKIM UTAMA

1. Skim Kredit Enhancer (ENHANCER)
2. Skim Kredit Enhancer-i (ENHANCER-i)
3. Skim Enhancer Excel (ENHANCER EXCEL)
4. Skim Enhancer Bumi (ENHANCER BUMI)
5. Skim Enhancer Bumi-i (ENHANCER BUMI-i)
6. Skim Enhancer Ekspres (ENHANCER EXPRESS)
7. Program Top-up (TOP-UP)

SKIM SOKONGAN KERAJAAN

1. Skim Jaminan Anjal (FGS)
2. Skim Pembiayaan Francais (FFS)
3. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)
4. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau-i (GTFS-i)
5. Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS)
6. Skim Pembiayaan Harta Intelek-i (IPFS-i)
7. Skim Kemudahan Khas (SRF)
8. Skim Kemudahan Khas-i (SRF-i)

SKIM PEMBIAYAAN

1. Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i)
2. BizMula-i
3. BizWanita-i
4. Skim Bantuan Khas-i (SAS-i)

SKIM JAMINAN PORTFOLIO

SKIM PERNIAGAAN KECIL EKSPRES (SBE)

SKIM JAMINAN BORONG

| SCHEMES SKIM | 2013 | | 2014 | | 2015 | |
|---|--|--|--|--|--|--|
| | No. of Accounts <i>Bilangan Pinjaman</i> | Value/Nilai (RM Million/ <i>Juta</i>) | No. of Accounts <i>Bilangan Pinjaman</i> | Value/Nilai (RM Million/ <i>Juta</i>) | No. of Accounts <i>Bilangan Pinjaman</i> | Value/Nilai (RM Million/ <i>Juta</i>) |
| MAIN SCHEMES <i>SKIM UTAMA</i> | 1,378 | 405.8 | 1,187 | 315.5 | 982 | 255.7 |
| ENHANCER | 786 | 222.9 | 599 | 155.2 | 436 | 123.1 |
| ENHANCER-i | 39 | 10.3 | 114 | 44.9 | 113 | 55.2 |
| SBE | 51 | 1.0 | 57 | 5.0 | 86 | - |
| DAGS | 277 | 94.5 | 224 | 69.6 | 62 | 17.1 |
| Others Lain-lain * | 225 | 77.1 | 193 | 40.8 | 285 | 60.3 |
| GOVERNMENT-BACKED SCHEMES <i>SKIM SOKONGAN KERAJAAN</i> | 49 | 474.4 | 240 | 604.2 | 1,318 | 740.7 |
| FGS | 6 | 3.1 | 167 | 65.8 | 323 | 141.4 |
| FFS | 8 | 10.4 | 13 | 21.9 | 4 | 4.2 |
| GTFS | 19 | 242.9 | 20 | 190.9 | 31 | 162.7 |
| GTFS-i | 16 | 218.0 | 30 | 285.2 | 24 | 287.0 |
| IPFS | - | - | 1 | 10.0 | - | - |
| IPFS-i | - | - | 9 | 30.4 | 3 | 6.5 |
| SRF | - | - | - | - | 933 | 138.9 |
| FINANCING SCHEMES <i>SKIM PEMBIAYAAN</i> | 262 | 165.6 | 427 | 180.5 | 853 | 229.2 |
| TPUB-i | 161 | 123.8 | 190 | 160.3 | 190 | 172.4 |
| Direct Lending Pembiayaan Terus | 101 | 41.8 | - | - | - | - |
| BizMula-i | - | - | 237 | 20.2 | 587 | 46.8 |
| BizWanita-i | - | - | - | - | 76 | 10.0 |
| PORTFOLIO GUARANTEE # <i>JAMINAN PORTFOLIO</i> | 679 | 500.0 | 2,689 | 1,575.0 | 2,997 | 1,680.0 |
| WHOLESALE GUARANTEE # <i>JAMINAN BORONG</i> | - | - | 2,296 | 500.0 | 2,075 | 450.0 |
| TOTAL/Jumlah | 2,368 | 1,545.8 | 6,839 | 3,175.2 | 8,225 | 3,355.6 |

Notes | Nota :

* Others: Enhancer Excel, Enhancer Express, Enhancer Bumi, Enhancer Bumi-i & Top-up Scheme
Lain-lain: Enhancer Excel, Enhancer Express, Enhancer Bumi, Enhancer Bumi-& Program Top-Up

Based on portfolio size
Berdasarkan saiz portfolio

OPERATIONAL REVIEW

TINJAUAN OPERASI

DIRECTION OF LENDING BY SECTORS

The Corporation broadly categorises its portfolio into three (3) main sectors, namely general business, manufacturing and agriculture. The number and value of guarantees / financing under these sectors are as follows:

| SECTOR SEKTOR | No. of Accounts Bilangan Pinjaman | Value Nilai (RM Million/Juta) |
|---|--------------------------------------|------------------------------------|
| General Business / <i>Perniagaan Am</i> | 7,080 | 2,910.9 |
| Manufacturing / <i>Pembuatan</i> | 983 | 473.4 |
| Agriculture / <i>Pertanian</i> | 162 | 46.0 |

ARAH PINJAMAN MENGIKUT SEKTOR

Portfolio CGC terbahagi kepada tiga (3) kategori, iaitu Perniagaan Am, Pembuatan dan Pertanian. Bilangan dan nilai jaminan / pembiayaan dibawah sektor yang dinyatakan adalah seperti berikut:

DISTRIBUTION BY STATE

The top three (3) states according to number of accounts and value of guarantees / financing are as stated below:

| STATE NEGERI | No. of Accounts Bilangan Pinjaman | Value Nilai (RM Million/Juta) |
|---|--------------------------------------|------------------------------------|
| Selangor | 1,687 | 828.1 |
| Federal Territory of / <i>Wilayah Persekutuan</i> Kuala Lumpur | 1,147 | 814.6 |
| Johor | 939 | 374.7 |

TABURAN PINJAMAN MENGIKUT NEGERI

Tiga (3) negeri penyumbang utama berdasarkan bilangan dan nilai jaminan / pembiayaan adalah seperti tertera dibawah:

RANGE OF GUARANTEES / FINANCING SIZE

The range of guarantees / financing size and value approved under all schemes are as shown below:

JAMINAN / PEMBIAYAAN MENGIKUT SAIZ

Saiz dan nilai jaminan / pembiayaan untuk semua skim dinyatakan seperti berikut:

| LOAN RANGE SAIZ PINJAMAN | Overall Schemes Skim Keseluruhan | |
|--|--------------------------------------|----------------------------------|
| | No. of Accounts Bilangan Pinjaman | Value/Nilai (RM Million/Juta) |
| RM100,000 & below / <i>ke bawah</i> | 2,196 | 143.0 |
| RM100,001 – RM500,000 | 4,767 | 1,382.1 |
| RM500,001 – RM1,000,000 | 759 | 611.9 |
| RM1,000,001 – RM2,000,000 | 352 | 542.5 |
| RM2,000,001 & above / <i>ke atas</i> | 151 | 750.8 |

BREAKDOWN OF GUARANTEES / FINANCING COMPOSITION BY GROUP

The number of accounts and value of guarantees / financing are as illustrated below:

PECAHAN KOMPOSISI JAMINAN / PEMBIAYAAN MENGIKUT KUMPULAN

Bilangan dan nilai jaminan / pembiayaan adalah seperti berikut:

| GROUP KUMPULAN | No. of Accounts Bilangan Pinjaman | Value/Nilai (RM Million/Juta) |
|---------------------------|--------------------------------------|----------------------------------|
| Bumiputera | 2,284 | 936.3 |
| Chinese | 5,430 | 2,273.1 |
| Indian | 365 | 165.9 |
| Others / <i>Lain-lain</i> | 146 | 55.0 |


OPERATIONAL HIGHLIGHTS

SOROTAN OPERASI


CUMULATIVE NUMBER AND VALUE OF GUARANTEES / FINANCING UNDER ALL SCHEMES

BILANGAN DAN NILAI JAMINAN / PEMBIAYAAN TERKUMPUL DI BAWAH SEMUA SKIM

**NUMBER
BILANGAN**




**VALUE (RM Billion)
NILAI (RM Billion)**




GUARANTEES / FINANCING (BY NUMBER AND VALUE) UNDER ALL SCHEMES

BILANGAN JAMINAN / PEMBIAYAAN (MENGIKUT BILANGAN DAN NILAI) DI BAWAH SEMUA SKIM

**NUMBER
BILANGAN**





**VALUE (RM Billion)
NILAI (RM Billion)**



**RANGE OF GUARANTEES / FINANCING SIZE
(ALL SCHEMES)**

*TABURAN SAIZ JAMINAN / PEMBIAYAAN
(SEMUA SKIM)*



- ◆ RM100,000 & Below/ke bawah
- ◆ RM100,001 – RM500,000
- ◆ RM500,001 – RM1,000,000
- ◆ RM1,000,001 – RM2,000,000
- ◆ RM2,000,000 & Above/ke atas



BREAKDOWN OF GUARANTEES / FINANCING COMPOSITION BY GROUP (ALL SCHEMES)

*PECAHAN KOMPOSISI JAMINAN / PEMBIAYAAN
MENGIKUT KUMPULAN
(SEMUA SKIM)*

- ◆ Bumiputera
- ◆ Chinese/Cina
- ◆ Indian/India
- ◆ Others/Lain



HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

INVESTING IN TALENT OF TODAY FOR THE FUTURE MELABUR DALAM BAKAT HARI INI UNTUK MASA HADAPAN

Human Capital is one of the Corporation's most valuable assets and our people continue to play a vital role in inculcating a high and engaged performance culture across the organisation.

Modal Insan merupakan aset berharga bagi Perbadanan dan memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan budaya prestasi tinggi di seluruh organisasi

TALENT MANAGEMENT

As at December 2015, the Corporation had a total employee count of 539 employees, the majority (80%) of whom comprised non-management level employees (Senior Executives and below). The gender representation as at end December was as follows: 38% male and 62% female.

As at 2015, approximately 52.7% of the Corporation's workforce comprised employees with an average age of between 23 to 35 years. More than half of our employees (approximately 56.2%) have stayed on with the Corporation for five (5) years and above. This is a positive reflection of the Corporation's ability to fulfil the expectations of its employees as far as job satisfaction and long-term career development are concerned.

In terms of manpower strength, the Corporation managed to maintain an average of 93.7% of its total headcount against the planned headcount on monthly basis throughout 2015. Furthermore, our manpower strength was seen trending upwards from January to December 2015, attributable mainly to the intensive recruitment efforts we undertook.

In strengthening our brand as an Employer of Choice, we participated in several nationwide career fairs including the 2015 JobStreet Career Fair, 2015 Graduan Career Fair and 2015 Mega Career Fair. We received more than 3,000 resumes in total from these activities. These platforms reflect our continuous effort to create awareness and a strong brand presence for the Corporation as well

PENGURUSAN BAKAT

Pada Disember 2015, jumlah kakitangan CGC adalah seramai 539, majoriti terdiri daripada peringkat bukan pengurusan (Eksekutif Kanan ke bawah) pada 80%; dengan perwakilan jantina seperti berikut: 38% lelaki dan 62% wanita.

52.7% daripada kekuatan tenaga kerja CGC diwakili oleh tenaga kerja dengan purata usia 23 hingga 35 tahun. Lebih separuh daripada kakitangan, kira-kira 56.2% telah berkhidmat dengan CGC selama lima (5) tahun ke atas. Ini adalah satu gambaran positif bahawa CGC dapat memenuhi jangkaan kakitangan dari segi kepuasan kerjaya dan pembangunan kerjaya jangka panjang.

Dari segi kekuatan tenaga kerja, CGC telah berjaya mengekalkan purata 93.7% daripada jumlah kakitangan terhadap jumlah kakitangan yang dirancang pada setiap bulan sepanjang tahun 2015. Di samping itu, kekuatan tenaga kerja telah menunjukkan peningkatan dari Januari hingga Disember 2015, terutamanya kerana usaha pengambilan yang intensif.

Dalam mengukuhkan jenamanya sebagai Majikan Pilihan, CGC telah mengambil bahagian dalam pameran kerjaya di seluruh negara; termasuk Pameran Kerjaya Jobstreet 2015, Pameran Kerjaya Graduan 2015 dan Pameran Kerjaya Mega 2015 dan telah menerima lebih daripada 3,000 resume. Ini merupakan usaha yang berterusan dalam mewujudkan kesedaran dan kehadiran jenama yang kukuh bagi CGC sementara berinteraksi



as enable us to network with various organisations including other financial institutions, training providers, business operators and job seekers themselves.

In the last quarter of 2015, for the first time, the Human Capital Department participated in the Malaysia HR Awards organised by the Malaysian Institute of Human Resource Management (MIHRM) where CGC won a Silver Award under the Employer of Choice Award category. This success reflects the good progress made by the Human Capital Department in its role as a Business Enabler and is propelling the Corporation closer towards its aspiration of becoming an Employer of Choice by 2018.

We have taken measures to prepare a pool of skilled and qualified employees to fill up vacant key positions within the organisation. A Succession Planning Framework was developed as part of the Human Capital Department's initiative in ensuring the readiness of the leadership pipeline.

TOTAL REWARDS BENEFITS

Arising from the salary and benefits review exercise which the Corporation had embarked on part of its talent retention efforts in the last quarter of year 2014, the Corporation had insured its medical benefits with a reputable insurance company starting middle of June 2015. The medical benefits coverage was increased significantly to cater for the rising medical cost for all levels as well as in providing better medical cover for CGC's employees and their families. Apart from this, several other benefits were also reviewed and enhanced as well as policies were emplaced as a continuous effort shown by the Corporation to ensure that the compensation and benefits package offered to the employees remain fair, equitable and competitive and are aligned to the market.

dengan pelbagai organisasi termasuk institusi kewangan yang lain, penyedia latihan, pengusaha perniagaan dan pencari kerja.

Pada suku terakhir tahun 2015, buat pertama kalinya, Jabatan Modal Insan telah mengambil bahagian dalam Anugerah HR Malaysia yang dianjurkan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia (MIHRM) dan telah memenangi Anugerah Perak di bawah kategori anugerah Majikan Pilihan. Kejayaan ini menandakan kemajuan dalam usaha Jabatan Modal Insan sebagai Pendorong Perniagaan dan mencapai aspirasi CGC untuk menjadi Majikan Pilihan pada tahun 2018.

CGC terus meningkatkan tahap kesediaan pekerja mahir dan berkelayakan dalam organisasi bagi mengisi jawatan penting yang kosong. Bagi merealisasikan hasrat ini, Rangka Kerja Perancangan Penggantian telah dibangunkan dan dibentangkan kepada pihak Pengurusan pada bulan Januari 2015. Sebagai fasa pengenalan, Rangka Kerja Perancangan Penggantian telah meneliti jawatan utama dalam Pengurusan dan 15 pelapis telah dikenal pasti.

FAEDAH GANJARAN SEPENUHNYA

Hasil daripada pelaksanaan kajian gaji dan faedah yang dilaksanakan oleh CGC sebagai sebahagian daripada usaha mengekalkan bakat pada suku terakhir tahun 2014, CGC telah menginsuranskan faedah perubatan dengan sebuah syarikat insurans terkemuka bermula pertengahan Jun 2015. Pelindungan faedah perubatan telah meningkat dengan ketara untuk menampung kos perubatan yang semakin meningkat bagi semua peringkat, dan pentadbiran faedah-faedah tersebut diwakilkan kepada sumber luar supaya CGC dapat memberikan perkhidmatan tambah nilai kepada kakitangannya. Selain itu, beberapa faedah lain juga telah dikaji semula dan dipertingkatkan dan dasar telah ditetapkan sebagai usaha berterusan oleh CGC untuk memastikan bahawa pakej pampasan dan faedah yang ditawarkan kepada kakitangan kekal adil, saksama dan kompetitif dan sejajar dengan pasaran .

The Corporation has always emphasised a performance-based culture among its employees and those deserving employees will be rewarded accordingly via annual salary increments, performance-based bonuses, yearly promotion/upgrading exercises as well as relevant awards programmes initiated by the Corporation.

We continue to improve our operational efficiency to enhance speed, accuracy and consistency of our processes in meeting the desired business results. Several manual processes had been automated in the Employee Self-Service (ESS) portal such as the online EA Form and E-Pay Slip.

LEARNING & DEVELOPMENT

In order to stay competitive in these challenging times, CGC continues to improve and support the development of a competent, well rewarded and highly engaged workforce through our innovative and flexible approaches to learning. The year 2015 was a pivotal year as we continued to develop our partnerships with other learning providers and financial institutions to broaden the skills and competencies of our employees, as well as help them update their skills and knowledge in the face of rising challenges.

Eighty three competency-based in-house training programmes were designed and executed while 86 external training programmes registered good employee participation. A total of 537 employees successfully attended these programmes, averaging approximately 99.6% of the total employee outreach in 2015. The provision of high-quality education as well as training and development measures are key to rewarding our employees and loyal customers for better outcomes, greater productivity and stronger economic growth. The goals that we have set, the changes that we have implemented, and the system that we have supported have led to improved learning and development outcomes in bridging the organisational competency gap.

CGC's collaboration with the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) has not only opened doors to benefit CGC's internal workforce, but also society as a whole. CGC today ranks among the 80 Top Authorised Training Employers (ATE) in Malaysia that provides blended learning opportunities i.e. studying while working, for young graduates in

CGC sentiasa mengutamakan budaya berasaskan pencapaian di kalangan kakitangannya dan mereka yang layak akan diberikan ganjaran sewajarnya melalui kenaikan gaji tahunan, bonus berasaskan prestasi, kenaikan pangkat setiap tahun/meningkatkan latihan serta program ganjaran berkaitan yang dilaksanakan oleh CGC.

Kami terus memperbaiki kecekapan operasi kami untuk meningkatkan kecekapan, ketepatan dan ketekalan proses kami dalam memperoleh hasil perniagaan yang dikehendaki. Beberapa proses manual telah ditukar kepada sistem automatik dalam portal Khidmat Layan Diri Kakitangan (ESS) seperti Borang EA dalam talian dan Slip e-Gaji.

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

CGC terus memperbaiki dan menyokong untuk membina tenaga kerja yang cekap, maju dan terlibat melalui pendekatan inovatif dan fleksibel kami kepada pembelajaran untuk kekal kompetitif dalam masa yang mencabar ini. 2015 merupakan tahun yang penting dimana kami terus membangunkan lagi perkongsian kami dengan institusi pengajian dan institusi yang lain untuk memperluaskan kemahiran dan kecekapan serta membantu kakitangan untuk mengekalkan kemahiran dan pengetahuan yang terkini untuk menghadapi cabaran yang semakin meningkat.

Lapan puluh tiga program Latihan Dalaman berasaskan kecekapan telah direka dan dilaksanakan, dan 86 Program Latihan Luar telah disertai, di mana 537 kakitangan telah berjaya menghadiri program-program ini, dengan purata 99.6% daripada jumlah jangkauan kakitangan pada tahun 2015. Selain daripada penyediaan pendidikan yang berkualiti tinggi, latihan dan pembangunan adalah penting untuk memberikan ganjaran kepada kakitangan dan pelanggan setia kami untuk pencapaian yang lebih baik, produktiviti yang lebih tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Matlamat yang telah ditetapkan, perubahan yang telah dilaksanakan dan sistem yang disokong kami telah membawa kepada hasil pembelajaran dan pembangunan yang lebih baik dalam merapatkan jurang kecekapan organisasi.

Kerjasama CGC dengan Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) telah membuka peluang bukan sahaja untuk memberi manfaat kepada tenaga kerja CGC tetapi juga masyarakat secara keseluruhan. CGC adalah antara 80 majikan yang di beri



particular in pursuit of the globally renowned Certified Accounting Qualification or ACA. The Corporation is currently sponsoring two (2) graduates, and will continue to expand the pool as part of our corporate social responsibility efforts to nurture skilled employees and advance our nation.

We also recognise the importance of ensuring employees acquire specialisation or extended learning to help them gain insights and to keep them abreast of the latest developments. To stay competitive in an ever-changing professional landscape, CGC has embarked on a series of Professional Development Programmes for our people. Apart from increasing the competency and effectiveness of our employees, these programmes also boost staff morale by positioning staff to advance in their careers.

We continue to partner with the Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) for our flagship Certification Programme, 'Advanced Credit Enhancer' (ACE). To date, 63% of CGC's branches and 92.5% of the Credit Department's employees respectively have successfully graduated from the programme.

As an active member of the Association of Development Financial Institutions Malaysia (ADFIM), CGC will continue to support and work hand-in-hand with ADFIM constructively.

As an organisation, CGC has made an intentional choice to deepen growth in learning and development as well as to broaden opportunities to passionately pursue excellence and build expertise in the respective fields.

kebenaran untuk menyediakan latihan di Malaysia yang menyediakan peluang pembelajaran yang disesuaikan iaitu belajar sambil bekerja untuk graduan muda khususnya untuk memperoleh Kelayakan Akauntan Bertauliah yang terkenal, ACA. CGC kini menaja dua (2) graduan, dan akan terus menambah bilangan tajaan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat dan sumbangan CGC dalam membantu membentuk negara Malaysia yang mahir dan maju.

CGC juga mengakui kepentingan untuk memperoleh pengkhususan atau lanjutan pembelajaran dalam mendapatkan pendedahan dan mengikuti dengan perkembangan semasa. Oleh itu, untuk kekal berdaya saing dalam landskap profesional yang sentiasa berubah, CGC melaksanakan Program Pembangunan Profesional. Selain meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kakitangan, program-program ini juga menaikkan semangat kakitangan dengan meletakkan kakitangan untuk maju dalam kerjaya mereka.

CGC terus bekerjasama dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) untuk Program Sijil 'Advanced Credit Enhancer' (ACE). Setakat ini, 63% daripada cawangan CGC dan 92.5% kakitangan Jabatan Kredit telah lulus di dalam program ini.

Sebagai ahli aktif Persatuan Institusi-Institusi Pembangunan Kewangan Malaysia (ADFIM), CGC akan terus menyokong dan bekerjasama dengan ADFIM.

Sebagai sebuah organisasi, CGC telah memilih untuk meningkatkan pertumbuhan dalam pembelajaran dan pembangunan serta memperluaskan peluang untuk mengejar kecemerlangan dan membina kepakaran dalam bidang masing-masing.



EMPLOYEE ENGAGEMENT

An Engagement Survey was conducted in 2015 to measure the key drivers of engagement within CGC and assess the employee engagement level. About 91.4% of the employees responded to the survey and the findings show that 72.5% of CGC employees were engaged. We will continue to identify areas for improvement to increase the level of engagement among our employees.

To foster a harmonious and conducive working environment and to show our appreciation to our employees, for the first time ever, all employees of the Corporation, including those in Sabah and Sarawak, were invited to attend the Annual Staff Dinner which was held in the last quarter of 2015. In conjunction with this memorable event, two (2) ceremonies took place i.e. the Appreciation Service Award ceremony (which was held to recognise 16 employees for their good conduct, service and loyalty to the Corporation) as well as the Branch Sales Challenge Award ceremony (that served to reward employees for their achievement and efforts in sales, recovery and profitability).

PENGLIBATAN KAKITANGAN

Satu Kaji Selidik Penglibatan telah dilaksanakan pada tahun 2015 untuk mengukur pemacu utama penglibatan dalam CGC dan menilai tahap penglibatan kakitangan. Kira-kira 91.4% daripada kakitangan menyertai kaji selidik dan penemuan mencadangkan 72.5% daripada kakitangan CGC komited sepenuhnya. CGC akan terus mengenal pasti penambahbaikan untuk meningkatkan tahap penglibatan di kalangan kakitangan di mana satu siri inisiatif sedang dijalankan mulai tahun 2016.

Dalam usaha untuk menggalakkan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif dan untuk menunjukkan penghargaan kepada kakitangan, buat pertama kalinya, semua kakitangan CGC termasuk di Sabah dan Sarawak telah dijemput untuk menghadiri Majlis Makan Malam Kakitangan Tahunan yang diadakan pada suku akhir tahun 2015. Sehubungan dengan peristiwa ini, dua (2) upacara juga telah berlangsung iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan untuk memberi penghargaan kepada enam belas (16) kakitangan untuk kelakuan baik, perkhidmatan dan kesetiaan mereka kepada CGC, dan Anugerah Cabaran Jualan Cawangan untuk memberikan penghargaan kepada pekerja atas pencapaian dan usaha mereka dalam jualan, pemulihan dan keuntungan.

CORPORATE EVENTS

ACARA KORPORAT

PORTFOLIO GUARANTEE (PG) AGREEMENT WITH AMBANK BERHAD *PERJANJIAN JAMINAN PORTFOLIO (PG) DENGAN AMBANK BERHAD*

CGC and AmBank signed a Portfolio Guarantee (PG) agreement to further enhance Small and Medium Enterprises (SMEs) financing in Malaysia.

Through this partnership, both CGC and AmBank have committed to extend RM300 million of financing to five (5) main sectors namely Wholesale and Retail Trade, Manufacturing, Education, Health Care, Construction and Resources.

CGC dan AmBank telah menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio (PG) untuk meningkatkan lagi pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Melalui kerjasama ini, CGC dan AmBank komited untuk memperluaskan kemudahan pembiayaan berjumlah RM300 juta kepada lima (5) sektor utama iaitu Perdagangan Borong dan Runcit, Pembuatan, Pendidikan, Penajaan Kesihatan, Pembinaan dan Sumber.



CGC's President/Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (far left) exchanging a document with Ms. Pushpa Rajadurai (far right), Managing Director, Wholesale Banking of AmBank Group while being witnessed by Chairman of AmBank Group, Tan Sri Azman Hashim (2nd from right) and CGC's Chairman, Dato' Agil Natt (2nd from left).

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri) bertukar dokumen dengan Cik Pushpa Rajadurai (kanan), Pengarah Urusan, Perbankan Borong Liputan Kumpulan AmBank sambil disaksikan oleh Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim (kedua dari kanan) dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kedua dari kiri).

20TH TOP SME SUPPORTER AWARDS ANUGERAH PENDOKONG UTAMA PKS KE-20



CGC's Chairman, Dato' Agil Natt (far right) and CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (far left) with the Top SME Supporter Awards 2014 recipients. From left, Maybank Islamic Deputy Chief Executive Officer, Nor Shahrizan Sulaiman, OCBC Al-Amin Bank Berhad Managing Director / Chief Executive Officer, Tuan Syed Abdull Aziz Syed Kechik, Maybank Group President / Chief Executive Officer, Datuk Abdul Farid Alias and Standard Chartered Saadiq Berhad Senior Manager of Islamic Banking, Mohd Suhaimi Abd Hamid.

Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kanan) dan Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri) bersama penerima Anugerah Pendokong Utama PKS 2014. Dari kiri, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Nor Shahrizan Sulaiman, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin Bank Berhad, Tuan Syed Abdull Aziz Syed Kechik, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias, dan Pengurus Kanan Perbankan Islam Standard Chartered Saadiq Berhad Mohd Suhaimi Abd Hamid.

The Top SME Supporter Awards is an annual award ceremony to honour financial institutions for their significant contribution towards SME financing in 2015.

The awards ceremony which was held in conjunction with CGC's 42nd Annual General Meeting, recognised banks in four (4) different categories namely the Top SME Supporter (overall category), Top SME Supporter for Islamic Banks, Top Bumiputera SME Supporter and the Best Financial Partner.

The winners of the Top SME Supporter Awards were Maybank, Maybank Islamic, OCBC Al-Amin Bank Berhad and Standard Chartered Saadiq Berhad. Maybank won the Best Financial Partner, whilst Maybank Islamic emerged as the Top SME Supporter for Islamic Banks and the Top Bumiputera SME Supporter.

Anugerah Pendokong Utama PKS merupakan majlis anugerah tahunan untuk memberi pengiktirafan kepada institusi kewangan di atas sumbangan mereka ke arah pembiayaan PKS pada tahun 2015.

Majlis anugerah yang diadakan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan CGC ke-42 memberi pengiktirafan kepada bank dalam empat (4) kategori iaitu Pendokong Utama PKS (kategori keseluruhan), Pendokong Utama PKS untuk Bank-Bank Islam, Pendokong Utama PKS Bumiputera dan Rakan Kewangan Terbaik.

Pemenang Anugerah Pendokong Utama PKS adalah Maybank, Maybank Islamic, OCBC Al-Amin Bank Berhad dan Standard Chartered Saadiq Berhad. Maybank memenangi Rakan Kewangan Terbaik, manakala Maybank Islamic memenangi Pendokong Utama PKS di bawah kategori Bank-Bank Islam dan Pendokong Utama PKS Bumiputera.

SIGNING OF MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) BETWEEN CGC AND BANCO CENTRAL DE TIMOR-LESTE
MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA CGC DAN BANCO CENTRAL DE TIMOR-LESTE



Governor of Banco Central de Timor-Leste, His Excellency Abraao de Vasconcelos (left) exchanging the MoU document with CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (right), witnessed by Datuk Muhammad Bin Ibrahim (then Deputy Governor and currently Governor of Bank Negara Malaysia) (second from left) and CGC's Chairman Dato' Agil Natt (second from right).

Gabenor Banco Central de Timor-Leste, TYT Abraao de Vasconcelos (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kanan), disaksikan oleh Datuk Muhammad Bin Ibrahim (mantan Timbalan Gabenor dan kini Gabenor Bank Negara Malaysia) (kedua dari kiri) dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kedua dari kanan).

The Memorandum of Understanding (MoU) signed between CGC and Banco Central de Timor-Leste (BCTL) is to collaborate on the development of credit guarantee schemes for Small and Medium Enterprises (SMEs) in Timor-Leste.

With the signing of this MoU, CGC shall offer assistance to BCTL to develop and design credit guarantee schemes, procedures and other operational matters. CGC will also assist with the setting up of a credit guarantee institution or unit to manage the guarantee scheme for BCTL.

Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara CGC dan Banco Central de Timor-Leste (BCTL) adalah untuk bekerjasama dalam pembangunan skim jaminan kredit untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Timor-Leste.

Dengan termeterainya MoU ini, CGC akan menawarkan bantuan kepada BCTL untuk membangunkan dan mereka bentuk skim jaminan kredit, prosedur dan perkara operasi yang lain. CGC juga akan membantu menubuhkan sebuah institusi atau unit jaminan kredit untuk menguruskan skim jaminan untuk BCTL.

LAUNCH OF MANDARIN AND TAMIL WEBSITES
PELANCARAN LAMAN WEB BAHASA MANDARIN DAN TAMIL



Deputy Minister of Finance, YB Datuk Chua Tee Yong browsing through the CGC Mandarin website during his visit to CGC's Client Service Centre. Looking on is CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak.

Timbalan Menteri Kewangan, YB Datuk Chua Tee Yong melayari laman sesawang Mandarin CGC semasa lawatan beliau ke Pusat Khidmat Pelanggan CGC. Turut serta adalah Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak.

The new language options enables CGC to better forge business relationships with its existing and new customers.

The online experience with four (4) main languages has proven to build confidence and trust as it enables customers especially amongst the Chinese and Indian SMEs to better understand the services offered by CGC.

This is part of CGC's initiative in strengthening its position as the premier financial institution in assisting the nation's SMEs. CGC is the only financial institution in the country to offer four (4) language options for its website.

Dengan adanya pilihan bahasa baru, ia membolehkan CGC menjalinkan hubungan perniagaan yang baik dengan pelanggan sedia ada dan baru.

Ketersediaan pengalaman atas talian dengan empat (4) bahasa utama terbukti membina keyakinan dan kepercayaan kerana ia membolehkan pelanggan terutamanya di kalangan PKS Cina dan India untuk memahami perkhidmatan yang ditawarkan oleh CGC dengan lebih baik.

Ini adalah sebahagian daripada inisiatif CGC dalam mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan yang utama dalam membantu PKS di negara ini. CGC merupakan institusi kewangan yang pertama di Malaysia dalam menyediakan laman sesawang dalam empat (4) bahasa.

VISIT BY DEPUTY MINISTER OF FINANCE

KUNJUNGAN OLEH TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

CGC hosted official visits by two (2) Deputy Ministers of Finance as part of its effort in strengthening closer ties with the Ministry to further enhance SME development in the country.

CGC menerima kunjungan rasmi dari dua (2) Timbalan Menteri Kewangan untuk mengukuhkan hubungan yang lebih erat dengan Kementerian dalam usaha meningkatkan lagi pembangunan PKS dalam negara.



Deputy Minister of Finance II, YB Datuk Johari Abdul Ghani (left) with CGC's President/Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (right) during his official visit.

Timbalan Menteri Kewangan II, YB Datuk Johari Abdul Ghani (kiri) bersama Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kanan) semasa lawatannya.

LAUNCH OF BIZWANITA-i

PELANCARAN BIZWANITA-i



CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (far left) presenting the Letter of Approval to one of the successful applicants during the official launch of BizWanita-i. Looking on are the Deputy Minister of Finance, YB Datuk Johari Abdul Ghani (middle), Datuk Muhammad bin Ibrahim (then Deputy Governor and currently Governor of Bank Negara Malaysia) (second from left) and CGC's Chairman, Dato' Agil Natt (far right).

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri) menyampaikan Surat Kelulusan kepada salah seorang pemohon yang berjaya mendapat pembiayaan semasa pelancaran rasmi BizWanita-i. Turut kelihatan ialah Timbalan Menteri Kewangan, YB Datuk Johari Abdul Ghani (tengah), Datuk Muhammad bin Ibrahim (mantan Timbalan Gabenor dan kini Gabenor Bank Negara Malaysia) (kedua dari kanan) dan Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kanan).

The BizWanita is the second direct financing product to be launched by CGC as part of its initiative to reach out to a wider cross-section of business segments, especially new businesses that have shown great growth potential.

Besides filling the gap on accessibility to financing for women-owned businesses, BizWanita is also aimed at enhancing access to financing for businesses and companies that are managed or operated by women or companies where women form the majority of the workforce.

The launch was officiated by the Deputy Minister Of Finance, YB Datuk Johari Abdul Ghani.

BizWanita adalah produk pembiayaan langsung kedua yang dilancarkan oleh CGC sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menjangkau komuniti PKS dengan lebih luas daripada segmen perniagaan, terutamanya untuk perniagaan yang telah menunjukkan potensi pertumbuhan yang besar.

Selain merapatkan jurang akses kepada pembiayaan untuk perniagaan milik wanita, BizWanita juga bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi perniagaan dan syarikat-syarikat yang diuruskan atau dikendalikan oleh wanita atau syarikat di mana wanita merupakan majoriti tenaga kerja.

Pelancaran dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, YB Datuk Johari Abdul Ghani.

SIGNING OF MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) WITH BUSINESS DEVELOPMENT FUND (BDF) OF RWANDA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN BUSINESS DEVELOPMENT FUND (BDF) OF RWANDA



CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (left) and the Chief Executive Officer of Business Development Fund of Rwanda (BDF), Innocent Bulindi (right) congratulating each other after signing the MoU between CGC and BDF. Looking on is CGC's Chairman, Dato' Agil Natt.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Mohd Zamree Mohd Ishak (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Business Development Fund Rwanda (BDF), Innocent Bulindi (kanan) saling mengucapkan tahniah selepas menandatangani MoU antara CGC dan BDF. Turut kelihatan adalah Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt.

The Memorandum of Understanding (MoU) signed between CGC and the Business Development Fund (BDF) of Rwanda is to collaborate on the development of credit guarantee framework for Small and Medium Enterprises (SMEs) in Rwanda.

With the signing of this MoU, CGC shall offer assistance and guidance to BDF to develop, design and review the credit guarantee framework to support the development of SMEs in Rwanda. CGC will also be providing technical assistance in the development of the credit guarantee schemes, policy guidelines and other operational matters.

Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di antara CGC dan Business Development Fund (BDF) Rwanda adalah untuk bekerjasama dalam membangunkan rangka kerja jaminan kredit untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Rwanda.

Dengan termeterainya MoU ini, CGC akan menawarkan bantuan dan bimbingan kepada BDF dalam memajukan, mereka-bentuk dan mengkaji semula rangka kerja jaminan kredit untuk menyokong pembangunan PKS di Rwanda. CGC juga akan menyediakan bantuan teknikal dalam pembangunan skim jaminan kredit, garis panduan dasar dan hal-hal operasi yang lain.

LAUNCH OF SPECIAL ASSISTANCE SCHEME (SAS-i)

PELANCARAN SKIM BANTUAN KHAS (SAS-i)

The Special Assistance Scheme (SAS-i) is a direct financing facility aimed at providing financial assistance to CGC's existing customers affected by natural disaster.

The SAS-i was launched as a proactive effort by CGC to assist customers to recover and resume their business operations soon after the occurrence of any natural disasters such as floods, tsunami, earthquake and epidemics.

Skim Bantuan Khas (SAS-i) merupakan kemudahan pembiayaan langsung bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pelanggan sedia ada yang terjejas akibat bencana alam.

SAS-i telah dilancarkan sebagai usaha proaktif oleh CGC untuk membantu pelanggan memulih dan meneruskan operasi perniagaan mereka selepas berlakunya apa-apa bencana alam seperti banjir, tsunami, gempa bumi dan wabak penyakit.

LAUNCH OF GRADUATE TRAINEE PROGRAMME (GTP) PELANCARAN PROGRAM LATIHAN GRADUAN (GTP)



Deputy Minister of Finance II, YB Datuk Johari Abdul Ghani (2nd from left) took the opportunity to congratulate the trainees personally at the Graduate Trainee Programme Launch Ceremony. Also present were CGC's Chairman, Dato' Agil Natt (left) and CGC's President / Chief Executive Officer, Mohd Zamree Mohd Ishak (3rd from left).

| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi | 181,168 | 69,845 | 182,100 | 69,727 |

penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2015

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|------------------|-----------------|------------------|-----------------|
| | 2015 RM'000 | 2014 RM'000 | 2015 RM'000 | 2014 RM'000 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 48 | 170 | 48 | 170 |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (8,076) | (1,865) | (7,794) | (1,765) |
| Pembelian aset-aset tidak ketara | (3,718) | (4,095) | (2,313) | (2,185) |
| Pembayaran pinjaman belum berbayar daripada subsidiari | - | - | 104 | 66 |
| Pengeluaran pinjaman belum berbayar daripada subsidiari | - | - | - | (2,513) |
| Pelaburan dalam subsidiari | - | - | (10,000) | - |
| Modal bersih pengagihan dalam dana pelaburan (AFS) | 7,594 | 2,961 | 7,594 | 2,961 |
| Pembelian pelaburan AFS | (476,848) | (325,106) | (476,848) | (325,106) |
| Pembelian pelaburan FVTPL | (424,357) | (841,385) | (424,357) | (841,385) |
| Pembelian pelaburan HTM | - | (90,000) | - | (90,000) |
| Perolehan daripada penjualan pelaburan AFS | 179,794 | 65,000 | 179,794 | 65,000 |
| Perolehan daripada penjualan pelaburan FVTPL | 482,979 | 929,010 | 482,979 | 929,010 |
| Perolehan daripada kematangan produk berstruktur | 350,000 | - | 350,000 | - |
| (Kurangan)/tambahan liabiliti-liabiliti kewangan derivatif - bersih | (31,545) | 1,837 | (31,545) | 1,837 |
| (Kurangan)/tambahan simpanan tetap | (301,350) | 242,762 | (301,350) | 242,762 |
| Dividen diterima daripada syarikat bersekutu | 5,600 | - | - | - |
| Tunai bersih dijana daripada aktiviti pelaburan | (219,879) | (20,711) | (233,688) | (21,148) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | | | |
| Pengeluaran pinjaman pembayaran balik kepada kepentingan tidak dikawal | 10 | 714 | - | - |
| Pembayaran balik Skim Jaminan Usahawan Kecil | (4,000) | (4,000) | (4,000) | (4,000) |
| Pembayaran balik dana-dana kerajaan | (4,500) | (5,500) | (4,500) | (5,500) |
| Pembayaran balik dana YEDP | (3,894) | - | (3,894) | - |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan | (12,384) | (8,786) | (12,394) | (9,500) |
| PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN | (51,095) | 40,348 | (63,982) | 39,079 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN | 106,264 | 65,916 | 104,624 | 65,545 |
| TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN | 55,169 | 106,264 | 40,642 | 104,624 |
| Tunai dan setara tunai merangkumi: Wang tunai dan baki dalam bank | 55,169 | 106,264 | 40,642 | 104,624 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2015

1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Syarikat ini adalah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat pejabat berdaftar Syarikat ialah di Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat urusan perniagaan Syarikat ialah di Aras 8, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Kegiatan utama Syarikat adalah memberi jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Aktiviti utama subsidiari adalah menyediakan perkhidmatan rujukan kredit, penilaian kredit, serta perkhidmatan yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 27 April 2016.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), dan keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan utama.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal serta andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh yang dilaporkan. Pertimbangan para Pengarah juga diperlukan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan kebijaksanaan Pengarah-Pengarah tentang peristiwa dan tindakan terkini, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau rumit, atau perkara yang andaian dan anggaran memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan, didedahkan dalam Nota 3.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diumumkan dan interpretasi piawaian sedia ada yang terpakai dan berkuatkuasa bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif

Pada 1 Januari 2015, Syarikat telah menerima pakai piawaian berikut bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2015:

- Penambahbaikan tahunan kepada MFRS Kitaran 2010 - 2012
 - Pindaan kepada MFRS 13 "Pengukuran Nilai Saksama"
 - Pindaan kepada MFRS 116 "Hartanah, Loji dan Peralatan" dan MFRS 138 "Aset-Aset Tidak Ketara"
 - Pindaan kepada MFRS 124 "Pendedahan Pihak Berkaitan"

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

(a) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diumumkan dan interpretasi piawaian sedia ada yang terpakai dan berkuat kuasa bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif (sambungan)**

- Penambahbaikan tahunan kepada MFRS Kitaran 2011 - 2013
 - Pindaan kepada MFRS 13 “Pengukuran Nilai Saksama”

Penerimaan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan tidak memberi apa-apa kesan kepada penyata kewangan Syarikat.

(b) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terpakai bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif**

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2016
- Pindaan kepada MFRS 116 ‘Hartanah, Loji dan Peralatan’ dan MFRS 138 ‘Aset-Aset Tidak Ketara’ (berkuat kuasa 1 Januari 2016) menjelaskan bahawa penggunaan kaedah berasaskan pendapatan untuk mengira susutnilai dan pelunasan sesuatu hartanah, loji dan peralatan adalah tidak sesuai. Ini kerana hasil yang dijana oleh aktiviti yang merangkumi penggunaan aset umumnya menggambarkan faktor-faktor lain daripada penggunaan manfaat ekonomi hadapan dalam aset.
 - Pindaan kepada MFRS 101 - ‘Pendedahan Inisiatif’ bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pendedahan dan direka untuk menggalakkan syarikat-syarikat menggunakan pertimbangan profesional dalam menentukan maklumat (termasuk di mana dan urutannya) yang akan dinyatakan dalam penyata kewangan. Entiti tidak boleh mengurangkan pemahaman penyata kewangan dengan mengaburkan maklumat penting dengan maklumat tidak penting atau dengan menjumlahkan jenis butiran yang mempunyai sifat atau fungsi yang berbeza. Entiti hendaklah melanjutkan garis dalam Penyata kedudukan Kewangan, apabila pembentangan tersebut berkaitan dengan pemahaman tentang kedudukan kewangan entiti. Entiti hendaklah mengemukakan garis butir tambahan (termasuk mengasingkan butiran berkenaan), tajuk dan subjumlah dalam penyata, mengemukakan keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain apabila pembentangan tersebut berkaitan dengan pemahaman tentang prestasi kewangan entiti. Entiti hendaklah, setakat yang dapat dilaksanakan, mengemukakan nota dengan sistematik. Dalam menentukan cara sistematik, entiti hendaklah mempertimbangkan kesan terhadap pemahaman dan perbandingan penyata kewangannya.
 - Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128 - ‘Entiti Pelaburan: menerima pakai Pengecualian Penyatuan yang bertujuan untuk menangani isu-isu yang timbul dalam penggunaan pengecualian penyatuan untuk entiti pelaburan. Pindaan juga menyediakan bantuan dalam keadaan tertentu, di mana entiti induk di Malaysia hendaklah membentangkan penyata kewangan yang menyatukan pelaburan dalam subsidiari selaras dengan Piawaian ini apabila sama ada syarikat induk atau kumpulan adalah entiti yang melaporkan atau kedua-dua syarikat dan kumpulan adalah entiti yang melaporkan, yang akan mengurangkan kos penggunaan Piawaian. Pindaan menjelaskan pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan yang disatukan untuk entiti induk pertengahan, subsidiari yang menyediakan perkhidmatan berkaitan aktiviti-aktiviti pelaburan syarikat induk, penggunaan kaedah ekuiti oleh entiti pelabur bukan pelaburan kepada entiti pelaburan dan pendedahan yang diperlukan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang terpakai bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif (sambungan)

(ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2018

- MFRS 15 'Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan' memperkatakan pengiktirafan hasil dan menetapkan prinsip untuk melaporkan maklumat berguna kepada pengguna penyata kewangan mengenai sifat, jumlah, masa dan ketidaktentuan hasil dan aliran tunai yang timbul daripada kontrak entiti dengan pelanggan. Hasil diiktiraf apabila pelanggan mendapat kawalan yang baik atau perkhidmatan, dan dengan itu mempunyai keupayaan untuk mengarahkan penggunaan dan mendapatkan manfaat daripada barang atau perkhidmatan. Piawaian ini menggantikan MFRS 118 'Hasil' dan MFRS 111 'Kontrak Pembinaan' dan tafsiran yang berkaitan.
- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran yang bercampur-campur dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori utama pengukuran untuk aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak bagi aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan pilihan yang tidak boleh ditarik balik pada permulaan bagi membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen itu tidak dipegang untuk urus niaga). Instrumen hutang diukur pada kos yang dilunaskan hanya jika entiti itu memegangnya untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan aliran tunai mewakili pokok dan faedah. Bagi liabiliti, piawaian mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Ini termasuk kos dilunaskan perakaunan bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan pencabangan dua derivatif terbenam. Perubahan utama adalah bahawa, dalam kes-kes di mana opsyen nilai saksama diambil bagi liabiliti kewangan, bahagian daripada perubahan nilai saksama kerana risiko kredit entiti sendiri direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya penyata pendapatan, melainkan jika ini mewujudkan perakaunan yang tidak sepadan. Sekarang terdapat satu model kerugian kredit dijangka baru mengenai kemerosotan bagi semua aset kewangan yang menggantikan model kerugian kemerosotan yang ditanggung digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit dijangka berpandangan ke hadapan dan menghapuskan keperluan untuk pencetus peristiwa telah berlaku sebelum kerugian kredit boleh diiktiraf.

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan piawaian ini apabila berkuatkuasa. Penerimaan pakai piawaian di atas, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada tidak dijangka mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali kepada MFRS 9. Kesan kewangan kepada guna pakai MFRS 9 dan MFRS 15 masih lagi sedang dinilai oleh Kumpulan dan Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu

(a) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal entiti tersebut apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pulangan yang berubah-ubah dari penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Mereka diasingkan pada tarikh kawalan tersebut tamat.

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan bagi mengakaunkan penggabungan perniagaan. Ganjaran yang dipindahkan untuk pembelian anak syarikat ialah nilai-nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung oleh bekas pemilik syarikat yang diambil alih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Ganjaran yang dipindahkan termasuklah nilai saksama sebarang aset atau liabiliti akibat daripada susunan pertimbangan luar jangka. Aset dikenalpasti yang diambilalih dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam gabungan perniagaan adalah diukur pada mulanya menurut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Kumpulan mengiktiraf sebarang kepentingan luar kawalan dalam syarikat yang diambil alih mengikut kes demi kes, sama ada pada nilai saksama atau pada sebahagian saham kepentingan luar kawalan bagi jumlah yang diambilkira ke atas aset bersih yang boleh dikenalpasti.

Kos berkaitan pengambilalihan diambil apabila berlaku.

Jika penyatuan perniagaan tersebut berlaku secara berperingkat, nilai saksama dalam ekuiti Syarikat pada tarikh pengambilalihan yang sebelum ini dinilai semula berdasarkan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui penyata pendapatan.

Sebarang ganjaran luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya kepada nilai saksama bagi ganjaran luar jangka yang disifatkan sebagai sesuatu aset atau liabiliti diambilkira menurut MFRS 139, sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif yang lain. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian berikutnya diambil kira di dalam ekuiti.

Lebih ganjaran yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan luar kawalan yang diambil alih dan nilai saksama tarikh pengambilalihan dalam kepentingan ekuiti terdahulu yang diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti adalah dinyatakan sebagai muhibah. Jika jumlah ganjaran yang dipindahkan, kepentingan luar kawalan yang dinyatakan dan yang dipegang setelah diukur adalah kurang daripada aset bersih Syarikat subsidiari yang diperolehi dalam kes pembelian yang rendah, perbezaannya dinyatakan secara langsung dalam penyata pendapatan.

Urusniaga antara Syarikat, baki-baki dan keuntungan/(kerugian) belum direalisasi ke atas urusan antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan semasa penyatuan. Apabila perlu, jumlah yang dilaporkan oleh anak-anak syarikat akan diselaraskan bagi mematuhi dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

(b) Syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu merupakan semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara tetapi bukan kawalan terhadapnya, secara umumnya disertai dengan pegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk terlibat dalam polisi kewangan dan operasi melalui wakil di dalam Lembaga Pengarah tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos, dan nilai bawaan akan bertambah atau berkurang untuk mengiktiraf saham pelabur daripada untung atau rugi syarikat yang dilabur berkenaan selepas tarikh pengambilalihan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu meliputi muhibah yang dikenal pasti daripada pengambilalihan.

Jika kepentingan pemilikan dalam sesebuah syarikat bersekutu dikurangkan tetapi pengaruh ketara dikekalkan, hanya bahagian tertentu sahaja daripada jumlah saham yang sebelum ini dinyatakan dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula kepada penyata pendapatan di mana sesuai.

Bahagian Kumpulan ke atas untung atau rugi selepas pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagiannya dalam pergerakan lain-lain pendapatan komprehensif selepas pengambilalihan diambilkira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dengan pelarasan berkaitan kepada jumlah bawaan pelaburan tersebut. Apabila bahagian Kumpulan merupakan kerugian dalam syarikat bersekutu yang bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu berkenaan, termasuk sebarang hutang-hutang lain yang tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian lanjutan, kecuali ia telah melibatkan tanggungan yang menurut undang-undang atau secara tersusun atau bayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu telah rosot nilai. Jika ini berlaku, Kumpulan mengira jumlah ini sebagai perbezaan di antara jumlah boleh diperolehi semula oleh syarikat bersekutu dan nilai bawaannya dan mengiktiraf jumlah yang tersebut kepada bahagian keuntungan/(kerugian) syarikat bersekutu dalam penyata pendapatan.

Untung dan rugi yang terhasil daripada urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya adalah diiktiraf di dalam penyata kewangan Kumpulan itu hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasi adalah dihapuskan melainkan urusniaga berkenaan menunjukkan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan. Polisi-polisi perakaunan syarikat-syarikat bersekutu telah diubah di mana perlu bagi memastikan ketekalan dengan polisi-polisi yang digunapakai oleh Kumpulan.

Kecairan keuntungan dan kerugian yang wujud daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

(c) Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada akhir tempoh setiap pelaporan, Kumpulan menilai sama ada wujud sebarang tanda rosot nilai. Apabila tanda rosot nilai wujud, nilai bawaan pelaburan tersebut dinilai dan dikurang catatkan serta-merta menurut jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila lihat polisi perakaunan Nota 2.6 bagi rosot nilai aset-aset bukan kewangan.

Semasa penjualan pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai bawaan pelaburan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.3 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos ini termasuk perbelanjaan secara langsung yang boleh dikaitkan kepada pengambilalihan aset.

Kos seterusnya dimasukkan dalam jumlah nilai bawaan aset atau dinyatakan sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat, dan kos yang ditanggung tersebut boleh diukur dengan munasabah. Nilai bawaan bagi bahagian yang diganti adalah dinyah-iktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dinyatakan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku.”

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus, untuk mengagihkan kos aset ke atas anggaran hayat berguna, diringkaskan seperti berikut:

| | |
|-------------------------|------------------------------|
| Bangunan | 25 tahun |
| Tanah pajakan | Mengikut baki tempoh pajakan |
| Kenderaan bermotor | 5 tahun |
| Peralatan pejabat | 5 tahun |
| Perabot dan kelengkapan | 5 tahun |
| Pengubahsuaian | 5 tahun |
| Peralatan komputer | 5 tahun |

Nilai sisa dan hayat berguna aset adalah dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisa dilakukan untuk menilai sama ada nilai bawaan aset boleh ditebus semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai penurunan nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan adalah ditentukan dengan membandingkan hasil dengan nilai bawaan dan dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan.

2.4 Aset-aset tidak ketara

Aset-aset tidak ketara dengan usia guna yang terhad, dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan seterusnya hanya akan dipermodalkan jika ianya meningkatkan faedah-faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berhubung kait dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambilkira di dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku.

Aset tidak ketara dengan jangkahayat penggunaan yang terhad akan dilunaskan pada tarikh ia sedia untuk digunakan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.4 Aset-aset tidak ketara (sambungan)

Pelunasan dinyatakan di dalam penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh hayat aset-aset tidak ketara, seperti berikut:

| | |
|-----------------------------|---------|
| Kos data yang dipermodalkan | 5 tahun |
| Perisian aplikasi | 5 tahun |

Kaedah pelunasan, hayat berguna dan nilai sisa aset adalah dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisa dilakukan untuk menilai sama ada nilai bawaan aset boleh ditebus semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai penurunan nilai aset bukan kewangan.

Perbelanjaan ini termasuk untuk pembangunan perisian yang dikenali sebagai perbelanjaan pembangunan sehingga perisian tersebut sedia untuk digunakan. Perbelanjaan ini juga termasuk kos perisian, gaji, dan kos pinjaman yang terlibat secara langsung dengan pembangunan ini.

2.5 Aset kewangan

(a) Pengkelasan

Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan aset kewangannya melalui kategori berikut: Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian (FVTPL), pinjaman dan penghutang, pelaburan kewangan sedia untuk dijual (AFS) dan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang (HTM). Pengkelasan ini bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan telah diperolehi. Pihak Pengurusan menentukan klasifikasi pada awal pengiktirafan.

(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Aset kewangan "FVTPL" adalah aset kewangan yang dipegang untuk urusniaga. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini apabila ianya diperolehi atau dibeli terutamanya bagi tujuan jualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Aset-aset dalam kategori ini adalah dikelaskan sebagai aset semasa jika ianya dijangka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan; jika tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

(ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan hutang belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih daripada 12 bulan dari tarikh akhir tempoh laporan. Semua ini adalah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

Pinjaman dan penghutang Kumpulan dan Syarikat adalah terdiri daripada 'simpanan tetap', 'pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan', 'pinjaman terhutang dari subsidiari', 'jumlah terhutang daripada subsidiari', 'jumlah terhutang oleh Bank Negara Malaysia', 'penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang' dan 'wang tunai dan kesamaan wang tunai' dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(a) Pengkelasan (sambungan)

(iii) Pelaburan kewangan AFS

Pelaburan kewangan AFS adalah bukan derivatif sama ada yang ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori yang lain. Ia dimasukkan dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan itu matang atau pihak Pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh laporan.

(iv) Pelaburan kewangan HTM

Pelaburan kewangan HTM adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap di mana pihak Pengurusan Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Jika Kumpulan dan Syarikat menjual selain daripada suatu amaun yang tidak ketara aset kewangan HTM, keseluruhan kategori itu akan tercemar dan dikelaskan semula sebagai AFS.

(b) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan dinyatakan pada awalnya mengikut nilai saksama termasuk kos urus niaga untuk semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. Aset kewangan FVTPL pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urusniaga dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

(c) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian

Aset kewangan FVTPL dan AFS kemudiannya dikira pada nilai saksama.

Pinjaman dan penghutang dan aset kewangan HTM seterusnya dikira pada pelunasan kos menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan FVTPL, termasuklah kesan terjemahan mata wang, faedah dan pendapatan dividen dinyatakan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perubahan itu muncul.

Perubahan dalam nilai saksama aset AFS dinyatakan dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali untuk kerugian rosot nilai (sila lihat polisi perakaunan Nota 2.5 (d)) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Perbezaan pertukaran bagi aset-aset kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan AFS adalah dinyatakan secara berasingan dalam penyata pendapatan. Faedah atas sekuriti hutang AFS dikira menggunakan kaedah faedah efektif dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Pendapatan dividen atas instrumen ekuiti AFS dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditentukan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya - Rosot nilai aset kewangan

Aset-aset yang dibawa pada kos pelunasan

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada penghujung tempoh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai dan kerugian rosot nilai berlaku hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (satu 'kejadian kerugian') dan kejadian kerugian tersebut (atau kejadian-kejadian) mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai ini boleh termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami masalah kewangan yang ketara, kebarangkalian bahawa mereka akan muflis atau penyusunan semula, keingkaran dalam bayaran faedah atau pokok atau di mana data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam jangkaan aliran tunai masa depan, seperti perubahan ekonomi yang berhubung kait dengan kegagalan bayaran.

Jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang belum dialami) didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Nilai bawaan aset adalah dikurangkan dan jumlah kerugian dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jika 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosot nilai adalah kadar faedah efektif semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai sesuatu yang efektif, Kumpulan dan Syarikat boleh mengukur rosot nilai atas asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran pemerhati.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai dinyatakan (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan kerugian rosot nilai dinyatakan sebelum ini adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikutip, ia akan dihapus kira daripada akaun peruntukan yang berkaitan. Aset tersebut adalah dihapus kira selepas semua prosedur yang perlu telah sempurna dan jumlah kerugian telah ditentukan.

(i) Taksiran individu

Kumpulan dan Syarikat akan menilai sama ada wujudnya bukti rosot nilai dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang disifatkan menjadi ketara secara individu.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah berlaku, jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara jumlah pinjaman dan nilai semasa aliran tunai masa hadapan didiskaun pada kadar faedah efektif asal pinjaman. Nilai bawaan pinjaman dikurangkan melalui akaun peruntukan dan jumlah kerugian adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Semua pinjaman lain, pendahuluan dan pembiayaan yang telah ditaksir secara individu, tetapi tidak dianggap rosot nilai secara individu, dinilai secara kolektif bagi rosot nilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya - Rosot nilai aset kewangan (sambungan)

(ii) Taksiran kolektif

Pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan akaun belum terima yang tidak signifikan secara individu dan pinjaman yang telah dinilai secara individu tanpa ada sebarang bukti bagi rosot nilai adalah dikumpulkan bersama untuk tafsiran rosot nilai kolektif. Pinjaman ini dikumpulkan dalam ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, pinjaman kepada nisbah cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan individu berlainan) adalah diambil kira.

Aliran tunai masa depan di dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif untuk rosot nilai adalah dianggarkan berdasarkan pengalaman lalu kerugian Kumpulan dan Syarikat. Pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang diperhatikan bagi mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan ke atas tempoh di mana pengalaman kerugian bersejarah didasarkan dan untuk menghapuskan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud pada masa ini.

Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa hadapan bagi kumpulan aset haruslah mencerminkan dan selaras dengan perubahan dalam data pemerhatian yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kaedah dan andaian yang digunakan untuk menganggar aliran tunai masa hadapan disemak dengan kerap oleh Kumpulan dan Syarikat untuk mengurangkan perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Aset-aset yang dikelaskan sebagai aset sedia untuk jualan ("AFS")

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau Kumpulan aset kewangan yang mengalami rosot nilai.

Bagi sekuriti hutang, Kumpulan dan Syarikat menggunakan kriteria pengukuran rosot nilai kerugian terjejas yang diguna pakai untuk 'aset yang di bawa pada kos pelunasan' di atas.

Dalam sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai "sedia untuk jualan", sebagai tambahan kepada kriteria bagi 'aset yang dibawa pada kos pelunasan' di atas, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset ini rosot nilai. Jika bukti tersebut wujud bagi aset kewangan sedia untuk dijual, kerugian terkumpul yang telah dinyatakan secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada penyata pendapatan adalah perbezaan di antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang sebelumnya dinyatakan dalam penyata pendapatan.

(e) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak bagi menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan tersebut.

Apabila penjualan pelaburan kewangan "sedia untuk jualan" dilakukan, maka penyelarasan nilai saksama terkumpul yang dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset kewangan (sambungan)

(f) Pengelasan semula aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat boleh memilih untuk mengelaskan semula aset kewangan bukan derivatif dipegang untuk urus niaga ("HFT") daripada kategori HFT di mana:

- dalam keadaan yang jarang berlaku, ia tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau membeli balik dalam tempoh terdekat; atau
- ia tidak lagi dipegang untuk tujuan perdagangan, ia telah memenuhi definisi pinjaman dan belum terima pada klasifikasi awal dan Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang ia untuk masa akan datang, sehingga matang pada tarikh klasifikasi semula.

Klasifikasi semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh klasifikasi semula.

2.6 Rosot nilai aset-aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat yang tidak jelas, sebagai contoh aset tidak ketara belum sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai dinyatakan jumlahnya apabila nilai bawaan aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai yang boleh dikenal pasti (unit penjanaan tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai disemak bagi kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada penyata pendapatan melainkan jika ia bertentangan dengan penilaian semula sebelumnya, yang mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak boleh dinilai semula. Berhubung dengan aset lain, sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh diperolehi semula dinyatakan dalam penyata pendapatan kecuali kerugian rosot nilai ke atas aset yang dinilai semula yang mana ia akan dibawa kepada lebihan rizab penilaian semula.

2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinilai pada kos pelunasan, kecuali liabiliti urusniaga yang telah ditetapkan pada nilai saksama, yang mana ianya dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi semua liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung dan rugi, pada mulanya mereka dikenalpasti mengikut nilai saksama termasuk kos urusniaganya. Liabiliti kewangan yang telah dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada mulanya dikenalpasti mengikut nilai saksama, dan kos urusniaga akan dicajkan di dalam penyata pendapatan. Liabiliti kewangan ini akan mengalami penyahiktirafan apabila ianya dihapuskan.

(a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori ini terdiri daripada dua sub-kategori: liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai HFT jika ianya diperolehi atau kewujudannya berlaku dengan tujuan utama untuk penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau jika ianya adalah sebahagian daripada portfolio untuk instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diuruskan bersama-sama dan terdapatnya bukti terkini corak sebenar pengambilan untung jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai HFT melainkan ianya wujud sebagai perlindungan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.7 Liabiliti kewangan (sambungan)

(b) Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan

Lain-lain liabiliti kewangan pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama termasuk kos urusan. Selepas itu, liabiliti kewangan yang lain diukur semula pada kos pelunasan menggunakan kadar faedah efektif.

Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan adalah 'jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia', 'Dana Bank Negara Malaysia', 'Skim Jaminan Usahawan Kecil', 'Tabung Usahawan Kecil', 'Dana Kerajaan', 'saham keutamaan', 'Skim Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS', 'Bantuan Kemudahan PKS', 'Dana Pembiayaan Usahawan Kecil', 'pinjaman terhutang kepada kepentingan luar kawalan', 'jumlah terhutang kepada subsidiari', 'tuntutan yang belum bayar' dan 'lain-lain pemiutang'.

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila ianya telah ditebus atau padam.

2.8 Instrumen kewangan derivatif

Pada mulanya derivatif dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperoleh daripada siarharga nilai pasaran dalam pasaran aktif termasuk pasaran urusan yang terkini dan teknik penilaian, termasuk model aliran tunai berdiskaun dan model opsyen penetapan harga yang mana bersesuaian. Kesemua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif.

Bukti terbaik bagi nilai saksama derivatif pada pengiktirafan awal adalah harga urusan (iaitu nilai saksama bayaran yang diberi atau diterima) kecuali nilai saksama instrumen ini mempunyai bukti perbandingan dengan urusan yang boleh dilihat dari pasaran semasa yang lain di dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau penukaran semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang mana pembolehubahnya termasuk hanya data daripada pasaran yang boleh dilihat.

Kaedah mengiktirafan nilai saksama kerugian atau keuntungan bergantung sama ada derivatif itu adalah instrumen perlindungan nilai atau tidak, dan jika benar, jenis derivatif yang dilindungi nilai.

2.9 Pajak operasi

Pajakan operasi merupakan pajak aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak. Pembayaran yang dibuat ke atas pajak operasi dicajkan kepada penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak.

Apabila pajak operasi dihentikan sebelum tamat tempoh pajak, sebarang pembayaran penalti yang perlu dibuat kepada pemajak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan tersebut berlaku.

2.10 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan dan baki di bank, tidak termasuk simpanan tetap yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.11 Modal saham

Saham biasa

Saham biasa adalah dikategorikan sebagai ekuiti. Kenaikan kos secara langsung yang berkaitan dengan penerbitan saham baru dan opsyen adalah dinyatakan dalam ekuiti sebagai potongan, selepas cukai, daripada hasil terbitan.

Saham keutamaan

Saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu, atau mengikut pilihan pemegang saham keutamaan, atau jika bayaran dividen tidak ditetapkan. Dividen akan diiktiraf sebagai belanja faedah dalam penyata pendapatan.

2.12 Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Cukai semasa

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang percukaian Malaysia yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Pihak Pengurusan secara berkala menilai kedudukan yang perlu diambil dalam borang cukai terhadap situasi di mana peraturan cukai yang dikenakan adalah tertakluk kepada tafsiran. Mereka membuat peruntukan yang sesuai atas dasar jumlah yang perlu dibayar kepada pihak percukaian. Liabiliti ini dikira menggunakan anggaran yang terbaik yang akan berlaku.

Cukai tertunda

Cukai tertunda dikenalpasti menggunakan kaedah liabiliti iaitu perbezaan sementara yang wujud di antara jumlah aset dan liabiliti untuk tujuan percukaian dan jumlah bawaan di dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertanggung ini tidak akan diambil kira jika ia wujud hasil daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusan selain daripada kombinasi perniagaan yang mana urusan pada masa itu tidak akan menjejaskan samaada perakaunan atau cukai keuntungan dan kerugian.

Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar percukaian (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan dikenalpasti atau liabiliti cukai tertunda ini sudah diselesaikan.

Aset cukai tertunda dinyatakan pada tahap di mana terdapat kemungkinan akan adanya keuntungan bercukai di mana perbezaan sementara yang dibenarkan atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh ditolak daripadanya.

Aset dan liabiliti daripada cukai pendapatan tertunda dan cukai pendapatan akan diimbangkan apabila wujudnya penguatkuasaan hak yang dikuatkuasakan bagi mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda yang berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama kepada entiti yang sama boleh cukai atau entiti yang berbeza boleh cukai di mana terdapatnya hasrat untuk menyelesaikan baki bersih cukai.

Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali apabila ia berlaku daripada urusan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain, di dalam kes ini, cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan ke pendapatan komprehensif yang lain.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.13 Kebajikan kakitangan

Kebajikan kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan adalah diakru dalam tempoh tahun kewangan yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat.

Pelan caruman wajib

Kumpulan dan Syarikat menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu pelan caruman yang ditetapkan. Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada pelan caruman ini dicajkan kepada penyata pendapatan tahun kewangan berkenaan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi atas pembayaran tersebut.

2.14 Geran Kerajaan

Manfaat dari pinjaman Kerajaan pada kadar faedah di bawah paras pasaran diambil kira sebagai pemberian Kerajaan. Pinjaman Kerajaan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan, dan diukur mengikut MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'. Pemberian Kerajaan diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan permulaan pinjaman Kerajaan yang ditentukan mengikut MFRS 139 dan jumlah yang diterima. Pemberian Kerajaan dipersembahkan sebagai pendapatan tertanggung dalam penyata kedudukan kewangan.

Pemberian Kerajaan dikenalpasti apabila terdapat jaminan yang waras yang pemberian tersebut akan diterima, dan Kumpulan dan Syarikat akan mematuhi syarat-syarat yang dilampirkan bersama pemberian tersebut. Pemberian Kerajaan diiktiraf dalam penyata pendapatan secara teratur ke atas tempoh di mana Kumpulan dan Syarikat mengiktirafnya sebagai perbelanjaan bagi kos yang berkaitan dengan tujuan pemberian diberikan.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan peruntukan transisi dalam MFRS 120 'Perakaunan bagi Pemberian Kerajaan dan Pendedahan bagi Bantuan Kerajaan' dan Pindaan bagi MFRS 1 'Adaptasi Pertama Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia' ke atas Pinjaman Kerajaan di mana peruntukan perakaunan MFRS 120 patut digunakan secara prospektif untuk pemberian yang belum terima atau kena bayar balik setelah tarikh efektif piawai tersebut.

Pinjaman Kerajaan yang wujud pada tarikh transisi adalah 'jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia' bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i dan saham Danajamin Nasional Berhad yang dilanggan, 'dana Kerajaan', 'saham keutamaan', 'Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS' dan 'Dana Kewangan Usahawan Kecil'. Pinjaman Kerajaan ini dinyatakan pada nilai bawaannya yang dahulu.

2.15 Peruntukan bagi tuntutan di bawah Skim Jaminan

Peruntukan bagi tuntutan untuk pendedahan Kumpulan dan Syarikat terhadap jaminan yang diberi berdasarkan notis daripada institusi kewangan apabila akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar dan apabila tuntutan dibuat oleh institusi kewangan.

Peruntukan bagi tuntutan diambilkira secara langsung kepada penyata pendapatan. Pindahan lebihan atau kurangan yang melibatkan rizab khas dibuat melalui untung terkumpul.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.16 Peruntukan

Peruntukan dinyatakan oleh Kumpulan dan Syarikat apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi undang-undang semasa, atau obligasi konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;;
- (ii) terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan
- (iii) anggaran jumlah obligasi boleh dibuat.

2.17 Pendapatan tertanggung (tidak termasuk pemberian Kerajaan)

Pendapatan tertanggung terdiri daripada yuran langganan terdahulu dan yuran daripada pakej prabayar. Pendapatan tertanggung diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan diberikan.

2.18 Liabiliti luar jangka

Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktirafkan aset dan liabiliti luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber tidak diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian akan datang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk faedah ekonomi berkemungkinannya wujud, tetapi tidak semestinya berlaku.

2.19 Pengiktirafan hasil

- (i) Yuran jaminan dikenalpasti menggunakan asas akruan sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.

(d) Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

Kekerapan ukuran nilai saksama (sambungan)

| Kumpulan/Syarikat 31.12.2014 | Paras 1 RM'000 | Paras 2 RM'000 | Paras 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|------------------|
| Aset-Aset | | | | |
| Dana pelaburan: AFS | - | 29,626 | - | 29,626 |
| Produk berstruktur: FVTPL | - | - | 672,024 | 672,024 |
| Pelaburan sekuriti: AFS | | | | |
| - Sekuriti hutang swasta | - | 136,963 | - | 136,963 |
| - Aset-aset risiko rendah | - | 525,577 | - | 525,577 |
| Pelaburan sekuriti: FVTPL | | | | |
| - Sekuriti hutang swasta | - | 695,310 | - | 695,310 |
| Derivatif aset-aset kewangan | - | 699 | - | 699 |
| | - | 1,388,175 | 672,024 | 2,060,199 |
| Liabiliti | | | | |
| Skim Jaminan Usahawan Kecil | - | 53,576 | - | 53,576 |
| Tabung Usahawan Kecil | - | 33,953 | - | 33,953 |
| Derivatif liabiliti kewangan | - | 10,665 | - | 10,665 |
| | - | 98,194 | - | 98,194 |

Penyesuaian ukuran nilai dalam Paras 3

Jadual di bawah menunjukkan perubahan dalam instrumen Paras 3 bagi tahun kewangan berakhir:

| | Kumpulan/Syarikat | |
|--|-----------------------|----------------------|
| | 31.12.2015 RM'000 | 31.12.2014 RM'000 |
| Pada 1 Januari | 672,024 | 669,195 |
| Kematangan produk berstruktur dalam tahun (Kerugian)/keuntungan disahkan dalam penyata pendapatan | (350,000) (11,861) | - 2,829 |
| Pada 31 Disember | 310,163 | 672,024 |

46. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**(d) Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)****Kesan daripada perubahan dalam andaian yang tidak boleh diawasi ke alternatif yang berkemungkinan berpatutan**

Tidak ada perubahan dalam model penilaian pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 di mana model aliran tunai didiskaun digunakan untuk nilai saksama produk berstruktur.

Model aliran tunai didiskaunkan berujaran mengikut kebarangkalian pembolehubah bukan gagal dan adalah berdasarkan kepada andaian dan input yang tidak boleh dipantau.

Andaian-andaian utama yang digunakan dalam model adalah seperti berikut:

- a) kadar bahaya, iaitu kebarangkalian kegagalan terkumpul bagi setiap entiti diperolehi dari Reuters.
- b) kadar pemulihan 40%.
- c) kadar bebas risiko berdasarkan Sekuriti Kerajaan Malaysia digunakan sebagai kadar diskaun.
- d) korelasi aset-aset asas yang tersirat dari tarikh perdagangan dan dianggap tetap kerana ketidakupayaan untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai.

Input yang tidak boleh diawasi dalam penilaian produk berstruktur untuk Paras 3 adalah korelasi aset-aset yang menjadi asas rujukan entiti. Korelasi aset dikira berdasarkan kepada pendekatan "variance-covariance". Berdasarkan kepada pendekatan ini, korelasi aset diandaikan berterusan bagi keseluruhan tempoh pegangan. Korelasi aset ini juga dalam lingkungan dari 0.19 hingga 0.75. Tiada perubahan terhadap lingkungan korelasi aset daripada tahun lepas. Semakin tinggi korelasi aset, semakin tinggi kebarangkalian untuk gagal dan ini memberikan hasil nilai saksama yang rendah.

Terdapat amaun nosional RM350 juta tempoh matang daripada produk berstruktur sepanjang tahun. Baki pelaburan dalam produk berstruktur adalah RM300 juta amaun nosional.

Jika kebarangkalian kegagalan yang digunakan dalam kaedah penilaian, menurun atau meningkat sebanyak 5 mata asas, kesannya terhadap untung atau rugi akan meningkat sebanyak RM88,000 (2014: RM782,000) dan menurun sebanyak RM88,000 (2014: RM782,000) dalam keuntungan nilai saksama masing-masing.

46. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

Kesan daripada perubahan dalam andaian yang tidak boleh diawasi ke alternatif yang berkemungkinan berpatutan (sambungan)

Jadual di bawah menunjukkan analisa dalam hierarki nilai saksama untuk Kumpulan dan Syarikat bagi aset dan liabiliti yang bukan diukur pada nilai saksama pada tarikh laporan tetapi yang mana nilai saksama didedahkan:

| Kumpulan 31.12.2015 | Nilai bawaan RM'000 | Paras 1 RM'000 | Paras 2 RM'000 | Paras 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|------------------------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|--------------------------|
| <u>Aset-Aset Kewangan</u> | | | | | |
| Pelaburan sekuriti: HTM | 90,572 | - | 88,828 | - | 88,828 |
| Simpanan tetap | 1,640,757 | - | 1,639,213 | - | 1,639,213 |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 235,727 | - | 213,422 | - | 213,422 |
| <u>Liabiliti Kewangan</u> | | | | | |
| Dana-dana dari BNM | 801,500 | - | 468,988 | - | 468,988 |
| Dana-dana dari Kerajaan | 150,342 | - | 117,055 | - | 117,055 |
| Saham keutamaan | 200,000 | - | 183,286 | - | 183,286 |
| Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS | 150,000 | - | 150,000 | - | 150,000 |
| Dana Pembiayaan Usahawan Kecil | 11,075 | - | 11,075 | - | 11,075 |
| Pinjaman terhutang terhadap kepentingan tidak dikawal | 38 | - | 38 | - | 38 |
| <hr/> | | | | | |
| Kumpulan 31.12.2014 | Nilai bawaan RM'000 | Paras 1 RM'000 | Paras 2 RM'000 | Paras 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
| <u>Aset-Aset Kewangan</u> | | | | | |
| Pelaburan sekuriti: HTM | 90,572 | - | 88,001 | - | 88,001 |
| Simpanan tetap | 1,339,407 | - | 1,333,040 | - | 1,333,040 |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 249,484 | - | 225,511 | - | 225,511 |
| <u>Liabiliti Kewangan</u> | | | | | |
| Dana-dana dari BNM | 801,500 | - | 417,860 | - | 417,860 |
| Dana-dana dari Kerajaan | 150,342 | - | 103,506 | - | 103,506 |
| Saham keutamaan | 200,000 | - | 174,415 | - | 174,415 |
| Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS | 150,000 | - | 140,427 | - | 140,427 |
| Dana Pembiayaan Usahawan Kecil | 11,075 | - | 10,703 | - | 10,703 |
| Pinjaman terhutang terhadap kepentingan tidak dikawal | 1,278 | - | 1,238 | - | 1,238 |

46. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

Kesan daripada perubahan dalam andaian yang tidak boleh diawasi ke alternatif yang berkemungkinan berpatutan (sambungan)

| Syarikat 31.12.2015 | Nilai bawaan RM'000 | Paras 1 RM'000 | Paras 2 RM'000 | Paras 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|--------------------------------------|---------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|------------------|
| <u>Aset-Aset Kewangan</u> | | | | | |
| Pelaburan sekuriti: HTM | 90,572 | - | 88,828 | - | 88,828 |
| Simpanan tetap | 1,640,757 | - | 1,639,213 | - | 1,639,213 |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 235,727 | - | 213,422 | - | 213,422 |
| Pinjaman daripada subsidiari | 125 | - | 125 | - | 125 |
| <u>Liabiliti Kewangan</u> | | | | | |
| Dana-dana dari BNM | 801,500 | - | 468,988 | - | 468,988 |
| Dana-dana dari Kerajaan | 150,342 | - | 117,055 | - | 117,055 |
| Saham keutamaan | 200,000 | - | 183,286 | - | 183,286 |
| Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS | 150,000 | - | 150,000 | - | 150,000 |
| Dana Pembiayaan Usahawan Kecil | 11,075 | - | 11,075 | - | 11,075 |

| Syarikat 31.12.2014 | Nilai bawaan RM'000 | Paras 1 RM'000 | Paras 2 RM'000 | Paras 3 RM'000 | Jumlah RM'000 |
|--------------------------------------|---------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|------------------|
| <u>Aset-Aset Kewangan</u> | | | | | |
| Pelaburan sekuriti: HTM | 90,572 | - | 88,001 | - | 88,001 |
| Simpanan tetap | 1,339,407 | - | 1,333,040 | - | 1,333,040 |
| Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan | 249,484 | - | 225,511 | - | 225,511 |
| Pinjaman daripada subsidiari | 3,841 | - | 3,707 | - | 3,707 |
| <u>Liabiliti Kewangan</u> | | | | | |
| Dana-dana dari BNM | 801,500 | - | 417,860 | - | 417,860 |
| Dana-dana dari Kerajaan | 150,342 | - | 103,506 | - | 103,506 |
| Saham keutamaan | 200,000 | - | 174,415 | - | 174,415 |
| Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS | 150,000 | - | 140,427 | - | 140,427 |
| Dana Pembiayaan Usahawan Kecil | 11,075 | - | 10,703 | - | 10,703 |

Selain daripada yang dinyatakan di atas, nilai saksama setiap aset dan liabiliti kewangan dinyatakan dalam kunci kira-kira pada tarikh laporan adalah pada anggaran nilai bawaan.

Anggaran nilai saksama ditentukan melalui pendekatan kaedah dan andaian seperti di bawah.

46. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Nilai saksama instrumen kewangan (sambungan)

Kesan daripada perubahan dalam andaian yang tidak boleh diawasi ke alternatif yang berkemungkinan berpatutan (sambungan)

Pelaburan sekuriti: HTM

Nilai saksama adalah anggaran yang munasabah berdasarkan sebut harga pasaran. Jika tiada sebut harga, nilai saksama adalah berdasarkan jangkaan aliran tunai daripada pasaran yang mempunyai instrumen yang sama pada tarikh laporan atau pada aset ketara bersih yang diaudit bagi syarikat yang melabur.

Simpanan tetap

Untuk simpanan tetap jangka pendek dengan bank dan institusi kewangan dengan tempoh matang kurang dari 12 bulan, jumlah nilai bawaan adalah anggaran yang munasabah pada nilai saksama.

Bagi jumlah dengan tempoh matang lebih daripada 12 bulan, nilai saksama telah dianggarkan dengan menggunakan rujukan kadar semasa di mana simpanan dan penempatan akan dibuat kepada bank-bank dengan penarafan kredit dan kematangan yang sama.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan pinjaman kepada subsidiari subsidiari

Nilai saksama bagi pinjaman kadar tetap adalah dikira menggunakan aliran tunai yang didiskaunkan berdasarkan kadar pasaran semasa jika pinjaman dan pendahuluan dengan penilaian kredit dan kematangan yang sama.

Nilai saksama bagi pinjaman dan pendahuluan rosot nilai, sama ada tetap atau terapung diwakili oleh nilai buku, ditolak peruntukan individu dan kolektif sebagai anggaran munasabah bagi nilai yang boleh diperolehi.

Dana-dana daripada BNM, dana-dana daripada Kerajaan, saham keutamaan, Skim Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS, Dana Pembiayaan Usahawan Kecil dan pinjaman terhutang terhadap kepentingan tidak dikawal

Keanggaran nilai saksama bagi dana-dana dan pinjaman-pinjaman dengan tempoh kematangan yang kurang daripada 12 bulan lebih kurang bersamaan dengan nilai bawaan. Bagi lain-lain dana dan pinjaman yang mempunyai kematangan lebih daripada 12 bulan, nilai saksama adalah dianggarkan berdasarkan aliran tunai yang didiskaunkan dengan menggunakan kadar pasaran untuk instrumen yang mempunyai profil risiko yang sama.

Lain-lain aset dan liabiliti

Nilai bawaan ditolak dengan mana-mana anggaran peruntukan bagi aset dan liabiliti kewangan termasuk dalam lain-lain aset dan liabiliti adalah diandaikan untuk membuat anggaran nilai saksama adalah tidak material untuk ditukarkan kepada kadar faedah pasaran.

(e) Risiko Operasi

Risiko Operasi adalah risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung akibat daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, manusia dan sistem, atau peristiwa luaran. Kumpulan dan Syarikat mengurangkan risiko operasi dengan mempunyai sistem kawalan dalaman dan prosedur yang menyeluruh yang dikacara semula secara berkala dan tertakluk kepada audit berkala oleh juruaudit dalaman.

47. PENGIMBANGAN ASET DAN LIABILITI KEWANGAN

Merujuk kepada MFRS 132 "Pembentangan: Instrumen Kewangan", Kumpulan dan Syarikat melaporkan aset dan liabiliti kewangan pada jumlah bersih dalam kunci kira-kira hanya jika terdapat hak undang-undang untuk menghapuskan amaun yang diiktiraf dan mempunyai niat untuk menyelesaikan secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Jadual di bawah menunjukkan kesan perkiraan penghasilan bersih pada:

- Semua aset dan liabiliti kewangan yang dilaporkan pada nilai bersih dalam kunci kira-kira; dan
- Semua aset dan liabiliti kewangan yang tertakluk kepada perkiraan penghasilan bersih atau perjanjian yang sama, tetapi tidak layak untuk kunci kira-kira.

Jadual di bawah mengenal pasti jumlah yang telah diimbangi dalam kunci kira-kira dan jumlah yang dilindungi oleh penghasilan bersih tetapi tidak layak berada dalam pengimbangan di bawah MFRS 132 yang dijelaskan di atas.

Jumlah bersih yang ditunjukkan di bawah tidak bertujuan untuk pendedahan sebenar risiko kredit bagi Kumpulan dan Syarikat

| Kumpulan/Syarikat 2015 | Jumlah kasar dalam aset kewangan yang diiktiraf RM'000 | Jumlah kasar dalam liabiliti kewangan diimbangi yang diiktiraf dalam kunci kira-kira RM'000 | Jumlah bersih dilaporkan dalam kunci kira-kira RM'000 |
|-------------------------------|--|---|--|
| Aset-aset kewangan | | | |
| Jumlah terhutang daripada BNM | - | - | - |
| Liabiliti kewangan | | | |
| Jumlah terhutang kepada BNM | 492 | - | 492 |
| Kumpulan/Syarikat 2014 | | | |
| Aset-aset kewangan | | | |
| Jumlah terhutang daripada BNM | 980 | (980) | - |
| Liabiliti kewangan | | | |
| Jumlah terhutang kepada BNM | 1,073 | (980) | 93 |

PENYATA LEMBAGA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, **DATO' AGIL NATT** dan **NADZIRAH ABDUL RASHID**, dua orang daripada Pengarah **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 291 hingga 398 telah disediakan dengan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2015 serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh yang tersebut berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 27 April 2016.



DATO' AGIL NATT
Pengerusi



NADZIRAH ABDUL RASHID
Pengarah

Kuala Lumpur
27 April 2016

PERAKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **SYED NAUFAL SHAHABUDIN SYED ABDUL JABBAR SHAHABUDIN**, pegawai yang bertanggungjawab di atas pengurus kewangan **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, dengan sesungguhnya dan jujur mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 291 hingga 398, pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan yang jujur ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia benar, dan menurut Akta Akaan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut)
di atas **SYED NAUFAL SHAHABUDIN SYED ABDUL**)
JABBAR SHAHABUDIN di Kuala Lumpur,)
Malaysia pada 27 April 2016)



**SYED NAUFAL SHAHABUDIN SYED ABDUL
JABBAR SHAHABUDIN**

Di hadapan saya



COMMISSIONER FOR OATHS



2-5-4, Menara KLH
(Business Centre)
No: 2, Jalan Kasipillay
Batu 2 1/2, Off Jalan Ipoh
51200 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 12441-M)

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD pada muka surat 291 hingga 398, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2015, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota penerangan lain, seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 hingga 47.

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Pengarah-pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Kami bertanggungjawab untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan kerja pengauditan kami. Kami telah menjalankan kerja-kerja audit berdasarkan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas dari salahnyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Kumpulan dan Syarikat dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah pada pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang benar dan saksama pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan mereka dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 1965, di Malaysia.

laporan juruaudit bebas

kepada ahli-ahli credit guarantee corporation malaysia berhad

LAPORAN TENTANG UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan wajar dan sempurna mengikut kehendak akta tersebut.
- b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.
- c) Laporan audit kami ke atas penyata kewangan subsidiari tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain di atas kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF 1146)
Akauntan Bertauliah



SOO HOO KHOON YEAN
(NO. 2682/10/17 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
27 April 2016



ADDITIONAL CORPORATE INFORMATION

MAKLUMAT KORPORAT TAMBAHAN

..... ◆

404

Board Charter
Piagam Lembaga Pengarah

418

Compliance Charter
Piagam Pematuhan

422

Branch Network
Jaringan Cawangan

425

Notice Of Annual General Meeting
Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Form Of Proxy
Borang Proksi

BOARD CHARTER

PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

1. INTRODUCTION

Overview

The Board of Directors ("Board") is accountable and responsible for the performance and affairs of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("Corporation"). The Board is expected to show good stewardship and act in a professional manner, as well as upholding the core values of integrity and enterprise with due regard to their fiduciary duties and responsibilities.

Purpose

The purpose of this Board Charter is to promote the highest standards of corporate governance within the Corporation and to set, inter alia, the duties, responsibilities and functions of the Board in accordance with the principles of good corporate governance.

Authority

The Board derives its authorities to act from the Memorandum and Articles of Association ("M&A") of the Corporation and the laws of Malaysia governing the Corporation.

2. BOARD OF DIRECTORS

Composition and Balance

- i) The number of Directors shall not be less than two (2) and shall not be more than twenty (20).
- ii) The Board should preferably be no larger than ten (10) Directors with minimum one third (1/3) Independent Non-Executive Directors and maximum two (2) Executive Directors.
- iii) The Board shall be led by a Chairman who must be a Non-Executive Director.
- iv) The post of Chairman and President/Chief Executive Officer shall be distinct and separate with a clear division of responsibilities.

1. PENGENALAN

Pendahuluan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan ke atas prestasi dan hal ehwal Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("Perbadanan"). Lembaga Pengarah diharapkan untuk menunjukkan kepimpinan yang baik dan bertindak dengan profesional serta mendukung nilai-nilai teras integriti dan perniagaan dengan mengambil kira tugas-tugas fidusiari dan tanggungjawab mereka.

Tujuan

Tujuan Piagam Lembaga Pengarah ini adalah untuk menggalakkan standard tadbir urus korporat tertinggi di dalam Perbadanan dan untuk menetapkan, antara lain, tanggungjawab dan fungsi Lembaga Pengarah bersesuaian dengan prinsip tadbir urus korporat yang baik.

Kuasa

Lembaga Pengarah memperoleh kuasa untuk bertindak dari Tatacara dan Tataurus ("M&A") Perbadanan dan undang-undang Malaysia yang mentadbir Perbadanan.

2. LEMBAGA PENGARAH

Komposisi dan Keseimbangan

- i) *Bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang dari dua (2) dan tidak lebih dari dua puluh (20).*
- ii) *Lembaga Pengarah sebaik-baiknya hendaklah tidak melebihi dari sepuluh (10) Pengarah dengan minimum sepertiga (1/3) daripadanya Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan maksimum dua (2) Pengarah Eksekutif.*
- iii) *Lembaga Pengarah hendaklah diterajui oleh seorang Pengerusi yang merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif.*
- iv) *Jawatan Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah berbeza dan berasingan dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas.*

- v) The Board shall comprise Directors with the mix of skills, backgrounds, academic qualifications and experience in the fields of:-
 - a) Banking, finance, accounting, legal, business management, information technology and investment management; and
 - b) Entrepreneurship, knowledge of target market/sector and socio-economic perspective and business development (including Small and Medium businesses).
- vi) A representative from the Association of Banks in Malaysia is required to be on the Board.
- vii) The Directors shall sit on the board of not more than 5 listed companies excluding the subsidiaries or the Corporation's subsidiaries and not more than 10 non-listed companies excluding family-owned companies.

Appointment Process, Qualification Criteria, Tenure and Re-Election

Appointment Process

- i) The Board has the power to appoint any person to be a Director, either to fill a casual vacancy or as an addition to the existing Directors. The new Director so appointed shall hold office until the Corporation's next General Meeting and shall be eligible for re-election.
- ii) A shareholder may nominate a person for appointment as Director for the consideration of the Board Nomination & Remuneration Committee ("BNRC").
- iii) BNRC shall be responsible for assessing the nominee(s) for directorship and Board Oversight Committees' memberships. BNRC shall thereupon submit its recommendation to the Board for decision.
- iv) Bank Negara Malaysia shall be informed accordingly of any appointment of a Director.

- v) *Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Pengarah-Pengarah dengan kemahiran, latarbelakang, kelayakan akademik dan pengalaman dalam bidang-bidang berikut :-*
 - a) *Perbankan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat dan pengurusan pelaburan; dan*
 - b) *Keusahawanan, berpengetahuan dalam pasaran/sector sasaran dan perspektif sosioekonomi serta pembangunan perniagaan (termasuklah perusahaan kecil dan sederhana).*
- vi) *Seorang wakil dari Persatuan Bank-Bank di Malaysia diperlukan untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah.*
- vii) *Pengarah-Pengarah hendaklah menjadi Ahli Lembaga Pengarah tidak lebih dari 5 syarikat tersenarai awam; tidak termasuk anak-anak syarikat tersenarai awam tersebut atau anak-anak syarikat Perbadanan dan tidak melebihi 10 syarikat yang tidak tersenarai awam; tidak termasuk syarikat milik keluarga.*

Proses Pelantikan, Kriteria Kelayakan, Tempoh Memegang Jawatan dan Pemilihan Semula

Proses Pelantikan

- i) *Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk melantik seseorang menjadi Pengarah, sama ada untuk memenuhi kekosongan biasa atau sebagai tambahan kepada Pengarah sedia ada. Pengarah yang baru dilantik akan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Perbadanan yang akan datang dan layak untuk pemilihan semula.*
- ii) *Pemegang saham boleh mencalonkan seseorang untuk dilantik sebagai Pengarah bagi pertimbangan Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan ("BNRC").*
- iii) *BNRC bertanggungjawab untuk menilai calon-calon Pengarah dan keanggotaan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah. BNRC kemudian akan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan.*
- iv) *Bank Negara Malaysia akan dimaklumkan mengenai sebarang pelantikan baru Pengarah.*

Qualification Criteria

- i) The qualification criterion for the appointment of Director shall be governed by the Companies Act 1965, the Corporation's Articles of Association and the criteria set under Corporation's Guideline on Appointment of the Board of Directors.

Tenure

- i) The length of service for each term shall not exceed three (3) years and the Directors can be re-appointed subject to Shareholders' approval at the General Meeting.
- ii) The entire term of service for a Director shall not exceed three (3) terms or nine (9) years in total. This requirement is only applicable to the Independent Directors. In the event that the service of an Independent Director is to be further extended, the same shall be subjected to Board's recommendation and the Shareholders' approval at the General Meeting respectively.

For avoidance of doubt, this provision shall not be applicable to the President/Chief Executive Officer.

Re-Election

- i) The re-election of Directors shall take place each year at the Annual General Meeting of the Corporation where one third (1/3) of the Directors, or, if their number is not three (3) or a multiple of three (3), then the number nearest to one third (1/3) shall retire from office and the retiring Directors are eligible for re-election.

Others

- i) The Board will be guided on other matters relating to Directors as set under the Corporation's Guideline on Appointment of the Board of Directors which may be amended from time to time.

Kriteria Kelayakan

- i) *Kriteria kelayakan bagi pelantikan seorang Pengarah adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tataurus Perbadanan dan kriteria yang termaktub di bawah Garispanduan Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan.*

Tempoh

- i) *Tempoh perkhidmatan bagi setiap penggal hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun dan Pengarah-Pengarah boleh dilantik semula tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham semasa Mesyuarat Agung.*
- ii) *Penggal keseluruhan perkhidmatan seorang Pengarah hendaklah tidak melebihi tiga (3) penggal atau sembilan (9) tahun secara keseluruhannya. Syarat ini hanyalah digunakan untuk Pengarah Bebas. Bila mana perkhidmatan seseorang Pengarah Bebas perlu dilanjutkan lagi, pelantikan pengarah tersebut akan bergantung kepada cadangan Lembaga Pengarah dan kelulusan pemegang-pemegang saham semasa Mesyuarat Agung.*

Bagi mengelakkan kekeliruan, peruntukan ini tidak digunakan kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.

Pelantikan Semula

- i) *Pelantikan semula Pengarah-Pengarah hendaklah dilakukan setiap tahun di Mesyuarat Agung Tahunan Perbadanan di mana sepertiga (1/3) dari Pengarah-Pengarah, atau, jika bilangannya bukan tiga (3) atau berganda tiga (3), maka bilangan paling hampir kepada sepertiga (1/3) akan bersara dan Pengarah-Pengarah yang akan bersara dari pejabat adalah layak untuk pemilihan semula.*

Lain-lain

- i) *Lembaga Pengarah akan berpandukan kepada perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pengarah-Pengarah sebagaimana termaktub di bawah Garispanduan Pelantikan Lembaga Pengarah Perbadanan di mana ia boleh dipinda dari masa ke semasa.*

Directors Training Program

- i) The Directors are required to attend Directors Training Program which consists of:-
 - a) In-house Induction Sessions; and
 - b) Continuous Learning and Development Program ("CLDP").
- ii) Each newly appointed Director will undergo the In-House Induction Sessions which aims at communicating to the newly appointed Directors, the Corporation's vision and mission, the philosophy and nature of the business, current issues within the Corporation, the corporate strategy and the expectations of the Corporation.
- iii) During the directorship tenure, the Directors will participate in the CLDP which aims to provide continuous training for the Directors in order to keep abreast with latest developments in the DFI's industry.
- iv) The Board will assess further training needs for the Directors on an on-going basis.

Effectiveness Evaluation

- i) The BNRC is empowered by the Board to conduct the annual assessment on the performance of each Director.
- ii) The results on the BNRC assessments will be reported to the Board and the BNRC recommendation will be taken into account by the Board in determining its assessment of the Directors to stand for re-appointment/re-election at the next General Meeting.

Remuneration

- i) The suitable remuneration for the Directors shall be assessed and recommended by the BNRC.
- ii) The Directors shall be entitled to traveling, hotel and other expenses as may reasonable be incurred by the Directors in the execution of the duties including any such expenses incurred in connection with the Directors attendance at the Board of Directors Meetings.

Program Latihan Pengarah

- i) Para Pengarah dihendaki untuk menghadiri Program Latihan Pengarah yang terdiri daripada:-
 - a) Sesi Induksi Dalaman; dan
 - b) Program Pembangunan dan Pembelajaran Berterusan ("CLDP").
- ii) Setiap Pengarah yang baru dilantik akan melalui Sesi Induksi Dalaman yang bertujuan untuk memaklumkan kepada Pengarah-Pengarah yang baru dilantik tentang misi dan visi Perbadanan, falsafah dan urusan perniagaan, isu-isu semasa di dalam Perbadanan, strategi korporat dan harapan Perbadanan.
- iii) Sepanjang tempoh perkhidmatan Pengarah, para Pengarah akan mengambil bahagian dalam CLDP yang bermatlamat untuk memberikan latihan berterusan kepada para Pengarah untuk mengikuti perkembangan terkini dalam industri DFI.
- iv) Lembaga Pengarah akan seterusnya menilai keperluan latihan Pengarah-Pengarah dari masa ke semasa.

Penilaian Keberkesanan

- i) BNRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menjalankan penilaian tahunan ke atas prestasi setiap Pengarah.
- ii) Keputusan penilaian BNRC akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan cadangan BNRC akan diambilkira oleh Lembaga Pengarah dalam menentukan penilaian para Pengarah yang akan dilantik/dipilih semula semasa Mesyuarat Agung akan datang.

Imbuan

- i) Imbuan yang bersesuaian untuk Pengarah-Pengarah akan dinilai dan dicadangkan oleh BNRC.
- ii) Pengarah-Pengarah berhak untuk menuntut perbelanjaan perjalanan, hotel dan lain-lain perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung oleh para Pengarah dalam melaksanakan tugas-tugas termasuklah apa-apa perbelanjaan berkaitan kehadiran para Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah.

- iii) Special remuneration, in addition to the Director's ordinary remuneration (by way of salary, commission, participation in profits or otherwise) may be granted in the event that the Director is required to perform or render any special duties or services outside his ordinary duties as a Director.
- iv) The remuneration of the Directors shall from time to time be determined by the Corporation in General Meeting.

3. PRINCIPAL ROLES AND RESPONSIBILITIES

Board of Directors

- i) Pursuant to the Articles of Association, in general the business of the Corporation shall be managed by the Board.
- ii) Except for matters which require the approval from the Corporation's Shareholders, the Board may exercise all such powers of the Corporation and do on behalf of the Corporation or such acts as may be exercised and done by the Corporation.
- iii) The Board's stewardship responsibilities shall be discharged based on the following roles and responsibilities:-
 - a) Contribute in developing corporate strategy and setting of targets;
 - b) Uphold a strong corporate performance management approach;
 - c) Oversee development of the Corporation's future leaders and human capital;
 - d) Understand and manage the Corporation's risks;
 - e) Adopt shareholders' perspective when making decisions;
 - f) Balance valid stakeholders' interests; and
 - g) Performing such other functions as prescribed by law.

- iii) *Imbuan khas, sebagai tambahan kepada saraan biasa Pengarah (iaitu gaji, komisyen, penyertaan dalam keuntungan atau sebaliknya) akan diberikan sekiranya Pengarah tersebut dikehendaki untuk melaksanakan atau membuat sebarang tugas khas atau perkhidmatan diluar dari tugas biasa sebagai seorang Pengarah.*
- iv) *Imbuan para Pengarah hendaklah dari masa ke semasa ditentukan oleh Perbadanan dalam Mesyuarat Agung.*

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

Lembaga Pengarah

- i) *Menurut Tataurus Perbadanan, secara amnya perniagaan Perbadanan akan diuruskan oleh Lembaga Pengarah.*
- ii) *Kecuali urusan-urusan yang memerlukan kelulusan dari para pemegang saham Perbadanan, Lembaga Pengarah boleh melaksanakan segala kuasa Perbadanan dan melaksanakan sesuatu bagi pihak Perbadanan atau apa-apa tindakan sebagaimana yang perlu dilaksanakan dan dilakukan oleh Perbadanan.*
- iii) *Lembaga Pengarah hendaklah menunaikan tanggungjawab pengawasan berdasarkan peranan-peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab berikut:-*
 - a) *Menyumbang kepada pembangunan strategi korporat dan penetapan matlamat/sasaran;*
 - b) *Mendukung pendekatan pengurusan prestasi yang kukuh;*
 - c) *Memantau pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan Perbadanan;*
 - d) *Memahami dan menguruskan risiko Perbadanan;*
 - e) *Menerimapakai perspektif pemegang saham semasa membuat keputusan;*
 - f) *Mengimbangi kepentingan pihak-pihak berkepentingan yang sah; dan*
 - g) *Melaksanakan lain-lain fungsi yang ditetapkan oleh undang-undang.*

- iv) Certain specific matters are designated as Reserved Matters whereby the decision making shall be under the sole discretions and responsibilities of the Board. Unless otherwise restricted by the Companies Act 1965 or the Corporation's Articles of Association, nothing herein shall restrict the Board from delegating at any time, the Reserved Matters or specific decision making responsibilities to Board Oversight Committees, individual Directors or the Management.
- v) The details of the Reserved Matters are as attached under Appendix A herewith.

Chairman

- i) The Chairman is responsible for the overall leadership and efficient functioning of the Board.
- ii) The key roles of the Chairman, inter alia are as follows:
 - a) Ensuring that the Board functions effectively, cohesively and independently of Management;
 - b) Providing governance in matters requiring corporate justice and integrity;
 - c) Leading the Board, including presiding over the Board of Directors Meetings and the Corporation's General Meetings and directing the Board discussions to effectively use the time available to address the critical issues facing the Corporation;
 - d) Promoting constructive and respectful relationship among each Director and between the Board and the Management; and
 - e) Ensuring that there are effective communications between the Corporation and/or its subsidiaries and its shareholders and/or relevant stakeholders.

- iv) *Beberapa perkara khusus telah ditetapkan sebagai Perkara Khas dimana keputusan yang dibuat hendaklah hanya dibawah pertimbangan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah. Melainkan ianya dihadkan oleh Akta Syarikat 1965 atau Tataurus Perbadanan, tiada yang terkandung dalam piagam ini akan menghadkan Lembaga Pengarah untuk mewakili tanggungjawab bagi membuat Perkara Khas atau sebarang keputusan khusus kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga, Pengarah individu atau Pengurusan dari masa ke semasa.*
- v) *Butiran Perkara Khas adalah seperti yang dilampirkan di Lampiran A.*

Pengerusi

- i) *Pengerusi bertanggungjawab untuk memimpin dan memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan efisien.*
- ii) *Peranan utama Pengerusi, antara lain adalah seperti berikut:*
 - a) *Memastikan Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan, bersepadu dan bebas dari Pengurusan;*
 - b) *Membimbing pemerintahan hal-hal yang memerlukan keadilan dan integriti korporat;*
 - c) *Memimpin Lembaga Pengarah, termasuk mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Perbadanan serta memimpin perbincangan-perbincangan Pengarah agar menggunakan masa yang ada dengan berkesan untuk membincangkan isu-isu kritikal yang dihadapi oleh Perbadanan;*
 - d) *Menggalakkan hubungan yang konstruktif dan saling menghormati di antara Ahli Lembaga Pengarah dan bersama dengan Pengurusan; dan*
 - e) *Memastikan terdapatnya komunikasi yang berkesan di antara Perbadanan dan/ atau anak-anak syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya dan/atau pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.*

President/Chief Executive Officer

- i) The President/Chief Executive Officer is responsible to the Board for the day-to-day management of the Corporation.
- ii) The key roles of the President/Chief Executive Officer, inter alia are as follows: -
 - a) Executing the strategic direction of the Corporation as set by the Board;
 - b) Ensuring that the Corporation businesses are properly and efficiently managed by ensuring that the executive team implements the policies and strategies adopted by the Board and Board Oversight Committees;
 - c) Ensuring that the objectives and standards of performance are understood by the Management and employees; and
 - d) Ensuring that the operational planning and control systems are in place, monitoring performance results against plans and where necessary, taking remedial action.

4. PROCESS OF BOARD

Board of Directors Meeting

- i) The Directors may meet together for the dispatch of business, adjourn and otherwise regulate the meetings as the Board thinks fit.
- ii) The Board will be guided by the Terms of Reference for the Board of Directors Meeting.
- iii) Reserved Matters, all strategic decisions and investments decisions are made at Board of Directors Meetings after due processes, discussions and deliberations.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif

- i) *Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pengurusan harian Perbadanan.*
- ii) *Peranan utama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, antara lain adalah seperti berikut:*
 - a) *Melaksanakan halatuju strategik Perbadanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah;*
 - b) *Memastikan perniagaan Perbadanan diuruskan dengan betul dan cekap dengan memastikan kumpulan eksekutif melaksanakan polisi dan strategi yang diterimapakai oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah;*
 - c) *Memastikan objektif dan standard prestasi difahami oleh Pengurusan dan warga kerja; dan*
 - d) *Memastikan perancangan operasi dan sistem kawalan telah tersedia, memantau keputusan prestasi berbanding perancangan dan di mana perlu, mengambil langkah-langkah tindakan pemulihan.*

4. PROSES LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah

- i) *Para Pengarah boleh berhimpun untuk menjalankan tugas, bersurai dan mengawalselia mesyuarat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah.*
- ii) *Lembaga Pengarah akan berpandu kepada Terma-terma Rujukan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah.*
- iii) *Perkara Khas, semua keputusan strategik dan pelaburan dibuat di Mesyuarat Lembaga Pengarah selepas melalui proses-proses yang perlu, perbincangan dan pertimbangan.*

Circular Resolution

- i) In between the Board of Directors Meetings, approvals on urgent or important business matters requiring the sanction of the Board could be made by way of Circular Resolution enclosing all relevant information to enable the Board to make informed decisions.
- ii) The Circular Resolution in writing duly executed by ALL Board Members shall be as effective for all purposes as a resolution passed at Board of Directors Meeting duly convened, held and constituted.

Independent Advice

- i) The Board may seek independent advice and information in the furtherance of their duties at the Corporation's expense, so as to ensure the Directors are able to make independent and informed decisions.

5. POWER OF DELEGATION

Unless otherwise restricted under the law or the Corporation's Articles of Association, nothing herein shall restrict the Board from delegating specific responsibilities to Board Oversight Committees, individual Directors, the Management or any person.

Board Oversight Committees

- i) The following Board Oversight Committees are established to assist Board in carrying out its responsibilities:-
 - a) Governance and Audit Committee;
 - b) Risk Management Committee;
 - c) Investment Committee;
 - d) Nomination and Remuneration Committee; and
 - e) Bumiputra Development Committee.

Resolusi Pekeliling

- i) *Di antara Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah, urusan-urusan perniagaan yang penting atau yang memerlukan kelulusan segera Lembaga Pengarah boleh dicapai melalui Resolusi Pekeliling dengan sisipan semua maklumat yang relevan bagi membolehkan Lembaga membuat keputusan yang jitu/tepat.*
- ii) *Resolusi Pekeliling bertulis yang ditandatangani oleh semua Ahli Lembaga Pengarah adalah efektif untuk semua tujuan sebagaimana resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah fizikal yang diadakan.*

Nasihat Bebas

- i) *Lembaga Pengarah boleh mendapatkan nasihat dan maklumat dari pihak-pihak yang bebas dalam melaksanakan tugas bagi pihak Perbadanan untuk memastikan para Pengarah membuat keputusan yang bebas, tepat dan jitu.*

5. KUASA MEWAKILKAN

Kecuali dihadkan oleh undang-undang atau Tataurus Perbadanan, tiada yang terkandung di dalam Piagam ini akan menghadkan Lembaga Pengarah untuk mewakilkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, para Pengarah, Pengurusan atau orang perseorangan.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah

- i) *Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah berikut ditubuhkan bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan tanggungjawabnya:-*
 - a) *Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit;*
 - b) *Jawatankuasa Pengurusan Risiko;*
 - c) *Jawatankuasa Pelaburan;*
 - d) *Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan; dan*
 - e) *Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera.*

- ii) The Board Oversight Committees operate within clearly defined roles and responsibilities as set out in the Terms of Reference of each of the Committees.
- iii) The Board Oversight Committees report to the Board on their deliberations, findings and recommendations. The Chairmen of the Board Oversight Committees report to the Board on matters dealt with at their respective Board Oversight Committees Meetings.
- iv) Minutes of the Board Oversight Committees Meetings are presented at the Board of Directors Meetings for further discussion and direction.
- v) While these Board Oversight Committees have the authority to deliberate on matters delegated to them, all decisions and/or recommendations made by these Committees will be brought to the attention of the Board, who is collectively responsible for the Corporation's success, business, strategy, risk management, operational and financial performance.
- vi) The Board may from time to time establish any other committees or ad hoc committees to delegate specific functions as it considers necessary or expedient.

Management

- i) Board may delegate its power or function to the Management through appropriate manual of delegations or manual of authorities.
- ii) However, ultimate responsibility for strategy and control rests with the Directors as guided by the President/Chief Executive Officer.
- iii) The Board will be supplied by the Management with information in a form, timeframe and quality that will enable the Board to discharge its duties effectively.

- ii) *Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah menjalankan tugas mengikut peranan dan tanggungjawab yang jelas sebagaimana termaktub dalam Terma-terma Rujukan setiap Jawatankuasa.*
- iii) *Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga Pengarah berhubung perbincangan, penemuan dan cadangan. Pengerusi - Pengerusi Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah melapor kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dibincangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak masing-masing.*
- iv) *Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ini akan dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan tindakan lanjut.*
- v) *Walaupun Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah ini mempunyai kuasa untuk membincangkan perkara-perkara yang diwakilkan kepada mereka, semua keputusan dan/atau cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa ini akan dibawa kepada perhatian Lembaga Pengarah yang secara kolektifnya bertanggungjawab terhadap kejayaan, perniagaan, strategi, pengurusan risiko, operasi dan prestasi kewangan Perbadanan.*

- vi) *Lembaga Pengarah dari masa ke semasa akan menubuhkan lain-lain jawatankuasa atau jawatankuasa ad hoc untuk melaksanakan peranan khusus jika dirasakan perlu atau bermanfaat.*

Pengurusan

- i) *Lembaga Pengarah boleh mewakilkan kuasa dan fungsinya kepada Pengurusan melalui manual perwakilan atau manual kuasa.*
- ii) *Walau bagaimanapun, tanggungjawab utama dalam penetapan strategi dan kawalan Perbadanan adalah pada para Pengarah berdasarkan cadangan daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.*
- iii) *Lembaga Pengarah akan disalurkan dengan maklumat/informasi yang berkualiti oleh Kumpulan Pengurusan secara berkala agar Lembaga Pengarah boleh melaksanakan tugasnya dengan berkesan.*

- iv) The Board is entitled to request any additional information at any time as it may deemed necessary.

Power of Attorney, Corporate Representative and Proxy

- i) The Board may by Deed of Power of Attorney, Certificate or Proxy Form appoints any Corporation, firm, person or body of persons to be the attorney, corporate representative or proxy of the Corporation.
- ii) The appointment of attorney, corporate representative or proxy could be made for such purposes and with such powers, authorities and discretions which do not exceed those vested in or exercisable by the Board under the Articles of Association and for such period and subject to such conditions as the Board may think fit.

6. DUTY OF CARE, BUSINESS JUDGMENT AND RELIANCE ON INFORMATION

- i) The Board shall at all times exercise the powers for a proper purpose and in good faith in the best interest of the Corporation.
- ii) Each Director shall exercise reasonable care, skill and diligence with the knowledge, skill and experience which may reasonably be expected of a Director having the same responsibilities; and any additional knowledge, skill and experience which the said Director in fact has.
- iii) Each Director who makes a business judgment is deemed to meet the requirements of the duty as aforesaid and the equivalent duties under the common law and in equity if the said Director:
 - a) Makes the business judgment in good faith for a proper purpose;
 - b) Does not have a material personal interest in the subject matter of the business judgment;

- iv) Lembaga Pengarah berhak meminta sebarang maklumat tambahan pada bila-bila masa dirasakan perlu.

Surat Kuasa Wakil, Wakil Korporat dan Proksi

- i) Lembaga Pengarah dibenarkan melalui Surat Kuasa Wakil, Sijil atau Borang Proksi melantik mana-mana perbadanan, firma, orang perseorangan atau sekumpulan orang untuk menjadi wakil, wakil korporat atau proksi bagi pihak Perbadanan.
- ii) Pelantikan wakil, wakil korporat atau proksi boleh dibuat untuk maksud tertentu dimana kuasa dan pertimbangan tersebut tidak melebihi kuasa dan pertimbangan yang boleh dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah di bawah Tataurus Perbadanan dan pelantikan tersebut adalah untuk jangka masa tertentu serta Lembaga Pengarah boleh meletakkan syarat-syarat yang perlu pada pelantikan tersebut.

6. KEWAJIPAN BERHATI-HATI, PERTIMBANGAN PERNIAGAAN DAN KEBERGANTUNGAN KEPADA MAKLUMAT

- i) Lembaga Pengarah hendaklah pada setiap masa menggunakan kuasanya untuk tujuan yang wajar dengan ikhlas dan dengan kepentingan terbaik untuk Perbadanan.
- ii) Setiap Pengarah akan melaksanakan tugas dengan berhati-hati, berkemahiran serta tekun dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diharapkan dari seorang Pengarah yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan sebarang pengetahuan tambahan, kemahiran dan pengalaman yang dipunyai oleh Pengarah tersebut.
- iii) Setiap Pengarah yang membuat pertimbangan perniagaan perlulah memenuhi keperluan tugas sebagaimana yang telah dinyatakan dan tugas-tugas yang berpadanan di bawah undang-undang am dan adil jika Pengarah tersebut:
 - a) Membuat pertimbangan perniagaan dengan ikhlas untuk tujuan yang wajar;
 - b) Tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam perkara yang berkaitan dengan pertimbangan perniagaan;

- c) Is informed about the subject matter of the business judgment to the extent the Director reasonably believes to be appropriate under the circumstances; and
 - d) Reasonably believes that the business judgment is in the best interest of the Corporation.
- iv) A Director in exercising the duties may rely on information, professional or expert advice, opinions, reports or statements including financial statements and other financial data, prepared, presented or made by:
- a) Any officer of the Corporation (or its related companies) whom the Director believes on reasonable grounds to be reliable and competent in relation to the matters concerned;
 - b) Any other person retained by the Corporation as to matters involving skills or expertise in relation to matters that the Director believes on reasonable grounds to be within the person's professional or expert competence;
 - c) Another Director in relation to matters within the said Director's authority; or
 - d) Any Board Oversight Committees of which the Director does not serve in relation to matters within the said Committees' authorities.
- v) A Director's reliance on information provided by others is deemed to be made on reasonable grounds if it was made in good faith and after making an independent assessment of the information or advice, opinions, reports or statements, including financial statements and other financial data, having regard to the Director's knowledge of the Corporation and the complexity of the structure and operation of the Corporation.

7. GENERAL MEETINGS

- i) An Annual General Meeting ("AGM") shall be held once in a calendar year at such time (not being more than fifteen months after the holding of the last preceding General Meeting) and at such venue as may be determined by the Board.

- c) *Dimaklumkan mengenai perkara berkaitan pertimbangan perniagaan sehingga Pengarah mempercayai dengan munasabah bahawa ianya wajar di lakukan dalam keadaan tertentu; dan*
 - d) *Mempercayai dengan wajar bahawa pertimbangan perniagaan tersebut adalah demi kepentingan terbaik Perbadanan.*
- iv) *Pengarah yang melaksanakan tugas bergantung kepada maklumat, nasihat profesional atau pakar, pendapat, laporan atau penyata termasuk penyata kewangan atau lain-lain data kewangan yang disedia, dibentang atau dibuat oleh:*
- a) *Mana-mana pegawai Perbadanan (atau Syarikat berkaitan) di mana Pengarahnya percaya dengan sebab yang munasabah sebagai boleh dipercayai dan cekap dalam perkara berkenaan;*
 - b) *Mana-mana orang perseorangan yang dikekalkan oleh Perbadanan di mana ia melibatkan kemahiran atau kepakaran yang berkaitan dan Pengarah percaya dengan munasabah bahawa ia adalah kecekapan atau kepakaran orang tersebut;*
 - c) *Pengarah lain dalam perkara yang berkaitan dengan kuasa Pengarah tersebut; atau*
 - d) *Sebarang Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak di mana Pengarah tidak berkhidmat dalam perkara dalaman kuasa Jawatankuasa tersebut.*
- v) *Kebergantungan Pengarah kepada maklumat yang dibekalkan oleh orang lain adalah dianggap dibuat atas dasar yang munasabah jika dibuat dengan ikhlas dan selepas membuat penilaian bebas ke atas maklumat atau nasihat, pendapat, laporan atau penyata termasuk penyata kewangan dan lain-lain data kewangan, dengan mengambilkira pengetahuan Pengarah tentang Perbadanan dan struktur kompleks serta operasi Perbadanan.*

7. MESYUARAT AGUNG

- i) *Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") akan diadakan sekali dalam tahun kalendar pada suatu masa (tidak lebih dari 15 bulan selepas mengadakan Mesyuarat Agung terdahulu) dan pada suatu tempat yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.*

- ii) The Board shall have the right to call for Extraordinary General Meeting (“EGM”) either on its own initiative or as per requisition by Shareholders to decide on any special or urgent matters requiring immediate attention of the Corporation.

8. CONFIDENTIALITY AND DISCLOSURE OF INTEREST

- i) The Directors are required to act in the best interests of the Corporation and shall undertake the duty of confidentiality in relation to the Corporation’s confidential information.
- ii) A Director shall disclose to the Board:
 - a) Any personal/family interest in a matter which relates to the affairs of the Corporation; and
 - b) Any other interest (direct or indirect) which is appropriate to be disclosed in order to avoid any conflict of interest or the perception of a conflict of interest.

9. ETHICS AND COMPLIANCE

- i) The Directors shall observe the Corporation’s Code of Corporate Governance including any amendments made thereafter.

10. BOARD CHARTER REVIEW

- i) The Board Charter was adopted by the Board on 10th December 2013 and shall be effective commencing from 1st January 2014. Any subsequent amendment to the Board Charter can be made via approval by the Board.
- ii) The Board Charter would be periodically reviewed and updated in accordance with the needs of the Corporation and any new laws or regulations that may have an impact on the discharge of the Board’s duties and/or responsibilities.

- ii) Lembaga Pengarah berhak untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (“EGM”) sama ada atas inisiatif sendiri atau sebagaimana yang diminta oleh pemegang saham untuk membuat keputusan mengenai sebarang perkara khusus atau mustahak yang memerlukan perhatian segera Perbadanan.

8. KERAHSIAAN DAN PENYATAAN KEPENTINGAN

- i) Para Pengarah adalah dikehendaki untuk bertindak atas kepentingan terbaik Perbadanan dan berakujanji akan kerahsiaan berkaitan maklumat sulit/rahsia Perbadanan.
- ii) Pengarah akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah:
 - a) Sebarang kepentingan peribadi/keluarga dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Perbadanan; dan
 - b) Lain-lain kepentingan (langsung atau tidak langsung) di mana bersesuaian untuk dinyatakan dengan tujuan untuk mengelak sebarang konflik kepentingan atau persepsi konflik kepentingan.

9. ETIKA DAN PEMATUHAN

- i) Pengarah dikehendaki mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Perbadanan termasuklah sebarang pindaan yang dibuat seterusnya.

10. KAJIAN SEMULA PIAGAM LEMBAGA PENGARAH

- i) Piagam Lembaga Pengarah telah diterimapakai oleh Lembaga Pengarah pada 10 Disember 2013 dan berkuatkuasa dari 1 Januari 2014. Sebarang pindaan seterusnya ke atas Piagam Lembaga Pengarah boleh dibuat melalui kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii) Piagam Lembaga Pengarah akan dikaji semula secara berkala dan dikemaskini bersesuaian dengan keperluan Perbadanan dan sebarang undang-undang baru atau peraturan yang mungkin mempunyai impak kepada tugas dan/atau tanggungjawab Lembaga Pengarah.

| RESERVED MATTERS | |
|-----------------------------|---|
| Conduct of the Board | |
| 1. | Appointment and recommendation for removal of Director. |
| 2. | Appointment and removal of Company Secretary. |
| 3. | Appointment of Board Oversight Committees' members. |
| 4. | Approval of terms of reference of Board Oversight Committees' and amendments to such terms. |
| 5. | Appointment of Chief Executive Officer and/or Executive Directors of the Corporation and their duties and the continuation (or not) of their service. |
| 6. | Recommendation on the appointment of external auditors and their related audit fees. |
| Remuneration | |
| 7. | Approval/recommendation of the Directors' fee/remuneration arrangements for Non-Executive Directors. |
| 8. | Approval of the remuneration packages, structure and policy for Chief Executive Officer and/or Executive Directors. |
| Operational | |
| 9. | Approval of business strategy and operational plan and annual budget. |
| 10. | Ongoing review of performance against business strategy and group operational plan, including monitoring of key risks and risk management policies and actions. |
| 11. | Approval of capital expenditure above the Approving Authority Limit as may be determined from time to time. |
| 12. | Approval of bad debts write-off in excess of the prescribed amount as may be determined from time to time. |
| 13. | Approval of investment or divestment in a company / business / property / undertaking. |
| 14. | Approval of investment or divestment of a capital project which represents a significant diversification from the existing business activities. |
| 15. | Approval of changes in the major activities of the Corporation or Group. |
| 16. | Approval of investment policies and bank mandate. |
| 17. | Approval of the Authorized Signatories and Approving Limits of Authority for the Corporation. |
| 18. | Review and approve the Board Oversight Committees' recommendations. |
| Financial | |
| 19. | Approval of interim and annual financial statements. |
| 20. | Approval for the release of financial announcements. |
| 21. | Approval of the Annual Directors' Report, Statutory Accounts and Corporate Governance Statement. |
| 22. | Approval of interim dividends, the recommendation of final dividends and the making of any other distribution. |
| 23. | Adoption of accounting policies. |
| 24. | Review the effectiveness of the Corporation's system of internal control. |
| Other Matters | |
| 25. | The granting of powers of attorney and the appointment, resignation or removal of the corporate representative or proxy by the Corporation. |
| 26. | The entering into / undertaking of major debt or guarantee schemes / instruments. |
| 27. | Recommendations for the alteration of the Memorandum and/or Articles of Association of the Corporation. |
| 28. | Alteration of the accounting reference date, registered office and name of the Corporation. |
| 29. | Allotment, issuance, registration or any matters related to the shares of the Corporation. |
| 30. | Scheme of reconstruction or restructuring. |
| 31. | Approve, develop and/or implement all the presentation, report or any material shareholder communications for the Corporation. |
| 32. | Any other significant business decision. |
| 33. | Any other matter requiring the convening of a general meeting of shareholders or any class of shareholders. |
| 34. | Any other significant matters as may be required by the laws or the governing authorities. |
| 35. | Any other matters requiring the Board's approval under the Approving Limits of Authority of the Corporation. |

LAMPIRAN A

| PIAGAM PERLEMBAGAAN | |
|--------------------------------|--|
| Urusan Lembaga Pengarah | |
| 1. | Pelantikan dan pengesyoran bagi penyingkiran Pengarah. |
| 2. | Pelantikan dan penyingkiran Setiausaha Syarikat. |
| 3. | Pelantikan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah. |
| 4. | Kelulusan terma-terma rujukan bagi Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan pindaan kepada terma-terma tersebut. |
| 5. | Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah-Pengarah Eksekutif Perbadanan dan tugas-tugas mereka dan lanjutan (atau tidak) khidmat mereka. |
| 6. | Pengesyoran bagi pelantikan juruaudit luar dan bayaran fi audit yang berkaitan. |
| Ganjaran | |
| 7. | Kelulusan / pengesyoran bagi aturan fi / gaji Pengarah untuk Pengarah Bukan Eksekutif. |
| 8. | Kelulusan pakej ganjaran, struktur dan polisi untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan/atau Pengarah-Pengarah Eksekutif. |
| Operasi | |
| 9. | Kelulusan strategi perniagaan dan pelan pengendalian dan belanjawan tahunan. |
| 10. | Ulasan penilaian secara berterusan terhadap strategi perniagaan dan pelan pengendalian berkumpulan, termasuk memantau risiko-risiko utama dan polisi-polisi dan tindakan-tindakan pengurusan risiko. |
| 11. | Kelulusan penggunaan modal atas Had Kelulusan Pihak Berkuasa yang akan ditentukan dari masa ke masa. |
| 12. | Kelulusan untuk menghapus-kira hutang lapuk dalam lebihan amaun yang ditetapkan yang akan ditentukan dari masa ke masa. |
| 13. | Kelulusan bagi pelaburan atau penjualan dalam syarikat/ perniagaan/ hartanah/ aku janji. |
| 14. | Kelulusan bagi pelaburan atau penjualan modal projek yang mewakili kepelbagaian yang ketara dari aktiviti perniagaan yang sedia ada. |
| 15. | Kelulusan untuk perubahan besar bagi aktiviti-aktiviti Perbadanan atau Kumpulan. |
| 16. | Kelulusan untuk polisi-polisi pelaburan dan mandat bank. |
| 17. | Kelulusan untuk Penandatanganan Dibenarkan dan Had Meluluskan Pihak Berkuasa bagi Perbadanan. |
| 18. | Mengkaji dan meluluskan syor Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah. |
| Kewangan | |
| 19. | Kelulusan Penyata Kewangan Tahunan dan Interim. |
| 20. | Kelulusan untuk mengeluarkan pengumuman kewangan. |
| 21. | Kelulusan untuk Laporan Tahunan Pengarah, Akaun Berkanun dan Penyata Tadbir Urus Korporat. |
| 22. | Kelulusan untuk dividen-dividen interim, pengesyoran dividen akhir dan lain-lain pengagihan. |
| 23. | Penerimaan polisi-polisi perakaunan. |
| 24. | Mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Perbadanan. |
| Perkara-perkara lain | |
| 25. | Pemberian surat kuasa wakil dan pelantikan, perletakan jawatan atau penyingkiran wakil korporat atau proksi Perbadanan. |
| 26. | Memasuki / mengaku janji hutang utama atau skim jaminan / instrumen. |
| 27. | Pengesyoran untuk pindaan Tatawujud dan Tataurus Perbadanan. |
| 28. | Pindaan tarikh rujukan akaun, pejabat berdaftar dan nama Perbadanan. |
| 29. | Peruntukan, pengeluaran, pendaftaran atau lain-lain perkara berkaitan dengan syer Perbadanan. |
| 30. | Skim pembinaan semula atau penstrukturan. |
| 31. | Meluluskan, membangunkan dan/atau melaksanakan semua penyampaian, laporan atau apa-apa material komunikasi pemegang saham untuk Perbadanan. |
| 32. | Apa-apa keputusan utama perniagaan. |
| 33. | Perkara-perkara lain yang memerlukan persidangan mesyuarat agung pemegang-pemegang saham atau mana-mana kelas pemegang saham. |
| 34. | Perkara-perkara utama lain yang perlu dari segi undang-undang atau pihak berkuasa. |
| 35. | Perkara-perkara lain yang memerlukan kelulusan Lembaga di bawah Had Kelulusan Pihak Berkuasa. |

COMPLIANCE CHARTER

PIAGAM PEMATUHAN

1. OVERVIEW

1.1 Introduction

The Board of Directors ("Board") is accountable and responsible for the performance and affairs of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("Corporation").

The Corporation's corporate culture emphasizes standards of honesty and integrity to which the Senior Management will lead by example and shall ensure the effective management of compliance of the Corporation. Within the Corporation, compliance starts at the top and forms an integral part of the Corporation's business activities.

It is the responsibility of every employee of the Corporation to conduct the business in full observance of all applicable laws, rules, regulations and guidelines governing the Corporation's business.

1.2 Objective

The objective of this Compliance Charter is to establish the roles and functions of the Compliance Unit.

1.3 Compliance Unit

The Compliance Unit was established in 2013 primarily as a supervisory role for every management level within the Corporation to ensure that the Corporation complies with all applicable laws, rules, regulations and guidelines governing the Corporation's business.

In this respect, the Compliance Unit keeps a constant communication with all the Senior Management and Head of Departments within the Corporation's structure with a view to supplementing the existing supervisory reviews and ensuring that the necessary policies and procedures are in place to effect proper supervision of the respective Departments.

1. PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Lembaga Pengarah ("Lembaga Pengarah") dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan hal ehwal Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad ("CGC").

Budaya korporat Perbadanan mengutamakan prinsip kejujuran dan integriti di mana Pengurusan Kanan CGC akan memimpin melalui teladan dan akan memastikan pengurusan pematuhan CGC yang berkesan. Dalam CGC, pematuhan bermula dibahagian atas dan merupakan bahagian penting dalam aktiviti perniagaan CGC.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja CGC untuk menjalankan perniagaan dengan pematuhan penuh terhadap undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang mentadbir perniagaan CGC.

1.2 Objektif

Objektif Piagam Pematuhan ini adalah untuk menentukan peranan dan fungsi Unit Pematuhan.

1.3 Unit Pematuhan

Unit Pematuhan ditubuhkan pada tahun 2013 untuk memainkan peranan terutamanya dalam penyeliaan bagi setiap peringkat pengurusan di dalam CGC untuk memastikan bahawa CGC mematuhi semua undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang mentadbir perniagaan CGC.

Dalam hal ini, Unit Pematuhan melaksanakan komunikasi yang berterusan dengan pihak Pengurusan Kanan dan Ketua Jabatan di dalam CGC dengan tujuan untuk menambahbaik pengawalseliaan yang sedia ada dan memastikan dasar-dasar dan prosedur yang perlu disediakan untuk melaksanakan pengawasan yang sewajarnya bagi Jabatan masing-masing.

The Compliance Unit reports to the Board Risk Management Committee ("BRMC") on the Corporation's Compliance Risk Management status and updates particularly the Statutory Compliance and Regulatory Compliance (collectively referred to "Compliance Risks") confronted by the Corporation.

Unit Pematuhan melapor kepada Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko ("BRMC") berkenaan status dan kemaskini Pengurusan Risiko Pematuhan Perbadanan terutamanya Pematuhan Berkanun dan Pematuhan Peraturan (secara kolektif disebut sebagai " Risiko Pematuhan") yang dihadapi oleh CGC.

2. COMPLIANCE RISKS MANAGEMENT STRUCTURE

2.1 The Compliance Unit identifies, assesses, implements and monitors the conformity of the Statutory Compliance and Regulatory Compliance by the employees of the Corporation.

2. STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PEMATUHAN

2.1 Unit Pematuhan mengenal pasti, menilai, melaksana dan memantau keakuratan Pematuhan Berkanun dan Pematuhan Peraturan oleh pekerja-pekerja CGC.

| CATEGORY / KATEGORI | SCOPE / SKOP |
|----------------------------|---|
| Statutory Compliance | <ul style="list-style-type: none"> Identify, assess and implement the compliance requirements under the applicable Acts governing the Corporation. E.g Applicable Acts issued by Government – Companies Act 1965, Employment Act 1955, Personal Data Protection Act 2010, Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism and Proceed of Unlawful Activities Act 2001, Competition Act 2010, Occupational Safety and Health Act 1994 and others. |
| <i>Pematuhan Berkanun</i> | <ul style="list-style-type: none"> <i>Mengenal pasti, menilai dan melaksanakan keperluan pematuhan dibawah Akta-akta yang terpakai yang mentadbir CGC.</i> <i>Contohnya Akta-Akta Berkenaan dikeluarkan oleh Kerajaan – Akta Syarikat 1965, Akta Kerja 1955, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Persaingan 2010, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan lain-lain.</i> |
| Regulatory Compliance | <ul style="list-style-type: none"> Identify, assess and implement the compliance requirements under the applicable rules and regulation issued by the Regulators E.g Guidelines, Regulations, Orders, Directives and others issued by Bank Negara Malaysia, Ministry, Local Authority or Enforcement Agency. |
| <i>Pematuhan Peraturan</i> | <ul style="list-style-type: none"> <i>Mengenal pasti, menilai dan melaksanakan syarat-syarat pematuhan dibawah peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan.</i> <i>Contohnya Garis panduan, Peraturan, Perintah, Arahan dan lain-lain dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia/Kementerian/Agensi Berkuasa Tempatan atau Agensi Penguatkuasa.</i> |

2.2 An overall approach to Compliance Risks Management encompasses:-

2.2 Pendekatan keseluruhan Pengurusan Risiko Pematuhan merangkumi:-

| CATEGORY / KATEGORI | DESCRIPTION / DISKRIPSI |
|---------------------|---|
| Identification | <ul style="list-style-type: none"> Identifying Compliance Risks within the Corporation |
| <i>Identifikasi</i> | <ul style="list-style-type: none"> <i>Mengenal pasti Risiko Pematuhan dalam Perbadanan.</i> |
| Assessment | <ul style="list-style-type: none"> Identifying Compliance Risks in terms of its likelihood and the severity of the consequences of a compliance breach (financial, regulatory, operational, reputational, etc). |
| <i>Penilaian</i> | <ul style="list-style-type: none"> <i>Mengenal pasti Risiko Pematuhan dari segi kemungkinan dan kesan buruk akibat pelanggaran pematuhan (kewangan, penyeliaan, operasi, reputasi, dan lain-lain).</i> |
| Management | <ul style="list-style-type: none"> Identifying the Compliance Risks and conceptualising the appropriate controls Implementing, performing and overseeing Compliance Risks controls Evaluating and testing the effectiveness of the controls. |
| <i>Pengurusan</i> | <ul style="list-style-type: none"> <i>Mengenal pasti Risiko Pematuhan dan membina konsep kawalan yang sesuai.</i> <i>Melaksanakan, membuat dan menyelia kawalan Risiko Pematuhan.</i> <i>Menilai dan menguji keberkesanan kawalan.</i> |
| Reporting | <ul style="list-style-type: none"> Regular monitoring and reporting of the activities of the respective Departments to ensure its compliance of the relevant governing statutory, regulatory and ethical framework under the laws. |
| <i>Pelaporan</i> | <ul style="list-style-type: none"> <i>Pemantauan dan pelaporan aktiviti-aktiviti Jabatan masing-masing untuk memastikan pematuhan berkala kanun, peraturan dan etika yang berkaitan di bawah undang-undang.</i> |

3. ROLES AND RESPONSIBILITIES

3. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 The Compliance Unit's roles and responsibilities include:

3.1 Peranan dan tanggungjawab Unit Pematuhan termasuk:

- i) reporting to BRMC on Corporation's Compliance Risks status and updates particularly the non-compliance issues confronted by the Corporation;
- ii) monitoring the statutory and regulatory developments and assessing its impact on the Corporation;
- iii) advising and monitoring the operational impact analysis with the Departments on the new statutory and regulatory compliance requirements;
- iv) identifying, assessing and monitoring the conformity, remedial or corrective measures of the Compliance Risks by the Departments;

- i) melaporkan kepada BRMC mengenai status dan kemaskini Risiko Pematuhan CGC terutamanya isu-isu ketidakpatuhan yang dihadapi oleh CGC;
- ii) memantau perkembangan Kanun-kanun dan Peraturan dan menilai kesannya terhadap CGC;
- iii) menasihati dan memantau analisis kesan operasi dengan Jabatan-jabatan mengenai syarat pematuhan berkanun dan peraturan yang baru;
- iv) mengenal pasti, menilai dan memantau pematuhan, langkah-langkah pemulihan atau pembedahan Risiko Pematuhan oleh jabatan-jabatan;

- v) interface with the Ministries, Government Agencies, Governing Authorities and Enforcement Agencies (collectively referred to as "Regulators") on any Compliance Risks issues;
- vi) establishing Compliance Framework and further developing the compliance roles and functions; and
- vii) providing training to the Departments on new Statutory and Regulatory Compliance requirements and promoting the adoption of compliance culture within the Corporation.

- v) *berhubungan dengan Kementerian, Agensi Kerajaan, Pihak Pentadbiran dan Agensi Penguatkuasaan (secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Berkuasa") berkenaan apa-apa isu Risiko Pematuhan;*
- vi) *mewujudkan Rangka Kerja Pematuhan dan membangunkan peranan dan fungsi pematuhan; dan*
- vii) *menyediakan latihan kepada Jabatan-jabatan berkenaan syarat-syarat baru Pematuhan Berkanun dan Peraturan dan menggalakkan penerapan budaya pematuhan dalam CGC.*

4. INDEPENDENCE

- 4.1 The Compliance Unit carries out the functions independently and objectively to ensure impartial and unbiased judgments essential to the prudent Compliance Risks management.

4. KEBEBASAN

- 4.1 *Unit Pematuhan menjalankan fungsi secara bebas dan objektif untuk memastikan pertimbangan yang adil dan saksama yang mana penting untuk Pengurusan Risiko Pematuhan berhemat.*

5. AUTHORITY AND ACCOUNTABILITY

- 5.1 The Compliance Unit shall have unfettered and direct access to all activities in its area of responsibility including but not limited to all documentation, systems (e.g. complaints register, whistleblower reports and files) and access to the employees of the Corporation which the Compliance Unit's reasonably believe are necessary to execute its responsibility effectively.
- 5.2 Specific tasks of the compliance function may be outsourced, but it shall remain subject to appropriate oversight by the Compliance Unit.

5. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

- 5.1 *Unit Pematuhan mempunyai akses penuh dan langsung kepada semua aktiviti dalam bahagian yang dipertanggungjawabkan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua dokumentasi, sistem (contohnya pendaftaran aduan, laporan dan fail pemberi maklumat) dan akses kepada pekerja-pekerja CGC yang mana Unit Pematuhan secara munasabah memerlukan bagi melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.*
- 5.2 *Tugas-tugas khusus berkaitan fungsi pematuhan boleh dikontrak keluar, tetapi ia tetap tertakluk kepada pengawasan yang sesuai oleh Unit Pematuhan.*

6. QUALITY ASSURANCE

- 6.1 The Compliance Unit will comply with all relevant standards, guidelines, policies, procedures and directives issued by internal and external authority.

6. JAMINAN KUALITI

- 6.1 *Unit Pematuhan akan mematuhi semua piawaian, garis panduan, dasar, prosedur dan arahan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalaman dan luaran.*

7. COMPLIANCE FRAMEWORK


- 7.1 Based on this Compliance Charter, a Compliance Framework will be implemented as the key tool for the Compliance Unit, Senior Management, Head of Departments and the employees of the Corporation to respectively supervise, manage and conduct the business in full observance of all applicable laws, rules, regulations and guidelines governing the Corporation.

7. RANGKA KERJA PEMATUHAN

- 7.1 *Berdasarkan Piagam Pematuhan ini, Rangka Kerja Pematuhan akan dilaksanakan sebagai perkara utama bagi Unit Pematuhan, Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan dan pekerja-pekerja Perbadanan untuk masing-masing menyelia, mengurus dan menjalankan perniagaan dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang mentadbir CGC.*

BRANCH NETWORK

JARINGAN CAWANGAN



CLIENT SERVICE CENTRE **PUSAT KHIDMAT PELANGGAN**

Level 2, Bangunan CGC,
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS7/2,
47301 Petaling Jaya, Selangor

Hotline : 03-7880 0088
Facsimile : 03-7803 0077
Person to Contact : Firdaus Abdullah
E-mail : csc@cgc.com.my

MAIN BRANCH **CAWANGAN UTAMA**

Level 1, Bangunan CGC,
Kelana Business Centre
No. 97, Jalan SS7/2,
47301 Petaling Jaya, Selangor

Phone : 03-7804 8100
Facsimile : 03-7806 1290
Person to Contact : A'nas Salehuddin
E-mail : anas@cgc.com.my

ALOR SETAR

5 GF, Kompleks Perniagaan Utama Sultanah Sambungan,
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
05350 Alor Setar, Kedah.
Phone : 04-731 2300
Facsimile : 04-734 1500
Person to Contact : Norella Shaik Haroon
E-mail : norella@cgc.com.my

BATU PAHAT

No. 20 Jln Maju,
Tmn Maju Bukit Pasir,
83000 Batu Pahat, Johor.
Phone : 07-432 2633
Facsimile : 07-432 3088
Person to Contact : Khairunizan Mohamed Taufek
E-mail : khairunizan@cgc.com.my

IPOH

No. 50, Persiaran Greenhill,
30450 Ipoh, Perak.
Phone : 05-243 3900
Facsimile : 05-243 4900
Person to Contact : Punitha Jeyabalan
E-mail : punitha@cgc.com.my

JOHOR BAHRU

46, Jalan Sulam,
Taman Sentosa,
80150 Johor Bahru, Johor.
Phone : 07-338 2788
Facsimile : 07-334 4977
Person to Contact : Brian, Lim Yee Yik
E-mail : brian@cgc.com.my

KOTA BHARU

P.T. 164 Ground Floor,
Section 26, Jln Dusun Muda,
15400 Kota Bharu, Kelantan.
Phone : 09-743 7730
Facsimile : 09-743 7752
Person to Contact : Azman Mohd Ariffin
E-mail : azman@cgc.com.my

KOTA KINABALU

DBKK No. C-G-5 (C16-1), Level 1, Block C,
Harbour City, Sembulan,
Jalan Pantai Baru,
88100 Kota Kinabalu, Sabah.
Phone : 088-486 850
Facsimile : 088-486 851
Person to Contact : Mohd Rozlezam Akop
E-mail : mohdrozlezam@cgc.com.my

KUALA LUMPUR

No.34 A-0-1, Jalan 1/27F,
Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.
Phone : 03-414 96476
Facsimile : 03-414 91237
Person to Contact : Mohamed Noor Ismail
E-mail : mnoor@cgc.com.my

KUALA TERENGGANU

111A, Ground Floor,
Jln Batas Baru,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Phone : 09-625 2400
Facsimile : 09-625 2399
Person to Contact : Jamaludin Khalilullah
E-mail : jamaludin@cgc.com.my

KUANTAN

A-97, Ground Floor,
Sri Dagangan Kuantan, Jln Tun Ismail,
25000 Kuantan, Pahang.
Phone : 09-513 9277
09-513 3561
09-513 3724
Facsimile : 09-513 9577
Person to Contact : Khalipudza @ Liza Abd. Kahar
E-mail : khalipudza@cgc.com.my

KUCHING

192L GF, Lot 468,
Al-Idrus Commercial Centre, Jln Satok,
93400 Kuching, Sarawak.
Phone : 082-424 200
Facsimile : 082-427 300
Person to Contact : Stellarose AK Nelson
E-mail : stella@cgc.com.my

ADDITIONAL CORPORATE INFORMATION

MAKLUMAT KORPORAT TAMBAHAN

MELAKA

111, Ground Floor, Jalan TMR 24,
Taman Melaka Raya,
75000 Melaka.
Phone : 06-284 4300
Facsimile : 06-283 2205
Person to Contact : Mohd Haniza Mohd Jaapar
E-mail : mdhaniza@cgc.com.my

MIRI

Lot No 789 GF, Block 9 MCLD,
Bintang Jaya Commercial Centre,
98000 Miri, Sarawak.
Phone : 085-421 270
Facsimile : 085-410 370
Person to Contact : Wynneer Anak Maclean Pugie
E-mail : wynneer@cgc.com.my

PRAI

Lot 9G, No. 2782,
Tmn Inderawasih, Jln Chain Ferry,
13700 Prai, Penang.
Phone : 04-399 2400
Facsimile : 04-397 5434
Person to Contact : Wan Faizah Zakaria
E-mail : faizah@cgc.com.my

SANDAKAN

Lot 8, Blok 1,
Jalan Labuk Bandar Indah,
Mile 4, 90000 Sandakan, Sabah.
Phone : 089-224 698
Facsimile : 089-224 963
Person to Contact : Sri Rahayu Abdul Adjis
E-mail : rahayu@cgc.com.my

SEREMBAN

No. 21, Jln Durian Emas 3,
Betaria Business Centre,
70400 Seremban, Negeri Sembilan.
Phone : 06-761 2400
Facsimile : 06-761 2477
Person to Contact : Aiza Hj Mat Zip
E-mail : aiza@cgc.com.my

NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the 43rd Annual General Meeting of the Corporation will be held at Maple Room, One World Hotel, 3933 First Avenue, Bandar Utama City Centre, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan on Wednesday, 1 June 2016 at 12.00 noon for the following purposes:

AGENDA

1. To receive and adopt the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2015 together with the Directors' and Auditors' Reports thereon. (Resolution 1)
2. To re-elect the following Directors who retire by rotation in accordance with Articles 76A and 76B of the Corporation's Articles of Association:-
 - a. YBhg. Dato' Md Agil bin Mohd Natt; and (Resolution 2)
 - b. Encik Mohamed Rashdi bin Mohamed Ghazali. (Resolution 3)
3. To re-elect Puan Nadzirah binti Abd. Rashid as Director who retires in accordance with Article 77 of the Corporation's Articles of Association. (Resolution 4)
4. To approve the following Directors' remuneration:- (Resolution 5)
 - a. Payment of Director's fees amounting to RM144,000.00 per annum for the Non-Executive Chairman with effect from 1 January 2016; and
 - b. Payment of Directors' fees amounting to RM60,000.00 per annum for each Non-Executive Director with effect from 1 January 2016.
5. To re-appoint Messrs PricewaterhouseCoopers as Auditors and to authorise the Directors to fix their remuneration. (Resolution 6)
6. To transact any other ordinary business of which due notice shall have been given.

BY ORDER OF THE BOARD

DAENG HAFEZ ARAFAT BIN ZUHUD
(LS0007002)

Company Secretary

Petaling Jaya
10 May 2016

Note:

1. A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy or attorney to attend and vote in its/his/her stead. A proxy or an attorney need not be a member of the Corporation.
2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly authorised in writing or if the appointer is a company under the hand of an officer or attorney of the company.
3. The instrument appointing a proxy and the power of the attorney or other authority, if any, under which it is signed, or a notarial certified copy of that power of authority shall be deposited at the Registered Office of the Corporation - Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.

ADALAH DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan yang ke Empat Puluh Tiga (ke-43) Perbadanan akan diadakan di Bilik Maple, One World Hotel, 3933 First Avenue, Bandar Utama City Centre, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Rabu, 1 haribulan Jun 2016 jam 12.00 tengahari untuk tujuan-tujuan berikut:

AGENDA

1. Menerima dan meluluskan Penyata Akaun Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 berserta dengan Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit. (Resolusi 1)
2. Melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang akan bersara mengikut giliran menurut Artikel 76A dan 76B Tataurus Syarikat:-
 - a. YBhg. Dato' Md Agil bin Mohd Natt; dan (Resolusi 2)
 - b. Encik Mohamed Rashdi bin Mohamed Ghazalli (Resolusi 3)
3. Melantik semula Puan Nadzirah binti Abd. Rashid sebagai Pengarah yang akan bersara menurut Artikel 77 Tataurus Syarikat. (Resolusi 4)
4. Meluluskan ganjaran Pengarah-Pengarah seperti yang berikut:- (Resolusi 5)
 - a. Pembayaran yuran Pengarah berjumlah RM144,000.00 setahun kepada Pengerusi Bukan Eksekutif mulai 1 Januari 2016; dan
 - b. Pembayaran yuran Pengarah berjumlah RM60,000.00 setahun kepada setiap Pengarah Bukan Eksekutif mulai 1 Januari 2016.
5. Melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran Juruaudit. (Resolusi 6)
6. Menjalankan sebarang urusan biasa lain yang mana notis mencukupi mengenainya telah diberikan.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

DAENG HAFEZ ARAFAT BIN ZUHUD

(LS0007002)

Setiausaha Syarikat

Petaling Jaya

10 Mei 2016

Nota:

1. Setiap ahli berhak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat berhak untuk melantik proksi atau wakil untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi atau wakil tidak semestinya ahli Perbadanan.
2. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara bertulis disempurnakan oleh pelantik atau wakil yang dilantik secara bertulis atau sekiranya pelantik adalah sebuah syarikat, sama ada disempurnakan oleh pegawai atau wakil dari syarikat.
3. Instrumen pelantikan proksi dan wakil kuasa atau pihak lain, jika ada, yang telah ditandatangani, atau salinan notari yang telah disahkan bagi kuasa tersebut mesti diserahkan ke Pejabat Berdaftar Perbadanan - Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat tersebut atau sebarang penundaannya.

FORM OF PROXY

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD

Company No : 12441-M
(Incorporated in Malaysia)



I/We _____
of _____
being a member of the abovenamed Corporation, hereby appoint _____
of _____ or failing him/her

as my proxy / our proxy to vote for me / us on my / our behalf at the 43rd Annual General Meeting of the Corporation to be held at Maple Room, One World Hotel, 3933 First Avenue, Bandar Utama City Centre, 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan on Wednesday, 1 June 2016 at 12.00 noon and at any adjournment thereof in the manner indicated below:-

| Resolution No. | For | Against |
|----------------|-----|---------|
| Resolution 1 | | |
| Resolution 2 | | |
| Resolution 3 | | |
| Resolution 4 | | |
| Resolution 5 | | |
| Resolution 6 | | |

(Please indicate with a cross (x) in the spaces provided whether you wish your votes to be cast for or against the Resolutions. In the absence of specific directions, your proxy will vote or abstain as he thinks fit).

Signed this _____ day of _____ 2016. _____
Signature

Notes:-

- 1 A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy or attorney to attend and vote in its/his/her stead. A proxy or an attorney need not be a member of the Corporation.
- 2 The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly authorized in writing or if the appointer is a company under the hand of an officer or attorney of the company.
- 3 The instrument appointing a proxy and the power of the attorney or other authority, if any, under which it is signed, or a notarial certified copy of that power of authority shall be deposited at the Registered Office of the Corporation - Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.

Fold Here

STAMP

COMPANY SECRETARY

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD (12441-M)

Level 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre

No. 97 Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Fold Here